# KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI 2023 (JANUARI-JUN)



UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB



# JANUARI 2023

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

# Pemilik kedai 'cop' parkir berdepan denda RM500

**Johor Bahru:** Pemilik premis yang 'cop' parkir untuk kegunaan peribadi dengan meletakkan baldi, kerusi dan alat pemadam api di tempat letak kereta berkupon sekitar bandar raya ini bakal berdepan kompaun sebanyak RM500.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Mohd Noorazam Osman berkata, tindakan itu dibuat mengikut undang-undang kerana menimbulkan halangan mengikut Seksyen 46 Akta 133 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

Katanya, ia juga sebagai usaha Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) untuk mengatasi kesesakan dan isu tempat letak kereta.

"MBJB sedia maklum mengenai isu 'cop' parkir terutama membabitkan pengusaha spa, refleksologi, kedai aksesori kereta, restoran dan beberapa premis lain.

"Sepatutnya semua premis yang hendak menempah petak parkir berkupon boleh memohon terus kepada MBJB dengan bayaran RM150 sebulan, tetapi tidak ramai pengusaha premis yang memohon.



*Kita kesan memang ramai yang degil (cop parkir). Pengguna berhak meletakkan kereta yang mana sahaja sekiranya terdapat petak kereta yang kosong"*

**Mohd Noorazam Osman**

"Kalau letak kerusi atau upah orang untuk jaga parkir berkupon di depan premis, dari sudut perundangan sebenarnya tidak boleh dan salah terutama dalam tempoh kupon," katanya selepas Mesyuarat Penuh MBJB di Menara MBJB di sini, semalam.

Mohd Noorazam berkata, isu berkenaan juga boleh menimbulkan ketegangan di antara pemilik premis dan orang awam yang ingin parkir kereta.

"Kita kesan memang ramai yang degil (cop parkir). Pengguna berhak meletakkan kereta yang mana sahaja sekiranya terdapat petak kereta yang kosong.

"Dari sudut itu, pengguna boleh menghubungi penguat kuasa dan ambil tindakan, kita juga kerap buat rondaan dan operasi bersepadu dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta PDRM," katanya.

Menurutnya, orang awam boleh terus membuat aduan dan laporan kepada MBJB menerusi talian *hotline* 1-300-88-0146 atau unit aduan 019-7788212 (WhatsApp) agar penguatkuasaan dapat dilaksanakan jika mengesan aktiviti itu.

**BERITA HARIAN**
**03/01/2023**
**(SELASA)**

# Pembantu penguat kuasa veterinar tak mengaku rasuah RM35,000

**Kuala Terengganu:** Seorang pembantu penguat kuasa veterinar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah RM35,000.

Tertuduh, Abol As Mohd Jamil, 43, yang bertugas di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa meminta rasuah bernilai RM35,000 sebagai dorongan menurunkan seksyen pertuduhan kepada hukuman yang lebih ringan bagi kes yang dituduh di Mahkamah Sesyen di sini bagi kesalahan mengikut Seksyen 32 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima rasuah bernilai RM35,000 daripada individu sama.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Jalan Fikri Kampung Seberang Takir Kuala Nerus pada 27 Julai dan 3 Ogos lalu.

## Berdepan penjara 20 tahun

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan tidak bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 7 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Mahkamah juga membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Tertuduh turut dikenakan syarat tambahan iaitu perlu melapor diri ke pejabat SPRM antara 1 hingga 5 hari bulan setiap bulan dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada SPRM Terengganu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Farah Yasmin Salleh dan Nur Athikah Aziz, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Harwan Hamidun.



*Abol As dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.*
(Foto Faisal Aslan Razak/BH)

**BERITA HARIAN**
**05/01/2023**
**(KHAMIS)**

# Minta RM35k turunkan seksyen pertuduhan

**Kuala Terengganu:** Seorang pembantu penguat kuasa mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, terhadap pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM35,000, semalam.

Tertuduh, Abol As Mohd Jamil, 43, *(gambar)* yang bertugas di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, Abol As didakwa meminta rasuah berjumlah RM35,000 daripada seorang lelaki sebagai dorongan untuk menurunkan seksyen pertuduhan kepada hukuman lebih ringan bagi kesalahan mengikut Seksyen 32 (1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015.



Dalam pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima rasuah berjumlah RM35,000 daripada individu sama.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Jalan Fikri, Kampung Seberang Takir, Kuala Nerus pada 27 Julai dan 3 Ogos 2022.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 7 Februari depan.

**HARIAN METRO**
**05/01/2023**
**(KHAMIS)**

# Bekas pegawai syarikat minyak dan gas didakwa rasuah

**RASUAH BUSTERS**

Seorang bekas pegawai syarikat minyak dan gas mengaku tidak bersalah di dua Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas 37 pertuduhan rasuah melibatkan wang RM6.1 juta dan enam pertuduhan pengubahan wang haram (AMLA) hampir RM940,000, tujuh tahun lalu.

Mohd Amal M Razalan, 36, membuat pengakuan itu selepas 37 pertuduhan kes rasuah dibaca di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke-21, Mohd Amal didakwa melakukan kesalahan itu dalam 21 transaksi berbeza daripada seorang pengarah syarikat, sebagai dorongan untuk membantu sebuah syarikat lain bagi mendapatkan kontrak *Provision Of Civil and Structural Maintenance Services*.

Bagi tiga pertuduhan lain, dia dituduh atas kes sama melalui tiga transaksi daripada seorang pengurus projek, bagi menyemak dan mempersetujui dokumen *Job Completion Ticket* (JCT).

Baki 13 pertuduhan lagi, dia didakwa menerima rasuah daripada pengurus projek sama melalui cek ke akaun sebuah syarikat atas persubahatan pengarah syarikat sama, iaitu mempersetujui JCT bagi kontrak sama untuk Operasi Sarawak.

Kesemua kesalahan dilakukan di Maybank Berhad, Menara Berkembar Petronas, Jalan Ampang di sini, antara 21 Disember 2016 hingga 1 Ogos 2019.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 28(1)(c) akta sama dan boleh dihukum bawah Seksyen 24 akta itu.

Ia memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



MOHD AMAL

Mahkamah membenarkan tertuduh dikat jamin RM150,000 dengan seorang penjamin dan memenuhi syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah, disenarai hitam daripada keluar negara serta melapor diri ke pejabat SPRM Putrajaya, sebulan sekali.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 15 Februari depan.

Bagi enam pertuduhan AMLA di hadapan Hakim Azura Alwi, tertuduh tidak mengaku bersalah iaitu lima menerima dan satu menggunakan wang berjumlah RM939,334.10, bermula enam tahun lalu.

Bagi lima pertuduhan AMLA, dia didakwa menerima RM798,985.49 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram, melalui empat akaun bank milik seorang lelaki yang juga pengarah syarikat berusia 35 tahun, daripada dua akaun Maybank Berhad milik dua syarikat.

Kesalahan didakwa dilakukan di Maybank Berhad Petronas Twin Tower, Jalan Ampang dan Dataran Maybank di sini serta Public Bank Berhad cawangan Mont Kiara dan Jalan Genting Kelang, di sini antara 13 Julai 2017 hingga 15 Mac 2022.

Bagi satu lagi pertuduhan AMLA, dia didakwa telah menggunakan wang berjumlah RM140,348.61 melalui dua akaun CIMB Bank Berhad miliknya, daripada akaun Maybank Berhad milik sebuah syarikat di CIMB Bank Berhad Jalan Pantai Baru, di sini pada 22 Mac 2021 dan 18 Mac 2022.

Keenam-enam pertuduhan itu dibuat mengikut subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFPUAA) 2001, yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1) akta sama.

Subseksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 15 tahun dan boleh didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Azura membenarkan tertuduh dikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin dan kes itu disebut semula pada tarikh sama.

Dalam kes ini, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin dan Mohamad Fadhly Mohd Zamry manakala tertuduh diwakili oleh peguam, Datuk Hasnal Rezua Merican dan Muzammil Merican.

**SINAR HARIAN**
**05/01/2023**
**(KHAMIS)**

# Didakwa terima suapan RM35,000

**KUALA TERENGGANU** - Seorang Pembantu Penguat kuasa Veterinar dihadapkan di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas dakwaan menerima suapan berjumlah RM35,000 sebagai balasan bagi membantu kes mahkamah yang dikendalikannya.

Tertuduh, Abdi As Mohd Jamil, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas dua pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh didakwa meminta suapan berjumlah RM35,000 daripada Mohd Nazir Dagang antara jam 12.30 tengah hari hingga 1 petang di Kampung Seberang Takir, di Kuala Nerus pada 27 Julai 2022 sebagai dorongan bagi menurunkan seksyen pertuduhan kepada hukuman yang lebih ringan.

Mohd Nazir Dagang berdepan tuduhan di mahkamah sama bagi kesalahan di bawah Seksyen 32 (1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima suapan berjumlah RM35,000 daripada Mohd Nazir Dagang pada 3 Ogos 2022 di Kampung Seberang Takir, Kuala Nerus.

Dengan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mahkamah turut menetapkan 7 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula kes tersebut.



**Tertuduh (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Kuala Terengganu, pada Rabu.**

**SINAR HARIAN 05/01/2023 (KHAMIS)**





**lokal**

# Gesa SPRM siasat kewujudan kartel kuari

**Putrajaya:** Parti Hijau Malaysia (Penaja) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kewujudan kartel kuari di Hutan Simpan Bukit Lagong, Gombak, Selangor.

Setiausahanya, Abdul Razak Ismail berkata, ini kali kedua laporan dibuat selepas Oktober lalu oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO), Otai Reformis di SPRM Shah Alam yang sehingga kini belum mendapat maklum balas.

Menurutnya, laporan itu dibuat susulan terdapat unsur mengaut keuntungan atas angin membabitkan beberapa syarikat sama yang diberikan kerja-kerja di lokasi itu.

Katanya, pihaknya mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim campur tangan dan mengarahkan kementerian yang bertanggungjawab menyiasat perkara itu.

Beliau berkata, berdasarkan semakan kawasan kuari seluas 887 hektar itu dianugerahkan kepada 27 syarikat termasuk Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dan Koperasi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor Berhad.

"Aktiviti ini sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu, jadi Kerajaan Selangor dan Jabatan Perhutanan Selangor perlu disiasat bagi membukti serta mendedahkan pihak yang memberi kelulusan," katanya kepada pemberita di luar perkarangan bangunan Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

> Aktiviti ini sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu
> Abdul Razak

Pada September lalu media melaporkan, Exco Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian dipetik berkata, kira-kira 26 peratus daripada Hutan Simpan Bukit Lagong bersedia untuk diusahakan sebagai pusat kuari tanpa tanah di situ perlu dikeluarkan dari rizab berkenaan.

Beliau dipetik berkata, semua kelulusan kuari dikeluarkan dalam bentuk lesen kecil mengikut Seksyen 28 Enakmen Akta Perhutanan Negara (Penggunaan) 1985 dan status tanah itu kekal sebagai hutan simpan.

Hee dilapor berkata, terdapat tujuh kuari sedia ada yang diluluskan kerajaan negeri antara 1992 dan 2000 membabitkan keluasan sebanyak 215.64 hektar manakala kelulusan untuk kuari baru dikeluarkan antara 2018 dan 2019 dan akan dihentikan operasinya pada 2023.

Abdul Razak berkata, siasatan pihaknya mendapati terdapat pengusaha yang tiada pengalaman dalam bidang kuari dan diberikan kepada 'kroni' membabitkan parti politik bagi mendapatkan keuntungan 'atas angin'.

# HARIAN METRO 05/01/2023 (KHAMIS)



SHAHRIR BEBAS TUDUHAN GAGAL ISYTIHAR RM1J

# 'Patut gembira tapi saya sedih'

"Saya maklumkan kepada SPRM kenapa ambil wang itu dan kenapa minta tolong daripada Najib yang bertujuan membantu orang miskin beli rumah"

Shahrir

# HARIAN METRO 06/01/2023 (JUMAAT)



## Pecah amanah RM602,000

# Timbalan pengarah dituduh seleweng elaun COVID-19

### Pegawai hospital didakwa tak bayar RM4,000 kepada 10 petugas barisan hadapan

## Rayuan Rosmah dijadual 11 Julai

**BERITA HARIAN**

**07/01/2023**

**(SABTU)**



## Rayuan Rosmah dijadualkan semula pada 11 Julai depan

ROSMAH

# Dua ditahan lindungi kegiatan curi balak

Suspek termasuk penjawat awam diberkas SPRM kerana disyaki terima habuan

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN
KUANTAN

HAIRIZAN

## Rasuah: Pegawai imigresen dibebaskan

SHAH ALAM

# SINAR HARIAN
# 07/01/2023
# (SABTU)

# CEO syarikat ditahan 'kutip' komisen atur kontrak kerajaan

**PUTRAJAYA** - Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat ditahan pada Khamis kerana disyaki mengutip komisen daripada kontraktor yang ingin mendapatkan kontrak kerajaan.

Menurut sumber, suspek yang berusia 42 tahun berkenaan bertindak sebagai orang tengah menghubungkan kontraktor dan pegawai atasan agensi berkenaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi sepanjang tahun 2020 hingga 2022.

Menurutnya, suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada malam Khamis.

"Setakat ini, beberapa kontraktor yang disoal siasat mengaku bersetuju membayar komisen sebanyak 3 hingga 5 peratus dan wang itu akan dimasukkan ke dalam akaun sebuah parti politik kononnya untuk tujuan pembiayaan politik," menurut sumber itu pada Jumaat.

Sumber berkenaan memberitahu, SPRM telah membuka beberapa kertas siasatan membabitkan lima individu disyaki berperanan sebagai orang tengah bagi beberapa kontrak kerajaan yang diberi secara rundingan terus.

Katanya, kontrak-kontrak berkenaan dianggarkan bernilai antara RM50 juta hingga RM500 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi di mana dana keseluruhan berjumlah RM92 bilion.

"Hampir 90 peratus projek yang diberikan secara runding terus masih belum dilaksanakan kerana tiada pengeluaran surat setuju terima (SST) lagi.

"SPRM akan memfokuskan kepada siasatan terhadap baki 10 peratus projek yang sedang berjalan," katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a) Akta SPRM 2009.

**SINAR HARIAN**
**07/01/2023**
**(SABTU)**

# SPRM tahan kakitangan GLC bantu siasatan

**TUNTUTAN PALSU**

**RASUAH BUSTERS**

**JOHOR BAHRU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan seorang kakitangan di sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) disyaki mengemukakan tuntutan palsu berjumlah lebih RM10,000.

Menurut sumber, suspek wanita yang berusia 39 tahun itu ditahan pada jam 10 pagi Jumaat, selepas hadir memberi keterangan.

Difahamkan, pada tahun 2017 hingga 2019, suspek telah mengemukakan tuntutan palsu kepada GLC terbabit berkaitan pelaksanaan program di sebuah daerah di negeri Johor, sedangkan program tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan kes disiasat di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Suspek kemudiannya dilepaskan dengan jaminan SPRM.



AZMI

**SINAR HARIAN**
**07/01/2023**
**(SABTU)**

# 2 pengarah bergelar Datuk kena reman 4 hari

Ahli perniagaan ditahan ketika hadir beri keterangan di Ibu Pejabat SPRM




## BERITA HARIAN 08/01/2023 (AHAD)



Nasional

# 'Jerung swasta' punca rasuah tiada kesudahan

Individu rapat dengan ahli politik, beri tekanan kepada penjawat awam

"Kegiatan rasuah dalam sektor swasta dilihat sangat biasa kerana ramai yang tidak menganggap perbuatan itu sebagai rasuah"

Borhan Dolah,
Pengerusi Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah

**BERITA HARIAN**
**09/01/2023**
**(ISNIN)**



# Tak mengaku tipu Perkeso

*4 individu didakwa serah dokumen palsu tuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 RM504k*

Mahkamah menetapkan sebutan kes pada 7, 15 dan 22 Februari ini

## HARIAN METRO
## 10/01/2023
## (SELASA)



# Dua disiasat buat tuntutan palsu RM11k

*Bekas pengerusi, bekas bendahari NGO direman tujuh hari bantu siasatan SPRM*

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**10/01/2023**

**(SELASA)**

# Perdaya tuntut RM112,000

*CEO didakwa kemuka dokumen palsu pada Perkeso*



## Sambung perintah reman suami isteri



## Dua kakitangan koperasi direman enam hari

**HARIAN METRO**
**11/01/2023**
**(RABU)**



# Penyertaan rakyat perangi rasuah

Cari penyelesaian menerusi Klinik Bina Modul Rasuah Busters

## Dua pegawai kanan koperasi direman kes salah guna kuasa

## CEO pula didakwa buat tuntutan Perkeso palsu

SINAR HARIAN
11/01/2023
(RABU)



# 79 warga PDRM Terengganu terlibat salah laku, disiplin

ROHAIMI

KUALA TERENGGANU - Seramai 79 kakitangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Terengganu terlibat dalam pelbagai kes salah laku dan masalah disiplin sepanjang tahun lepas.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md Isa berkata, jumlah itu melibatkan 18 kesalahan jenayah, salah laku (47), narkotik (lima), tidak hadir tugas (lapan), syariah (dua) dan satu kes berkaitan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Antara kesalahan paling serius ialah kes ugutan terhadap masyarakat. Kita memandang serius hal ini kerana polis sepatutnya menjadi pelindung kepada orang ramai.

"Justeru kita akan mengadakan lebih banyak kursus dan program bersesuaian pada tahun ini di peringkat negeri dan daerah bagi meningkatkan integriti anggota serta pegawai PDRM," katanya selepas Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu di sini, pada Selasa.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sijil penghargaan PDRM kepada 27 penerima termasuk anggota dan pegawai agensi penyelamat serta pengamal media yang telah memberi laporan tepat dan terus berkaitan tugas-tugas kepolisan.

*"Kita akan mengadakan lebih banyak kursus dan program bersesuaian pada tahun ini di peringkat negeri dan daerah bagi meningkatkan integriti anggota serta pegawai PDRM," katanya selepas Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu pada Selasa."*

Dalam pada itu, Rohaimi berkata, kadar indeks jenayah Terengganu tahun lepas telah mencatat penurunan sebanyak 7.34 peratus iaitu 1,477 kes berbanding 1,597 kes pada 2021.

Menurut beliau, bagi kesalahan narkotik, sebanyak 119 tangkapan melibatkan 11,096 suspek direkodkan tahun lepas berbanding 117 tangkapan membabitkan 10,222 suspek pada 2021.

"Bagi jenayah komersial pula, sebanyak 1,311 kes melibatkan 535 tangkapan dilakukan tahun lepas berbanding 1,219 kes dengan 401 tangkapan pada 2021. Kes terbesar melibatkan penipuan," katanya. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**11/01/2023**
**(RABU)**

# Direman 5 hari terima rasuah pakej penginapan mewah RM8k



PASANGAN suami isteri dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur untuk mendapatkan perintah tahanan reman pagi semalam.

**Kuala Lumpur:** Sepasang suami isteri yang juga pegawai penguat kuasa sebuah jabatan kerajaan direman berikutan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima rasuah dalam bentuk pakej penginapan resort mewah.

Sumber SPRM berkata, suspek wanita berusia 48 tahun dan suaminya berusia 51 tahun ditahan anggota SPRM ketika dipanggil memberi keterangan di Pejabat SPRM Kuala Lumpur jam 7 malam, kelmarin.

> "Ia sebagai dorongan supaya suspek menarik balik sekatan pasport milik individu berurusan dengan suspek"
>
> Sumber SPRM

Menurutnya, berdasarkan maklumat, kedua-dua suspek meminta dan menerima suapan berbentuk penginapan tiga hari dua malam di sebuah resort di Perak berjumlah RM8,000 Disember 2021.

"Ia sebagai dorongan supaya suspek menarik balik sekatan pasport milik individu berurusan dengan suspek.

"Susulan itu, pasangan suami isteri terbabit dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pagi semalam sebelum Majistret Wong Chai Sia membenarkan suspek direman lima hari.

"Suspek kini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

SINAR HARIAN
12/01/2023
(KHAMIS)

Libatkan projek-projek menerusi program khas kerajaan

# Empat direman enam hari kes rasuah RM114 juta

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA



Empat individu direman enam hari kerana disyaki terlibat dengan rasuah program khas kerajaan bernilai RM114 juta.

Empat individu termasuk seorang pengarah urusan dan pengurus besar sebuah syarikat direman enam hari selepas disyaki terlibat dalam kegiatan rasuah bagi mendapatkan projek-projek menerusi program khas kerajaan bernilai RM114 juta.

Perintah tahanan itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin berkuat kuasa pada Rabu sehingga Isnin depan.

Suspek yang berusia lingkungan 38 hingga 65 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya petang Selasa ketika hadir memberi keterangan.

Menurut sumber, pengarah urusan yang berusia 65 tahun itu dikatakan bertindak sebagai orang tengah dengan meminta dan menerima rasuah daripada dua pengarah syarikat tersebut dengan dibantu pengurus besar.

"Orang tengah terlibat dipercayai telah meminta sebanyak tiga sehingga lima peratus daripada jumlah projek sebagai balasan membantu syarikat tersebut mendapatkan projek di bawah program khas kerajaan itu," kata sumber.

Projek-projek tersebut melibatkan pembinaan dan menaik taraf jalan di sebatan tanah air.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas, Datuk Tan Kang Sai mengesahkan penahanan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009.

## SINAR HARIAN
## 12/01/2023
## (KHAMIS)



# Ambil suapan guna akaun adik

*3 individu termasuk pegawai kerajaan diberkas SPRM disyaki terbabit aktiviti jual 'pasport terbang'*

## *Minta 5 peratus bantu dapat projek RM114 juta*

# HARIAN METRO
# 13/01/2023
# (JUMAAT)

HARIAN METRO
14/01/2023
(SABTU)

# Kontraktor direman lima hari kes tuntutan palsu RM444,000

**KUALA SELANGOR** - Seorang kontraktor direman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini pada Jumaat, bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan di sebuah institut latihan di Selangor bernilai RM444,000, bermula tahun 2020 lalu.

Majistret Siti Hajar Ali mengeluarkan perintah itu selepas membenarkan permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lelaki berusia 38 tahun itu direman bermula Jumaat hingga Selasa depan.

Permohonan dibuat bagi siasatan kes tuntutan bayaran palsu kepada pihak institut latihan di negeri ini bagi kerja sebut harga perkhidmatan pembersihan bangunan dan pejabat.

Ia turut membabitkan kerja membersih kawasan dan menyelenggara landskap serta kerja-kerja berkaitan, sedangkan ia tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.




Seorang kontraktor berbaju lokap SPRM direman bermula Jumaat hingga Selasa minggu depan bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu bernilai RM444,000.



KONTRAKTOR dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Selangor untuk direman. - Gambar IHSAN SPRM

# Kontraktor buat tuntutan palsu RM444,000 direman

**Kuala Selangor:** Seorang kontraktor ditahan reman lima hari bagi membantu siasatan membabitkan kes tuntutan palsu kerja pembersihan dan penyelenggaraan di sebuah institut latihan awam di Selangor bernilai RM444,000.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Hajar Ali selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sumber berkata, terdahulu suspek lelaki berusia 36 tahun itu ditahan jam 8 malam kelmarin selepas hadir di Pejabat SPRM cawangan Kuala Selangor.

Menurutnya, suspek yang menggunakan perniagaan sebuah syarikat mengemukakan tuntutan bayaran palsu kepada pihak institut latihan di negeri ini.

"Ia bagi kerja perkhidmatan pembersihan bangunan dan pejabat serta menyelenggara landskap berjumlah RM 444,000, sedangkan kerja itu tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Suspek melakukan perbuatan itu antara September 2020 hingga April 2022 ketika menjadi kontraktor di institut berkenaan," katanya semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**14/01/2023**
**(SABTU)**

# Suap RM200, denda RM10,000

*Pemandu van kilang turut dihukum jel 10 hari selepas mengaku bersalah beri rasuah kepada polis*



**HARIAN METRO**

**19/01/2023**

**(KHAMIS)**

# Dua pegawai penguat kuasa, pengurus ditahan

**Putrajaya:** Tamak haloba menyebabkan ada kakitangan kerajaan dan kontraktor dilantik menipu menggunakan taktik serahan dokumen tuntutan palsu bagi projek kerajaan tidak dilaksanakan.

Terbaharu pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai penguat kuasa sebuah agensi dan seorang pengurus syarikat swasta kerana dipercayai menggunakan dokumen mengandungi butiran palsu bagi kerja perkhidmatan dan pembaikan bangunan di sebuah daerah di Sarawak pada 2019.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek lelaki berusia antara 30 hingga 40-an itu ditahan ketika hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Sarawak kelmarin.

Katanya, suspek pertama yang juga seorang pengurus syarikat berusia 30-an ditahan kira-kira jam 3.30 petang di pejabat SPRM Cawangan Sibu manakala suspek kedua dan ketiga yang juga pegawai penguat kuasa ditahan di pejabat SPRM Kuching kira-kira jam 3.15 petang.

Di samping itu, menurutnya, pengurus syarikat itu dipercayai bersubahat dengan pegawai penguat kuasa itu untuk mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu berjumlah kira-kira RM20,000 sedangkan kerja itu tidak dilaksanakan.

Dalam satu lagi kes berasingan, SPRM menahan seramai tiga individu termasuk dua ahli perniagaan kerana disyaki mengemukakan tuntutan mengandungi butiran matan palsu kepada sebuah agensi kerajaan negeri bernilai RM1.5 juta pada tahun 2020 dan 2021.

**HARIAN METRO**
**19/01/2023**
**(KHAMIS)**

# Rasuah polis dengan rantai leher emas

## Pekerja pasar mini didenda RM30,000

ALOR SETAR

Seorang pekerja pasar mini didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, pada Rabu selepas mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan menawarkan suapan seutas rantai leher emas bernilai lebih RM4,000 kepada seorang pegawai polis pada September tahun lepas.

Hakim Rohatul Akmar Abdullah menjatuhkan hukuman itu terhadap V Sancheev, 26, dan turut memerintahkannya menjalani hukuman penjara 12 bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan, manakala rantai leher emas itu perlu dilucutkan hak kepada pihak kerajaan.



Sancheev ketika hadir di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Rabu.

Mengikut pertuduhan itu, Sancheev didakwa menawarkan suapan seutas rantai leher emas bernilai RM4,649.95 kepada Sub Inspektor Abdullatiff Abdullah yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah.

Ia sebagai balasan untuk melepaskannya daripada dikenakan tindakan kerana kesalahan memiliki dadah jenis methamphetamine yang boleh disabitkan di bawah Seksyen 39A[?] Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sancheev didakwa melakukan perbuatan itu pada jam 2 petang, 7 September tahun lepas di dalam bilik sebuah hotel di Jalan Sepuluh, di sini yang merupakan kesalahan di bawah Seksyen 214 Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rehab Abdul Shukor manakala Sancheev tidak diwakili peguam.

Tertuduh kemudian membayar denda berkenaan. - *Bernama*

## Penjawat awam dituduh terima suapan RM45,000

KOTA KINABALU - Seorang penjawat awam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas 16 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM45,000 daripada sebuah syarikat kilang sawit, antara September 2016 dan Januari 2017.

Zulfikar Khomeini Adil, 44, yang bertugas sebagai Ketua Unit Penguatkuasaan Cukai Jualan Negeri, Bahagian Audit Dalam Kementerian Kewangan Negeri Sabah bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, dia didakwa menerima suapan wang berjumlah RM20,000 daripada pengurus sebuah syarikat kilang sawit yang dimasukkan ke dalam akaunnya di Maybank, pada 20 September 2016.

Bagi pertuduhan enam hingga 16 pula, dia didakwa telah diberikan suapan berjumlah RM25,000 daripada pengurus kilang berkenaan dan dimasukkan dalam bank yang sama, antara 2 hingga 7 Januari 2017.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Nurul Izzati Sapfee, manakala Zulfikar diwakili peguam Syed Anwar Sharif Abdullah dan Wilson Chang.

Hakim Jason Juga membenarkan tertuduh dijamin RM25,000 dan menetapkan 15 Februari ini untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**19/01/2023**
**(KHAMIS)**

# Akibat suapan RM200, pemandu van dijel 10 hari, denda RM10,000

BUTTERWORTH - Seorang pemandu van dihukum penjara 10 hari dan didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, selepas mengaku bersalah memberi suapan RM200 kepada seorang anggota polis pada Jun 2021.

Hakim Zulhazmi Abdullah turut mengarahkan M Kalaithasan, 53, dipenjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda itu.

Kalaithasan dituduh memberi suapan RM200 kepada seorang anggota polis berpangkat koperal sebagai dorongan untuk tidak menahan dan menyamannya yang telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) iaitu membawa lebih muatan orang melebihi kapasiti yang dibenarkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.



KALAITHASAN

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Lorong Perusahaan 4, di hadapan sebuah lelong di Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang pada jam 5.10 petang, 28 Jun 2021.

Pertuduhan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

Kalaithasan yang tidak diwakili peguam sebelum itu memohon kepada mahkamah agar mengenakan hukuman denda yang minimum atas alasan dia sudah tidak bekerja selama dua bulan selain perlu menanggung isteri, anak masih bersekolah dan ibu yang sudah tua.

Bagaimanapun Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Afiqa Liyana Rozman memohon mahkamah mengenakan hukuman yang setimpal dengan tahap keseriusan kesalahan rasuah yang boleh mendatangkan kerosakan kepada masyarakat dan ekonomi jika tidak dibendung. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**

**19/01/2023**

**(KHAMIS)**

# Pengarah kena reman kes rasuah projek kementerian

## Dua lagi turut ditahan terima suapan bulanan, barangan mewah

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Seorang pengarah bahagian di sebuah kementerian di sini, antara tiga ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas kesalahan rasuah, semalam.

Selain lelaki dengan gelaran Datuk itu, dua lagi yang ditahan membabitkan perunding projek dan pengarah syarikat binaan.

Ketiga-tiga mereka, berusia lingkungan 40-an ditahan di sekitar Putrajaya antara jam 11 pagi hingga 9 malam kelmarin termasuk ketika hadir memberikan keterangan di ibu pejabat SPRM, di sini.

Sumber memaklumkan, mereka ditahan selepas disyaki menerima wang rasuah secara bulanan dengan jumlah besar daripada kontraktor yang mendapat projek di sebuah kementerian.

Wang rasuah itu adalah bayaran daripada kontraktor dilantik kementerian terbabit sebagai bulanan untuk mempercepatkan proses bayaran tuntutan, membantu meluluskan arahan perubahan kerja dan lanjutan tempoh masa projek.

**Terima barangan mewah**

Menurut sumber, selain menerima suapan wang secara bulanan, suspek juga mendapat sogokan seperti barangan mewah untuk kegunaan peribadi.

Terdahulu, permohonan reman tujuh hari dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin ke atas lelaki bergelar Datuk itu, manakala dua lagi suspek direman tiga hari bermula semalam selepas permohonan reman dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, mengesahkan penahanan terbabit memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



Tiga lelaki termasuk pengarah bahagian di sebuah kementerian dibawa ke Mahkamah Majistret bagi mendapat perintah tahanan reman berkaitan siasatan kes rasuah. (Foto Ismail Samad/BH)

**BERITA HARIAN**
**19/01/2023**
**(KHAMIS)**



# Staf MBK nafi terima RM2,000

**Kuantan:** Seorang kakitangan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima suapan berjumlah RM2,000, tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Yusrizal Md Lobo, 40, *(gambar)* membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Mengikut pertuduhan pertama, Mohd Yusrizal yang juga penolong jurutera didakwa menerima suapan RM1,000 daripada wanita berusia 33 tahun yang dipindahkan secara dalam talian ke dalam akaun miliknya sedangkan tertuduh mengetahui wanita itu mempunyai hubungan dengan tugasan rasminya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank cawangan Temerloh pada 7 Mac 2022.

Dia juga dituduh menerima suapan RM1,000 daripada wanita sama di tempat serupa pada 17 Mac 2022.

Semua kesalahan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya, jika disabitkan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rafiah Izzati Abdul Mutalif yang menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan tersebut.

Bagaimanapun tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan atas alasan perlu menyara keluarga dan mempunyai komitmen tinggi.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM9,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan, tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM Cawangan Temerloh sebulan sekali bermula Februari, hingga kes selesai serta pasport antarabangsa diserahkan kepada pihak berkuasa.

Kes itu disebut semula pada 13 Februari depan.

# HARIAN METRO
# 20/01/2023 (JUMAAT)



# Tiga kakitangan JPDS ditahan didakwa terima rasuah

**HARIAN METRO**
**20/01/2023**
**(JUMAAT)**

# Pemilik syarikat didakwa kemuka dokumen palsu



Tertuduh (kiri) diiringi anggota SPRM setelah mendengar pendakwaan terhadapnya di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa.

ALOR SETAR - Seorang pemilik syarikat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas lima pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana Kerjaya 3.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bernilai RM17,900, dua tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Syakreen Othman, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa dengan niat telah mengemukakan lima dokumen borang pengesahan pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama Round Globe Enterprise kepada seorang wanita yang merupakan Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan Perkeso Kedah.

Tertuduh didakwa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen-dokumen tersebut mengandungi pernyataan palsu mengenai lima individu sedangkan semua mereka yang dinamakan itu bukan pekerja syarikat berkenaan.

Kesemua kesalahan tersebut didakwa dilakukan antara Jun 2021 hingga Julai 2021 di Wisma Perkeso, Jalan Teluk Wan Jah, di sini.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Zulfadli Azharudin mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 (Akta 694) manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan palsu jika butir matan palsu itu dapat dinilai atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Zulfadli sebelum itu memohon supaya mahkamah menetapkan kadar jaminan sebanyak RM50,000 bagi kesemua pertuduhan dihadapi tertuduh.

Hakim kemudiannya menetapkan wang jaminan sebanyak RM7,000 bagi kesemua pertuduhan dan tertuduh diperintahkan untuk melapor diri di Pejabat SPRM Alor Setar pada minggu pertama setiap bulan.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 27 Februari depan untuk serahan dokumen serta lantikan peguam oleh tertuduh.

**SINAR HARIAN**
**25/01/2023**
**(RABU)**


# Ops Hire: Tekad SPRM banteras ketirisan, penyelewengan dana awam

SINAR HARIAN
21/01/2023
(SABTU)



# Nafi 9 pertuduhan cuci wang RM700k

*Warga emas mengaku tidak bersalah terima, pindah, lupus hasil aktiviti haram*

TUNTUTAN PALSU PROGRAM PERKESO

## *Lelaki tak mengaku mohon RM87,500*

# HARIAN METRO
# 31/01/2023
# (SELASA)



SUSPEK direman tiga hari.

# Warga Bangladesh sogok polis RM100 direman tiga hari

**Putrajaya:** Tindakan seorang buruh warga Bangladesh menyogok anggota polis dengan wang RM100 untuk melepaskan diri, membawa padah apabila dia ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, kelmarin.

Menurut sumber, lelaki berusia 30-an itu menyogok wang kepada anggota polis sebagai balasan agar tidak mengambil tindakan terhadapnya yang memandu kereta tanpa lesen ketika pemeriksaan dilakukan.

Berikutan tindakan itu, anggota polis kemudian menyerahkan lelaki itu ke Pejabat SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya pada kira-kira 2 petang kelmarin dan dia ditahan bagi membantu siasatan.

Lelaki itu direman tiga hari hingga Selasa ini selepas Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman oleh SPRM di Mahkamah Majistret, di sini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya Azizul Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO
31/01/2023
(SELASA)





# Dituduh lupus wang RM1.2j

## Warga emas mengaku tak salah terbabit aktiviti haram

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lelaki warga emas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen semalam atas sembilan pertuduhan menerima, memindahkan dan melupuskan wang hasil daripada aktiviti haram membabitkan jumlah lebih RM1.2 juta.

Tertuduh, Ahmad Yusri Mohd Yunus, 67, membuat pengakuan tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim, Kamarudin Kamsun.

Mengikut empat pertuduhan, Ahmad Yusri didakwa menerima wang berjumlah RM706,695 iaitu hasil daripada aktiviti haram ke dalam akaun semasa miliknya daripada syarikat AYMY Multitouch Enterprise.

Ahmad Yusri dibawa ke Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Dalam tiga pertuduhan seterusnya, dia dituduh memindahkan wang RM77,000 dari akaun banknya yang juga hasil aktiviti haram secara dalam talian sebagai bayaran ke dalam akaun bank milik tiga syarikat berlainan.

Tertuduh juga didakwa atas dua pertuduhan melupuskan wang berjumlah RM490,285 yang juga hasil wang haram.

Semua kesalahan itu dilakukan antara 6 hingga ke 13 November 2020 di sebuah bank tempatan di Taman Maluri, Cheras, di sini.

Bagi semua pertuduhan berkenaan, Ahmad Yusri didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

**Penjara tak lebih 15 tahun**

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta yang mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Norazihah Asmuni menawarkan ikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan itu.

Peguam, Muhammad Rafique Rashid Ali memohon supaya mahkamah mengurangkan kadar ikat jamin berikutan tertuduh sudah diisytiharkan muflis, tidak bekerja, menghidap kencing manis dan baru menjalani pembedahan lutut.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 7 Mac nanti sebagai tarikh sebutan semula kes.

**BERITA HARIAN**
**31/01/2023**
**(SELASA)**

# BERITA HARIAN
# 31/01/2023
# (SELASA)

# Pemilik syarikat elektrik didakwa lagi



Raymond dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto Pele Azuan/BH)

**Shah Alam:** Seorang pemilik syarikat elektrik dan elektronik didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lima pertuduhan membuat tuntutan palsu Program Penjana Kerjaya 2.0 dan 3.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bernilai RM87,300 pada 2021.

Raymond Sim, 35, bagaimanapun, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rosilah Salleh.

Mengikut kertas pertuduhan, bapa kepada seorang bayi itu didakwa memberikan suatu dokumen, iaitu Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja (Hiring Insentive Program) atas nama Mibot Sdn Bhd bagi menuntut insentif dua siri Program Penjana Kerjaya berjumlah keseluruhan RM87,300 kepada tiga pegawai perkhidmatan pekerjaan PERKESO bagi nama pekerja baharu, sedangkan senarai pekerja yang dinamakan dalam dokumen berkenaan bukan pekerja syarikat miliknya.

Justeru, dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (2) akta sama. Sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Raymond didakwa melakukan kesalahan itu di dua cawangan pejabat PERKESO di Petaling Jaya dan Klang antara 9 Mac hingga 11 November 2021.

## Kes dipindahkan

Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Aliff Shaharuzaman menawarkan jaminan sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan perlu menyerahkan pasport kepada pihak mahkamah serta melaporkan diri ke pejabat SPRM berdekatan setiap awal bulan.

Mohd Aliff turut memohon agar kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan bersama empat lagi pertuduhan yang dihadapi tertuduh di mahkamah terbabit.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta membenarkan kes berkenaan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 28 Februari depan.

Terdahulu pada 26 Januari lalu, Raymond yang juga pemilik sebuah lagi syarikat, iaitu Fireshot Marketing Sdn Bhd mengaku tidak bersalah atas tujuh pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi menuntut insentif di bawah program sama berjumlah RM133,300.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu antara 3 Jun 2021 hingga 15 September 2021 di pejabat PERKESO Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan menyerahkan dokumen palsu mengandungi butiran nama pekerja baharu sedangkan senarai pekerja dikemukakan itu bukan pekerja syarikat berkenaan.



# FEBRUARI 2023

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

# Penjawat awam terima suapan dipenjara sehari, denda RM10,000



Sumardi (tengah) ketika dibawa ke Mahkamah Khas Rasuah di Butterworth, pada Selasa.

BUTTERWORTH - Seorang pegawai kesihatan persekitaran dipenjara sehari dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Khas Rasuah, di sini selepas mengaku salah menerima wang suapan pada 2016.

Tertuduh, Sumardi Yazid, 41, membuat pengakuan itu atas pertuduhan pilihan yang dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut kertas pertuduhan, Sumardi yang ketika itu bertugas sebagai penolong pegawai kesihatan persekitaran di Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) didakwa menerima wang tunai RM5,200 dengan membuat syor memilih syarikat yang dimiliki adiknya bagi melaksanakan kerja membekal peralatan bekalan am.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 8 Mac 2016 di Pejabat Kesihatan SPT Berapit, Bukit Mertajam.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Dalam rayuannya, tertuduh yang diwakili peguam, Ang Chun Pun merayu agar hukuman ringan diberikan berikutan anak guamnya yang digantung tugas selain perlu menjaga isteri, seorang anak berusia 14 tahun dan ibu mertua yang diserang strok.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Noor Azura Zulkiflee bagaimanapun meminta mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran dan mesej kepada orang ramai, termasuk penjawat awam bahawa perbuatan menerima rasuah adalah kesalahan serius.

Mahkamah kemudiannya mengarahkan tertuduh dipenjara sehari dan denda RM10,000.

Difahamkan, tertuduh menjelaskan denda yang dikenakan itu.

## SINAR HARIAN
## 01/02/2023
## (RABU)



BAGI PROJEK PEMBEKALAN KEPADA ANAK SENDIRI

## Pengurus salah guna kuasa ditahan

KES RASUAH TIKET UMRAH

# Akaun isteri, bekas isteri dibekukan

*SPRM sita RM160,000 wang tunai milik pengarah urusan*

JOLI WANG RM75,000 MILIK PERTUBUHAN BELIA

## Pengerusi direman SPRM empat hari

**HARIAN METRO**
**14/02/2023**
**(SELASA)**



# Tamatkan segera budaya rasuah

Pengguna akhir terpaksa tanggung kos terselindung akibat amalan korupsi

SHAH ALAM

# Kurangkan peranan 'orang tengah'

SHAH ALAM

## SINAR HARIAN

## 15/02/2023

## (RABU)

## Dua anggota JPJ didakwa beri suapan

**MELAKA** - Dua anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini pada Selasa atas pertuduhan memberi suapan berjumlah RM7,850 kepada rakan sekerja mereka untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha lori yang membawa muatan berlebihan.

Mohd Rafi Abd Rahman, 59, yang berdepan enam pertuduhan didakwa memberikan suapan RM600 bagi tempoh enam bulan kepada seorang pemeriksa kereta motor Gred AB29 di JPJ Melaka sebagai upah tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha lori yang mempunyai pelekat Pepsi atau Saudagar atas kesalahan melebihi muatan.

Kesalahan itu dilakukan di kawasan parkir kereta JPJ Bukit Katil di sini antara 1 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018.

Seorang lagi tertuduh, Che Fadzle Izwan Che Johari, 36, berdepan lapan pertuduhan melibatkan jumlah suapan antara RM400 hingga RM900 kepada tiga individu berbeza di JPJ Melaka Bukit Katil sebagai upah tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha lori yang melakukan kesalahan sama.

Kesalahan tersebut dilakukan di kawasan parkir dan Bahagian Penguatkuasaan di JPJ Bukit Katil antara 1 Januari 2019 hingga 30 April 2020.

Hakim Elesabet Paya Wan membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM12,000 seorang untuk semua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Bagi syarat tambahan, Mohd Rafi diarahkan untuk melaporkan diri di Pejabat SPRM Melaka sementara Che Fadzle di Pejabat SPRM Seremban, Negeri Sembilan setiap bulan dengan dokumen perjalanan kedua-duanya diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Mahkamah kemudiannya menetapkan 10 April ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

## Tonto didakwa terima rasuah daripada 10 syarikat lori

**MELAKA** - Seorang lelaki yang dipercayai tonto dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini pada Selasa atas 43 pertuduhan menerima suapan daripada 10 syarikat pengangkutan lori berjumlah RM101,625 sejak 2016.

Norsham Ahmad, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Bagi semua pertuduhan, Norsham didakwa menerima suapan daripada 10 syarikat pengangkutan lori sebagai dorongan bagi pegawai badan awam iaitu pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Melaka untuk tidak mengambil tindakan ke atas lori-lori milik kesemua syarikat tersebut.

Dia didakwa melakukan perbuatan tersebut menerusi transaksi pindahan dalam talian ke akaun miliknya, anak lelakinya serta seorang individu melibatkan beberapa bank di sini antara Januari 2016 hingga Mac 2021.

Elesabet kemudian membenarkan jaminan RM45,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan yang dicadangkan pendakwaan dan menetapkan 11 April depan untuk sebutan semula kes.

# SINAR HARIAN
# 15/02/2023
# (RABU)





PENDEDAHAN PANDORA PAPERS

## Bekas Menteri Kewangan antara disiasat SPRM

**Kuala Lumpur:** Seorang bekas Menteri Kewangan dan beberapa individu kenamaan lain antara disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pendedahan 'Pandora Papers' yang mendedahkan mengenai penyimpanan harta luar biasa di luar negara.

Difahamkan, menteri berkenaan sudah diambil keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

Sumber berkata, siasatan ketika ini adalah menjurus kepada kekayaan luar biasa yang dimiliki beberapa individu dan kaitan dengan syarikat luar pesisir di luar negara.

SPRM juga menyiasat adakah terdapat [illegible] kewangan yang dimiliki hasil daripada tender dan projek kerajaan.

Setakat ini juga, difahamkan tiada pembekuan aset dilakukan SPRM.

Malah, ramai lagi individu termasuk bekas menteri dan keluarga yang mempunyai kaitan dengan dakwaan 'Pandora Papers'.

Sementara itu, usaha Berita Harian untuk menghubungi Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika ini belum berhasil.

Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menjadi Ketua Pembangkang pernah mengusulkan untuk membahaskan pendedahan Pandora Papers.

Beliau pada sesi Parlimen [illegible] Speaker Dewan Rakyat ketika itu sengaja menolak usul itu, malah mendakwa Datuk Azhar Azizan bertindak sebagai 'peguam bela' kepada pemimpin politik dan ahli perniagaan yang dikaitkan dalam laporan itu.

Anwar berkata, pendedahan 'Pandora Papers' itu perlu dibentang dan dibahaskan dengan segera kerana wujud dakwaan menyatakan jumlah wang dari Malaysia yang disimpan di luar negara mencecah ratusan bilion.

Katanya, ia wajar dibahaskan segera kerana ia bukan saja membabitkan Pandora Papers, tetapi juga laporan Global Financial Integrity 2022 serta pendedahan Panama Papers pada [illegible].

Pendedahan Pandora Paper menyebut kira-kira 12 individu Malaysia termasuk empat ahli politik antara puluhan ketua negara, kerajaan dan pemerintah dari seluruh dunia yang didapati menggunakan tempat perlindungan cukai luar pesisir bagi menyembunyikan aset bernilai ratusan juta dolar, sepanjang 25 tahun lalu.

# HARIAN METRO 15/02/2023 (RABU)

# Bekas pemilik syarikat didakwa palsu dokumen projek RM150,000

**Kota Kinabalu:** Seorang bekas pemilik syarikat dihadapkan ke Mahkamah Khas Rasuah di sini, semalam, atas pertuduhan menggunakan dokumen palsu bagi memohon pembiayaan projek pembersihan bernilai RM150,000.

Tertuduh, Sarah Diana Michele Dural, 44, didakwa menggunakan dokumen Surat Tawaran Kerja-Kerja Projek Membersih Kawasan Kem Lok Kawi, di sini, bagi tempoh kontrak dari 1 April 2014 sehingga 1 April 2015, bertarikh 21 Mac 2014 yang sebenarnya adalah palsu.

Wanita itu didakwa menggunakan dokumen itu untuk memohon pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Kontrak Ekspress bernilai RM150,000 daripada Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Permohonan berkenaan didakwa dibuat atas nama syarikat milik tertuduh iaitu Kekal Bersama SZ Enterprise yang dikemukakan kepada Pejabat Mara Negeri Sabah di Ruang Singgah Mata 4, Asia City, di sini, pada 25 Mac 2014.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Hakim Jason Juga membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan RM5,000 deposit selain seorang penjamin tempatan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap dua bulan sekali, manakala pasport antarabangsanya diserahkan kepada mahkamah.

Selain itu tertuduh turut diberi amaran tidak mengganggu saksi pendakwaan bagi mengelak ikat jamin yang diberikan mahkamah dibatalkan.

**HARIAN METRO**
**15/02/2023**
**(RABU)**

# SPRM siasat bekas Menteri Kewangan

## Pandora Papers dedah simpanan harta ratusan billon ringgit di luar negara

Oleh [illegible]
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang bekas Menteri Kewangan disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung Pandora Papers, yang mendedahkan mengenai penyimpanan harta di luar negara berjumlah ratusan billion ringgit.

Difahamkan, menteri berkenaan sudah diambil keterangan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

*BH* dimaklumkan, siasatan ketika ini menjurus kepada kekayaan luar biasa yang dimiliki beberapa individu, termasuk bekas menteri dan individu kenamaan lain serta keluarga mereka, selain kaitannya dengan syarikat luar pesisir di luar negara.

SPRM juga menyiasat kemungkinan ada hubung kait kewangan yang dimiliki, hasil daripada tender dan projek kerajaan. Setakat ini, tiada pembekuan aset dilakukan oleh SPRM.

*BH* cuba mendapatkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berhubung perkara itu, namun belum berhasil.

**[illegible]**

Pandora Papers, antara lain menyebut, kira-kira 11 individu Malaysia, termasuk empat ahli politik, antara puluhan ketua negara, kerajaan dan pemerintah dari serata dunia yang didapati menggunakan tempat perlindungan cukai luar pesisir bagi menyembunyikan aset bernilai ratusan juta dolar, sepanjang 25 tahun lalu.

Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menjadi Ketua Pembangkang pernah mengusulkan untuk membahaskan pendedahan Pandora Papers.

Beliau pada sesi Parlimen 2021, berang malah menuduh Speaker Dewan Rakyat ketika itu sengaja menolak usul itu, malah mendakwa, Datuk Azhar Azizan bertindak sebagai 'peguam bela' kepada pemimpin politik dan ahli perniagaan yang dikaitkan dalam laporan itu.

Anwar berkata, pendedahan Pandora Papers perlu dibentang dan dibahaskan segera kerana wujud dakwaan menyatakan jumlah wang dari Malaysia yang disimpan di luar negara, mencecah ratusan bilion ringgit.

Katanya, ia wajar dibahaskan segera kerana ia bukan sahaja membabitkan Pandora Papers, tetapi juga laporan Global Financial Integrity (GFI) 2013 serta pendedahan Panama Papers pada 2016.

GFI dan Panama Papers antara lain mendedahkan pengaliran wang secara haram ke luar negara berjumlah RM1,300 bilion sejak 2004 hingga 2013.



Pegawai Imigresen direman lima hari bagi membantu siasatan terhadap penemuan mesej mencurigakan dalam telefon pintarnya. (Foto Ihsan SPRM)

# Pegawai Imigresen direman 5 hari kes mesej mencurigakan

**Kuching:** Seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) direman lima hari hingga 19 Februari ini, bagi membantu siasatan terhadap penemuan mesej mencurigakan dalam aplikasi WhatsApp pada telefon pintar miliknya.

Perintah tahanan reman bermula hari ini dikeluarkan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali di sini, semalam, selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, suspek berusia 42 tahun ditahan kira-kira jam 4.45 petang semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu pada jam 10.12 pagi semalam, katanya, sepasukan pegawai Unit Integriti Imigresen Sarawak mengadakan pemeriksaan mengejut di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu di Serian.

"Hasil naziran itu, pasukan menjumpai satu perbualan yang mencurigakan dalam aplikasi WhatsApp pada telefon pintar suspek.

"Pegawai (pegawai Unit Integriti JIM) membawa suspek ke pejabat SPRM Sarawak untuk tindakan lanjut," katanya.

# BERITA HARIAN
# 15/02/2023
# (RABU)

# Pengarah syarikat didakwa cuba perdaya PERKESO

## Tertuduh tidak mengaku bersalah kemuka dokumen palsu tuntut insentif RM1.19j

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengarah syarikat membekalkan tenaga kerja dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan mengemuka dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 berjumlah RM1.19 juta.

Tertuduh, S Ratah, 54, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mengikut pertuduhan, Ratah sebagai pemilik syarikat Star Skill Sdn Bhd memberi borang pengesahan pekerja program insentif pengambilan pekerja atas nama syarikat itu, bertarikh 3 Mei dan 6 Mei 2021 kepada ejen dan pegawai PERKESO.

Tertuduh berniat memperdaya PERKESO kerana borang pengesahan itu mengandungi pernyataan palsu, iaitu 12 orang dalam senarai pekerja yang dinamakan dalam borang bukan pekerja syarikat berkenaan.

Kesalahan dilakukan di Wisma PERKESO, Jalan Tun Razak di sini, pada Mei 2021.

Berikutan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta denda tidak kurang lima kali ganda nilai palsu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

### Tawar jaminan RM50,000

Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Fadhly Mohd Zamry menawarkan jaminan RM50,000 terhadap tertuduh, selain syarat tambahan perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan setiap bulan.

Namun, peguam bela tertuduh, Tarlochan Singh Dhaliwal memohon jaminan kurang RM20,000 atas alasan anak guamnya tiada pendapatan tetap, selepas syarikat muflis dan mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan rawatan susulan.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM45,000 dengan syarat tambahan seperti dimohon pendakwaan dan menetapkan sebutan semula kes pada 14 Mac ini.



*S Ratah dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.*

**BERITA HARIAN**
**15/02/2023**
**(RABU)**

# Dituduh seleweng RM440,000

*Ketua Umno Bahagian Shah Alam mengaku tidak bersalah terhadap enam pertuduhan*

Oleh Noranira Che Noh
an@hmetro.com.my

**RM80K**

Shah Alam

Ketua Umno Bahagian Shah Alam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas enam pertuduhan termasuk salah guna harta berjumlah RM440,000 bagi program korban, pendana dan sumbangan pakaian sekolah anak yatim serta menggunakan dokumen palsu pada 2017 dan 2017.

Tertuduh, Datuk Azhari Shaari, 53, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Azhari didakwa sebagai pemandatangan tunggal akaun bank atas nama Persatuan Belia Kampung Kuantan Timur, Persatuan Belia Bersatu Tegoh Shah Alam dan Persatuan Belia Kampung Kuantan Utara secara tidak jujur menyalahgunakan dana bagi program ibadah korban dan sumbangan pakaian sekolah anak yatim, masing-masing RM120,000, RM120,000 dan RM200,000.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 8 dan 27 September 2017 di sebuah cawangan bank di Pelabuhan Klang, Klang.

Justeru, Azhari didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 403, Kanun Keseksaan yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan penjara minimum enam bulan dan maksimum lima tahun dan dengan sebat, dan boleh juga dikenakan denda.



AZHARI (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas enam pertuduhan salah guna harta berjumlah RM440,000 pada tahun 2017.

Bagi kesalahan penggunaan dokumen palsu, ahli politik itu didakwa secara tidak jujur menggunakan sebagai salinan masing-masing tiga dokumen iaitu minit mesyuarat agung tahunan pada 2009 persatuan-persatuan berkenaan yang dia ketahui adalah dokumen palsu.

Dia didakwa melakukan mengikut Seksyen 471, Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465, kanun yang sama. Jika disabitkan kesalahan boleh di penjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Azhari didakwa melakukan kesalahan itu di cawangan bank yang sama pada 19 Mei 2021.

Timbalan Pendakwa Raya, Allan Suman Pillai menawarkan jaminan RM100,000 bagi semua pertuduhan dengan dua penjamin serta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam yang mewakili Azhari, S Ashok Kandiah memohon jaminan dikurangkan dengan alasan anak guamnya tidak mempunyai pendapatan tetap.

Hakim kemudian menetapkan jaminan RM80,000 bagi semua pertuduhan dengan dua penjamin berserta syarat tambahan yang dikemukakan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 13 April depan.

**HARIAN METRO**
**15/02/2023**
**(RABU)**

KES KECURIAN REE DI HUTAN SIMPAN BUKIT ENGGANG, SIK

# Panggil 6 pihak bantu siasatan

Alor Setar

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memanggil enam pihak bagi membantu siasatan berhubung kecurian unsur nadir bumi (REE) di Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap bagaimanapun enggan mendedahkan identiti mereka yang dipanggil itu kerana siasatan sedang dijalankan.

"Ketika maklumat diterima berhubung kes itu, SPRM memang sudah memulakan siasatan awal terlebih dahulu. SPRM membuat tindakan awal dengan menjalankan temu bual bersama lima hingga enam pihak bagi membantu siasatan berhubung REE ini.

"Buat masa ini, hasilnya masih belum dapat dimaklumkan lagi dan tiada keputusan atau cadangan yang boleh diberikan kepada kerajaan negeri," katanya ketika ditanya mengenai perkembangan kes kecurian REE di hutan simpan itu.

Beliau berkata, Jawatankuasa Pemantauan REE Negeri Kedah juga sudah mengadakan satu mesyuarat pada minggu lalu bagi membincangkan perkara berkaitan REE dan maklum balas daripada setiap agensi yang mungkin terlibat dalam urusan itu akan diperoleh pada 20 Februari depan.

"Apabila timbul isu REE ini, SPRM telah mencadangkan kepada pihak Setiausaha Kerajaan (SUK) untuk mengaktifkan jawatankuasa itu bersama Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (JITU) dengan memanggil pihak agensi yang berkenaan untuk tindakan dan perbincangan.

"Antara agensi yang sudah dikenal pasti itu adalah Jabatan Hutan, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Alam Sekitar, Syarikat Air Darul Aman (Sada) dan mungkin akan ada beberapa tambahan agensi lain lagi selepas ini," katanya.

Shaharom Nizam juga berkata, SPRM tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat berkaitan siasatan yang dijalankan sehingga ia diputuskan di mahkamah kelak.

Baru-baru ini, media melaporkan 52 individu ditahan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah selepas mereka dipercayai melakukan kegiatan penerokaan REE secara haram di hutan simpan itu.

Dalam perkembangan lain, Shaharom Nizam berkata, pihaknya tidak menemukan sebarang unsur jenayah dalam siasatan kes dakwaan penyelewengan dana bantuan pakej rangsangan ekonomi yang dikaitkan dengan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Kedah sebelum ini.

"Tiada unsur jenayah dalam kes ini dan ia lebih kepada soal pematuhan prosedur berkaitan penyampaian dana bantuan berkenaan. Kami telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri untuk melakukan penambahbaikan dalam prosedur berkenaan. Siasatan berkaitan kes itu telah selesai," katanya.

Terdahulu Shaharom Nizam ditemui pada majlis persaraannya yang akan bersara wajib mulai esok. Beliau yang menyertai SPRM pada 1992 akan bersara selepas lebih 30 tahun berkhidmat.



KECURIAN unsur nadir bumi (REE) di Hutan Simpan Bukit Enggang, Sik mengundang siasatan SPRM Kedah.

**Enggan dedahkan identiti kerana siasatan sedang dijalankan**

HARIAN METRO

16/02/2023

(KHAMIS)

# Peguam Guan Eng dakwa saksi tidak bercakap benar



Guan Eng hadir di Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

# SPRM tahan tiga individu disyaki terima rasuah RM15 juta

**SINAR HARIAN**
**16/02/2023**
**(KHAMIS)**

Bernama

## DIDAKWA ATAS 13 TUDUHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, TERIMA SUAPAN, MENIPU

# JURUTERA NAFI 'MAKAN SUAP'

Kuala Lumpur

Seorang jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) didakwa di tiga Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 13 pertuduhan pengubahan wang haram, menerima suapan dan menipu membabitkan jumlah keseluruhan RM131,600.

Izwan Mashuri, 40, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayob, Hakim Azura Alwi dan Hakim Suzana Hussin.

Mengikut 11 pertuduhan, Izwan didakwa membabitkan diri secara langsung dalam pengubahan wang haram lalu mengarahkan seorang lelaki untuk membuat pindahan wang berjumlah RM68,600 daripada akaun Bank Islam Malaysia Berhad milik SBR Consultant ke akaun Malayan Banking Berhad milik seorang wanita.

Pendakwaan mengikut Seksyen 4 (1) (a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4 (1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun, denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan rasuah,



IZWAN dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

Izwan didakwa menerima suapan wang RM43,000 daripada seorang lelaki melalui pindahan wang daripada akaun CIMB Bank milik syarikat Norman Resources ke akaun Bank Islam milik syarikat SBR Consultant.

Ia sebagai upah kepada tertuduh yang mencadangkan pelantikan dua syarikat berkenaan milik lelaki itu sebagai subkontraktor kepada Pintas Utama Sdn Bhd bagi projek penyelenggaraan cerun melalui kontrak jangka masa panjang mulai 2017 di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Selain itu, ia turut membabitkan semua kerja pembaikan cerun yang merangkumi kerja awalan, reka bentuk dan pembaikan fizikal serta kerja-kerja pengumpulan data.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi jika sabitan.

Tertuduh juga didakwa menipu seorang lelaki dengan memperdayanya untuk mempercayainya boleh mencadangkan syarikat Paradigm Jitu Enterprise untuk mendapatkan kerja-kerja perunding reka bentuk bagi projek penyelenggaraan cerun di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia kepada syarikat Pintas Utama.

Dia mendorong lelaki berkenaan untuk menyerahkan wang berjumlah RM20,000 ke dalam akaun Bank Islam Malaysia Berhad milik syarikat SBR Consultant, mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Selayang, Off Jalan Ipoh, Batu Caves di sini, antara 7 Februari hingga 2 Disember 2021.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nor Diana Nor Azwa dan Amira Mohd Anas manakala Izwan diwakili peguam Nur Faida Mohd Rashidee.

***Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 20 dan 21 Mac serta 6 April ini.***

**HARIAN METRO**
**18/02/2023**
**(SABTU)**

# Jurutera didakwa ubah wang haram, rasuah RM131,600

**Kuala Lumpur:** Seorang jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) didakwa di tiga Mahkamah Sesyen berasingan semalam, atas 11 pertuduhan pengubahan wang haram dan dua pertuduhan menipu serta menerima rasuah membabitkan jumlah keseluruhan RM131,600.

Bagaimanapun, Irwan Mashuri, 41, sebagai Jurutera Awam Cawangan Kejuruteraan Cerun mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim [illegible], Azura Alwi dan Suzana Hussin.

Mengikut 11 pertuduhan, Irwan membabitkan diri secara langsung dalam pengubahan wang haram iaitu [illegible] seorang lelaki membuat pindahan wang RM98,600 daripada akaun Bank Islam Malaysia Berhad milik SBR Consultant ke akaun Malayan Banking Berhad milik seorang wanita.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Selayang, Lot 102A, 132A & 134A, Bangunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utara, [illegible] Jalan Ipoh, Batu Caves, di sini, antara 9 Mac hingga 3 Disember 2021.



Irwan Mashuri

Pendakwaan mengikut Seksyen 4 (1) (a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4 (1) akta sama.

Kesalahan itu, jika disabit boleh dipenjara maksimum 15 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan rasuah pula, Irwan menerima [illegible] daripada seorang lelaki menerusi akaun CIMB Bank milik Normas Resources ke akaun Bank Islam milik SBR Consultant.

Ia sebagai upah mencadangkan pelantikan syarikat kawalan lelaki berkenaan iaitu Normas Resources dan Muzzal Enterprise sebagai sub kontraktor kepada Pintas Utama Sdn Bhd bagi kontrak projek penyelenggaraan cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

## Perunding reka bentuk

Bagi pertuduhan menipu, Irwan memperdaya seorang lelaki kononnya boleh mencadangkan syarikat Paradigm Jitu Enterprise mendapatkan kerja perunding reka bentuk bagi projek penyelenggaraan cerun di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia kepada syarikat Pintas Utama Sdn Bhd.

Dengan itu, Irwan dengan curangnya mendorong lelaki itu menyerahkan RM30,000 ke akaun Bank Islam Malaysia Berhad milik syarikat SBR Consultant.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan di lokasi sama kes pengubahan wang haram terbabit, pada 7 Februari dan 24 Mac 2021.

Pendakwaan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Bagi kesalahan menipu, pendakwaan mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Ketiga-tiga hakim kemudian menetapkan jaminan keseluruhan RM20,000 terhadap tertuduh dengan syarat tambahan tertakluk dan 20 dan 21 Mac serta 4 April ini untuk sebutan semula kes.

**BERITA HARIAN**
**18/02/2023**
**(SABTU)**



# Jurutera JKR didakwa 13 pertuduhan

KUALA LUMPUR - Seorang jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) didakwa di tiga Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, atas 13 pertuduhan pengubahan wang haram, menerima suapan dan menipu membabitkan jumlah keseluruhan RM131,600.

Irwan Mashun, 40, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayob, Hakim Azura Alwi dan Hakim Suzana Husain.

Mengikut 11 pertuduhan, Irwan didakwa membabitkan diri secara langsung dalam pengubahan wang haram iaitu mengarahkan seorang lelaki membuat pindahan wang berjumlah RM68,600 daripada akaun Bank Islam Malaysia Berhad milik SBR Consultant ke akaun Malayan Banking Berhad milik seorang wanita.

Pendakwaan mengikut Seksyen 4 (1) (a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4 (l) akta sama.

Bagi pertuduhan rasuah, Irwan didakwa menerima suapan RM43,000 daripada seorang lelaki melalui pindahan wang daripada akaun CIMB Bank milik syarikat Normax Resources ke akaun Bank Islam milik syarikat SBR Consultant.

Ia sebagai upah kepada tertuduh yang mencadangkan perlantikan dua syarikat berkenaan milik lelaki itu sebagai subkontraktor kepada Pintas Utama Sdn Bhd bagi projek penyelenggaraan cerun melalui kontrak jangka masa panjang mulai 2017 di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia.

Tertuduh juga didakwa menipu seorang lelaki dengan memperdayanya untuk mempercayainya boleh mencadangkan syarikat Paradigm Jitu Enterprise bagi mendapatkan kerja-kerja perunding reka bentuk bagi projek penyelenggaraan cerun di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia kepada syarikat Pintas Utama.

Dia telah mendorong lelaki berkenaan untuk menyerahkan wang berjumlah RM20,000 ke dalam akaun Bank Islam Malaysia Berhad milik syarikat SBR Consultant.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Selayang, Batu Caves, di sini, antara 7 Februari hingga 2 Disember 2021.

Ketiga-tiga mahkamah menetapkan jaminan RM53,000 bagi kesemua pertuduhan dan menetapkan sebutan semula kes pada 20 dan 21 Mac serta 6 April ini - *Bernama*

# Pemandu dipenjara setahun, dua sebatan kes pecah amanah

SEREMBAN - Seorang pemandu bukan saja dihukum penjara 12 bulan malah turut menerima dua sebatan serta denda RM2,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini pada Jumaat atas pertuduhan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM14,000, bulan lalu.

Majistret Mohamad Ibrahim Mohammad Ghulam turut menyatakan hukuman penjara lima bulan dikenakan terhadap tertuduh Mohd Nasri Malek, 51, jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai pemandu syarikat Khairi Bina Sdn Bhd telah menyalahgunakan harta milik syarikat terbabit iaitu wang berjumlah RM14,000 yang diperoleh daripada sekeping cek milik syarikat itu yang sepatutnya untuk ditunaikan.

Namun tertuduh menggunakan wang itu untuk kegunaan peribadi.

Kesalahan dilakukan di pejabat syarikat itu di Jalan S2 C1, Green Technology Park, di sini, pada 10 Januari lalu.

Mohd Nasri diiring polis sebaik tiba di mahkamah pada Jumaat.

Berikutan itu, tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih lima tahun dan sebatan serta denda.

Sebelum itu, Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Muhaimin Mohd Azman memohon mahkamah mengenakan hukuman yang boleh memberi pengajaran dan setimpal.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan yang mewakili tertuduh memohon hukuman penjara paling minimum atas alasan telah insaf atas kesalahan dilakukan.

Untuk rekod, tertuduh mempunyai lima rekod jenayah membabitkan dadah dan masih dikehendaki bagi kesalahan bahan terlarang itu juga.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

# SINAR HARIAN 18/02/2023 (SABTU)

# Sarjan direman 7 hari, ambil rasuah lepaskan suspek miliki air ketum




SUSPEK ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan melibatkan siasatan rasuah berjumlah RM[illegible] di Kuantan semalam.

KUANTAN – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang anggota polis berpangkat sarjan bagi membantu siasatan kes rasuah berjumlah RM[illegible] bagi melepaskan suspek yang memiliki air ketum kelmarin.

Suspek berusia 38 tahun itu disyaki menggunakan kedudukannya sebagai anggota polis di bahagian narkotik sebagai dorongan melepaskan suspek yang disyaki melakukan kesalahan memiliki air ketum.

Anggota polis berkenaan ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Pahang di sini pada pukul 11.45 malam kelmarin.

Suspek direman tujuh hari hingga 24 Februari ini melalui perintah dikeluarkan Majistret Tengku Elliana Tuan Kamaruzaman.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pahang, Hairulazam Mohamad [illegible], mengesahkan penahanan itu dan individu tersebut disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

**KOSMO**

**19/02/2023**

**(AHAD)**

# Datuk, tiga pengarah syarikat direman

Dalam dua kejadian berasingan libatkan suapan RM7.97 juta dan RM15 juta

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
GEORGETOWN

Seorang pemilik sebuah syarikat bergelar Datuk dan pengurus sebuah syarikat direman tiga hari bermula Rabu untuk membantu siasatan berhubung kes mengemukakan penyata bank palsu untuk mendapatkan tender bernilai RM7.97 juta.

Kedua-dua suspek daripada syarikat pembersihan yang berbeza dan mereka dibawa ke bangunan Mahkamah Syariah dan Majistret Sivil di George Town untuk mendapatkan perintah tersebut.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Mahkamah Sivil, Hadi Hakimi Harun selepas Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Afiqa Liyana Rosman membuat permohonan.

Suspek masing-masing berusia 64 dan 74 tahun itu ditahan untuk membantu siasatan berhubung kes mengemukakan penyata akaun bank syarikat palsu.

Mereka didakwa berbuat demikian bagi mendapatkan kerja-kerja tender perkhidmatan pembersihan am jalan bagi Zon Bertam, Seberang Perai Utara untuk tempoh lima tahun dengan jumlah keseluruhan RM7.97 juta daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Menurut sumber, kedua-dua suspek berkenaan ditahan di ibu pejabat SPRM Pulau Pinang pada petang Selasa ketika hadir memberi keterangan.

Sementara itu di Putrajaya, SPRM menahan tiga pengarah syarikat kerana disyaki terlibat kes rasuah bernilai kira-kira RM15 juta berkaitan projek pembinaan sebuah pangkalan laut di Pahang.

Menurut sumber, ketiga-tiga lelaki berusia lingkungan 40 hingga 50 tahun berkenaan ditahan kira-kira jam 8.30 malam Selasa selepas hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM di Putrajaya.

"Lelaki pertama dipercayai seorang pengarah syarikat melobi projek pembinaan tersebut, manakala dua lagi pengarah syarikat disyaki meminta serta menerima rasuah kononnya untuk diserahkan kepada seorang bekas menteri," kata sumber itu kepada Bernama.

Sumber berkata, Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya ke atas kesemua individu itu selama tiga hari bermula pada Rabu hingga Jumaat ini untuk siasatan lanjut.

Dalam pada itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a) Akta SPRM 2009.




Dua suspek direman tiga hari oleh mahkamah di George Town bagi membantu siasatan kes berkaitan penyata akaun palsu untuk mendapatkan tender bernilai RM7.97 juta.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

1 TULAR VIDEO GADUH: 11 LELAKI DITAHAN DI BATU PAHAT

2 KAMPUNG HARAM PATI BERUSIA TUJUH TAHUN, ADA

SINAR HARIAN
19/02/2023
(AHAD)

# Rasuah: Penolong jurutera JKR direman

KUANTAN - Seorang penolong jurutera awam di Jabatan Kerja Raya (JKR) Raub direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah berjumlah RM516,325.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Raja Norshuzianna Shakila Raja Mamat mulai Sabtu sehingga 1 Mac ini.

Penjawat awam yang berusia 44 tahun ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada jam 6.55 petang Jumaat untuk dirakam keterangan.

Suspek dikatakan meminta suapan RM1,000 hingga RM95,000 antara tahun 2018 dan 2022.

Dia didakwa memperolehi suapan daripada seorang kontraktor sebagai balasan mencadangkan syarikat proksinya diambil sebagai subkontraktor bagi projek pembaikan cerun daripada JKR daerah Raub.

Dalam pada itu juga, suspek itu juga didakwa membantu bagi mendapatkan bayaran tuntutan kerja membaiki cerun tersebut.

Pengarah SPRM Pahang, Hairuzam Mohmad Amin @ Hamim mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



**Penolong Jurutera Awam JKR Raub ditahan reman selama lima hari oleh Mahkamah Majistret di Kuantan bagi membantu siasatan berhubung kes menerima rasuah.**

**SINAR HARIAN**
**20/02/2023**
**(ISNIN)**

# Hampir separuh kes rasuah di Johor libatkan penjawat awam

JOHOR BAHRU - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor mendedahkan hampir separuh daripada kes-kes rasuah di negeri ini melibatkan penjawat awam.

Pengarahnya, Datuk Azmi Alias berkata, berdasarkan tangkapan yang dibuat sejak 2020 sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 219 tangkapan telah dibuat dan daripada jumlah itu seramai 90 orang merupakan penjawat awam.

Jelasnya, pekerja swasta seramai 75 orang manakala orang awam pula seramai 54 orang.

"Sejumlah 940 maklumat berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa diterima SPRM Johor dalam tempoh yang sama.

"Daripada jumlah itu sebanyak 196 kertas siasatan telah dibuka dengan melibatkan 219 tangkapan dan 101 pertuduhan di mahkamah.

"SPRM Johor merekodkan jumlah sitaan sebanyak RM3.65 juta serta melucut hak rampasan pesalah rasuah bernilai RM213,831," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Drama Radio *Ringgit Ke Syurga?* di Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Johor, di sini pada Isnin.



**Azmi (depan dua dari kiri) melancarkan drama radio *Ringgit Ke Syurga?* di Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Johor pada Isnin.**

Hadir sama Pengarah Bahagian Program Radio Jabatan Penyiaran Malaysia, Nor Ain Bakir dan Pengarah Penyiaran Johor, Ramlee Johan.

Menurut Azmi, SPRM Johor telah memberikan sebanyak 22 cadangan dan penambahbaikan kepada tujuh jabatan kerajaan di peringkat Persekutuan mahupun negeri pada tahun lalu.

"Selain menjalankan siasatan berkaitan kes-kes rasuah di negeri ini, SPRM Johor juga melaksanakan tindakan pencegahan rasuah dengan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah melibatkan sektor awam dan swasta.

"Sepanjang tahun 2020 hingga Disember tahun lalu, sebanyak 286 ceramah telah diberikan kepada kesemua kumpulan sasar, selain daripada 131 program berteraskan pencegahan rasuah," jelasnya.

SINAR HARIAN
21/02/2023
(SELASA)



AZMI dan Nor' Ain melancarkan drama radio Ringgit Ke Syurga? di Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Johor.

# Tangkap 90 penjawat awam

**Johor Bahru:** Sebanyak 90 tangkapan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak 2020 hingga Disember tahun lalu di negeri ini membabitkan penjawat awam, diikuti dengan 75 pekerja swasta serta 54 individu awam.

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias berkata dalam tempoh itu juga SPRM Johor telah mencatatkan sitaan berjumlah RM3.65 juta, selain melucut hak rampasan pesalah rasuah bernilai RM213,831.60.

"SPRM Johor telah menerima 940 maklumat berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam tempoh yang sama. Sebanyak 196 kertas siasatan dibuka dengan membabitkan 219 tangkapan dan 101 pertuduhan di mahkamah," katanya.

> "Sebanyak 196 kertas siasatan dibuka dengan membabitkan 219 tangkapan dan 101 pertuduhan di mahkamah"
>
> **Azmi Alias**

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Drama Radio Ringgit Ke Syurga? di Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Johor di sini semalam yang dirasmikan Pengarah Bahagian Program Radio Jabatan Penyiaran Malaysia Nor' Ain Bakir.

Menurutnya dalam tempoh yang sama pihaknya menjayakan 286 ceramah khusus buat kumpulan sasar, dengan 131 program bertemakan pencegahan rasuah disampaikan kepada agensi kerajaan dan swasta, syarikat berkaitan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah.

Sementara itu merujuk kepada pelancaran drama radio sempena Sambutan Ulang Tahun JohorFM Ke-58, Azmi berkata buat julung kalinya SPRM Johor dan Jabatan Penyiaran Malaysia menjalinkan kerjasama strategik dalam menerbitkan drama radio berkisarkan kes rasuah sebenar yang pernah disiasat oleh SPRM Johor sebelum ini.

Beliau berkata penyediaan skrip drama radio itu ditulis oleh pegawai SPRM Johor dari Unit Pendidikan Masyarakat (PenMas) dan tiga cawangan SPRM iaitu Batu Pahat, Kluang dan Segamat.

"Kerjasama dalam menyebarluaskan mesej anti rasuah melalui media amatlah penting dalam menjadi medium perantaraan antara suruhanjaya ini dan masyarakat, bagi memastikan setiap peringkat dapat memahami betapa bahayanya jenayah rasuah, dan pada masa sama menghindari daripada melakukan perbuatan keji itu," tambahnya. - Bernama

**HARIAN METRO**
**21/02/2023**
**(SELASA)**




# Suami isteri subahat buat tuntutan palsu

*Pasangan disyaki buat tuntutan hampir RM2 juta ditahan SPRM*

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.my

**Putrajaya**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan pasangan suami isteri kerana disyaki membuat tuntutan palsu hampir RM2 juta membabitkan bayaran komisen sebuah program bagi merekrut pelajar sekolah menengah melanjutkan pelajaran di sebuah universiti swasta.

Sumber berkata, suspek lelaki yang juga bekas pengurus pemasaran di universiti itu disyaki bersubahat bersama isterinya yang juga seorang suri rumah melakukan tuntutan palsu sekitar 2015 hingga 2020.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira 11 pagi kelmarin manakala isteri suspek berusia 40-an ditahan kira-kira jam 11.30 pagi hari sama ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM Putrajaya di sini.

Perintah reman selama tujuh hari bermula semalam hingga 27 Februari 2023 dikeluarkan terhadap pasangan suami isteri itu oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas pihak SPRM mengemukakan permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya, Azlmi Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan memaklumkan kes akan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**22/02/2023**
**(RABU)**

# Pasangan suami isteri disiasat kes tuntutan palsu komisen RM2 juta




*SPRM mendapat perintah menahan reman seorang lelaki dan isterinya bagi siasatan kes tuntutan palsu berjumlah RM2 juta.* (FOTO IHSAN SPRM)

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan sepasang suami isteri kerana disyaki membuat tuntutan palsu membabitkan bayaran komisen sebuah program merekrut pelajar sekolah menengah untuk melanjutkan pelajaran di sebuah universiti swasta berjumlah hampir RM2 juta.

Sumber berkata, suspek lelaki yang juga bekas pengurus pemasaran universiti berkenaan, disyaki bersubahat dengan isterinya yang juga seorang suri rumah, untuk melakukan tuntutan palsu antara tahun 2015 hingga 2020.

"Suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 11 pagi, manakala isterinya ditahan kira-kira jam 11.30 pagi ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM Putrajaya, semalam (kelmarin).

"Perintah reman selama tujuh hari bermula hari ini (semalam) hingga 27 Februari 2023 dikeluarkan terhadap pasangan itu oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin, selepas meluluskan permohonan SPRM di Mahkamah Putrajaya, hari ini (semalam)," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya, Azizul Ahmad Sarkawi, ketika dihubungi berkata pasangan itu yang disiasat mengikut Seksyen 18, Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**22/02/2023**
**(RABU)**


lokal

# Tak mengaku terima RM4.1j

*Adam Radlan didakwa terima suapan antara 26 November 2021 hingga 5 Januari lalu*

RM141j

## 9 pertuduhan minta, terima RM12.8 juta

# HARIAN METRO
# 23/02/2023
# (KHAMIS)

Kes projek Jana Wibawa

# Datuk minta 10 peratus komisen projek jalan



Wee Cheng dibawa di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, semalam.
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

## Ahli perniagaan kena dakwa sembilan tuduhan babit rasuah RM12.8 juta

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Seorang ahli perniagaan didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas sembilan pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM12.8 juta berkaitan projek Jana Wibawa, antara Julai 2021 hingga Oktober 2022.

Bagaimanapun, tertuduh Datuk Tan Wee Cheng, 65, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Wee Cheng yang juga Pengarah SSH Furniture Sdn Bhd, didakwa atas dua pertuduhan meminta wang suapan RM3.9 juta dan RM7.4 juta, yang juga 10 peratus daripada harga kontrak membabitkan program Jana Wibawa yang bernilai RM38.7 juta dan RM74 juta.

Ia masing-masing bagi projek menaik taraf jalan pintasan dari Jalan Sawah Baru ke Tenang Stesen, di Segamat dan membina jalan dari Kampung Belukar Durian ke Persimpangan FELDA Waha, di Sedili, Kota Tinggi.

Ia sebagai upah bagi membantu Syarikat Muar Usaha Bakti Sdn Bhd mendapatkan projek itu, selain mendorong Syarikat Liko Prosumi Sdn Bhd yang memperoleh projek di Kota Tinggi supaya melantik Syarikat TS Dynamic Construction Sdn Bhd sebagai subkontraktor.

Perbuatan itu didakwa dilakukan Wee Cheng di Pejabat Trimetro Development Sdn Bhd, Jalan Majidi, Muar antara Julai 2021 dan Mei hingga Jun 2022.

Wee Cheng juga didakwa menerima rasuah berjumlah RM1.5 juta bagi projek menaik taraf jalan pintasan dari Jalan Sawah Baru ke Tenang Stesen di Segamat dan membina jalan dari Kampung Belukar Durian ke Persimpangan FELDA Waha, di Sedili, Kota Tinggi.

### Upah bantu dapatkan projek

Ia sebagai upah bagi tertuduh membantu Syarikat Muar Usaha Bakti Sdn Bhd mendapatkan projek di Segamat dan sebagai upah kerana bersetuju melantik Syarikat TS Dynamic Construction Sdn Bhd sebagai sub kontraktor.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di syarikat miliknya di Kawasan Perindustrian Pagoh, Muar antara 20 Ogos 2021 sehingga 13 November 2022.

Semua pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kes pendakwaan dikendalikan Timbalan Pengarah II, Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Ahmad Akram Gharib, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Cains Tan.

Hakim kemudian membenarkan Wee Cheng diikat jamin sebanyak RM300,000 menerusi wang cagaran dengan seorang penjamin warga tempatan, selain pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga selesai kes.

Hakim turut memerintahkan wang cagaran berkenaan diserahkan semalam, selain menetapkan 17 Mei depan untuk sebutan kes dan serahan dokumen.

BERITA HARIAN
23/02/2023
(KHAMIS)

# Adam Radlan hadapi 2 lagi tuduhan

**Shah Alam:** Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad, sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen, semalam berkait projek Jana Wibawa membabitkan dua tuduhan terbaharu, menerima rasuah berjumlah RM4.1 juta.

Bagaimanapun, Adam Radlan, 42, yang juga ahli perniagaan mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan pertama, Adam Radlan sebagai Pengarah Syarikat Bayu Bumiraya Sdn Bhd, menerima suapan RM2 juta melalui akaun CIMB Bank Berhad milik syarikat itu daripada Lian Tan Chuan, sebagai upah membantu Nepturis Sdn Bhd mendapatkan projek Ibu Pejabat Daerah Klang Utara, Selangor daripada kerajaan Malaysia bernilai RM141 juta.

Tertuduh juga didakwa menerima suapan RM2.1 juta menerusi akaun sama daripada Pengarah Urusan MIE Infrastructure & Energy Sdn Bhd, Mat Jusoh Mamat, sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan projek membina Jalan Sungai Adam ke Kampung Banat, Perlis daripada kerajaan Malaysia bernilai RM47.8 juta.

Dua kesalahan terbabit dilakukan di CIMB Bank Bhd cawangan Jaya One, Petaling Jaya, di antara 26 November 2021 hingga 5 Januari tahun lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah tertuduh, Timbalan Pendakwa Raya Allan Suman Pillai menawarkan jaminan RM1 juta dengan empat penjamin bagi kedua-dua pertuduhan.

## Serah pasport ke mahkamah

"Jaminan itu adalah munasabah kerana mengambil kira nilai rasuah RM4.1 juta walaupun tertuduh mungkin tiada risiko untuk melarikan diri.

"Syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap dua bulan dan pasport diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Bagaimanapun, peguam bela tertuduh, Datuk Seri Rajan Navaratnam, memohon jaminan RM200,000 bagi dua tuduhan terbabit.

"Anak guam ada empat anak yang berusia antara sembilan hingga 16 tahun dan perlu menjaga ibunya. Tertuduh tiada risiko untuk melarikan diri dan jaminan itu hanya untuk memastikan kehadiran ke mahkamah.

"Adam Radlan juga ada dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur sebelum ini yang memerlukan bayaran jaminan RM120,000, selain diarahkan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan dan menyerahkan pasport," katanya.

Hakim kemudian menetapkan jaminan RM600,000 berserta empat penjamin dengan syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan.

"Jika pertuduhan di Mahkamah Kuala Lumpur digugurkan, pasport tertuduh perlu diserahkan kepada Mahkamah Shah Alam," katanya sebelum menetapkan sebutan semula kes itu pada 14 April ini.

**BERITA HARIAN**
**23/02/2023**
**(KHAMIS)**

# Lelaki direman kes rasuah kereta

**Kuantan:** Seorang penolong jurutera kanan sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini direman tiga hari bermula semalam untuk siasatan kes rasuah dalam bentuk kereta Mitsubishi Lancer CT9A.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Aisyah Ahmad terhadap lelaki berumur 49 tahun itu yang ditahan selepas hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Cawangan Raub, kelmarin.

Kes pada 2021 itu disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 dengan suspek dipercayai menerima kereta berkenaan daripada kontraktor yang mendapat projek di bawah seliaannya dengan membocorkan maklumat anggaran harga jabatan kepada kontraktor itu bagi pengisian borang tender.

Terdahulu, seorang kontraktor lelaki berumur 44 tahun turut direman lima hari bermula kelmarin bagi membantu siasatan kes sama selepas ditahan di SPRM Cawangan Raub, Isnin lalu.

**BERITA HARIAN**
**23/02/2023**
**(KHAMIS)**



SUSPEK (baju oren) diiringi anggota SPRM Negeri Perlis tiba di Mahkamah Sesyen Langkawi.

# Minta RM4,000 sebulan daripada tauke bot nelayan

**Langkawi:** Seramai empat anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Daerah Maritim 1 Langkawi direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung dakwaan meminta suapan pemerasan sebagai perlindungan kepada bot nelayan.

Perintah reman itu dikeluarkan Hakim Helmi Ghani di Mahkamah Sesyen di sini, selepas suspek dibawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sumber berkata, mereka yang ditahan adalah dua anggota Maritim Malaysia berpangkat Laskar Kanan Maritim dan masing-masing seorang anggota berpangkat Bintara Muda Maritim dan Pegawai Waran II Maritim.

> *Mungkin ada lagi anggota dari agensi sama akan dipanggil bagi membantu siasatan kes ini tidak lama lagi"*
>
> **Sumber**

Katanya, penahanan kesemua suspek berusia lingkungan 30-an itu dilakukan susulan tangkapan dan siasatan kes sama yang dilakukan SPRM Perlis, baru-baru ini.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki meminta suapan minimum RM500 hingga RM4,000 sebulan daripada beberapa pemilik atau tauke bot nelayan.

"Mungkin ada lagi anggota dari agensi sama akan dipanggil bagi membantu siasatan kes ini tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata, terdahulu keempat-empat suspek ditahan di pejabat SPRM Langkawi jam 3.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan bersabit kes berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Suzeliyana Hashim mengesahkan penahanan empat anggota penguatkuasaan berkenaan, namun enggan mengulas lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

**HARIAN METRO**
**23/02/2023**
**(KHAMIS)**

# *Scammer* kaut hampir RM200 juta direman




Seramai 10 individu terdiri daripada warga asing dan Malaysia dikenakan perintah reman di Putrajaya pada Rabu.

## Sindiket sejak 2019 tumpas hasil serbuan SPRM bersama lima agensi, TM dan TNB

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Seramai 10 individu yang dipercayai sindiket penipuan pelaburan didalangi warga United Kingdom (UK) direman enam hari.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Putrajaya, Mohd Dinie Shazwan Ab Shukor selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Rabu.

Terdahulu, kumpulan itu yang terdiri daripada lima warga Britain, Filipina (dua) dan Malaysia (tiga) tiba jam 2.23 petang dengan iringan Pasukan Taktikal Khas (PASTAK) Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan bergari.

Kesemua mereka yang berumur lingkungan 39 hingga 59 tahun itu ditahan dalam serbuan Op Tropicana yang dijalankan SPRM dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Cyber Security Malaysia, Telekom Malaysia (TM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Operasi itu dijalankan serentak di sekitar ibu negara dan Pulau Pinang pada Selasa.

Mereka yang disyaki sebagai scammer itu dipercayai memperoleh kira-kira AUD60 juta (RM181 juta) hasil menipu mangsa terlibat sejak 2019 sehingga sekarang.

Kumpulan itu turut dikatakan menyogok pihak berkuasa untuk menjaga keselamatan ahli-ahli dan memudahkan urusan sindiket menjalankan operasi di 'boiler room' (pusat panggilan) mereka di negara ini.

**SINAR HARIAN**
**23/02/2023**
**(KHAMIS)**

# Pengurus syarikat perabot didakwa terima, minta rasuah RM12.87 juta

JOHOR BAHRU - Seorang ahli perniagaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas sembilan pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM12.87 juta berkaitan projek Jana Wibawa antara Julai 2021 hingga Oktober tahun lalu.

Bagaimanapun, Datuk Teo Wee Cheng, 65, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi dua pertuduhan, Pengarah SSH Furniture Sdn Bhd itu didakwa meminta suapan daripada seorang individu berjumlah RM11.37 juta iaitu 10 peratus daripada harga kontrak bagi tender projek menaik taraf jalan pintasan dan Jalan Sawah Baru ke Tenang Stesen, Segamat bernilai RM39.75 juta dan projek membina jalan dari Kampung Belukar Durian ke Persimpangan Felda Waha, Sedili, Kota Tinggi bernilai RM74 juta.



Wee Cheng (depan) [illegible] di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Rabu atas sembilan pertuduhan menerima dan meminta rasuah berkaitan projek Jana Wibawa.

Tindakan itu sebagai upah membantu Syarikat Muar Usaha Bakti Sdn Bhd mendapat projek berkenaan dan mendorong Syarikat Liku Prestasi Sdn Bhd yang memperoleh projek di Kota Tinggi supaya melantik Syarikat TS Dynamic Construction Sdn Bhd sebagai sub kontraktor.

Perbuatan itu didakwa dilakukan Wee Cheng di Pejabat Trimetro Development Sdn Bhd, Jalan Majidi, Muar antara Julai 2021 dan Mei hingga Jun 2022.

Wee Cheng juga didakwa menerima rasuah berjumlah RM1.5 juta bagi projek menaiktaraf jalan pintasan dan Jalan Sawah Baru ke Tenang Stesen di Segamat dan membina jalan dari Kampung Belukar Durian ke Persimpangan Felda Waha di Sedili, Kota Tinggi.

Ia sebagai upah membantu Syarikat Muar Usaha Bakti Sdn Bhd mendapatkan projek di Segamat dan sebagai upah kerana bersetuju melantik Syarikat TS Dynamic Construction Sdn Bhd sebagai sub kontraktor.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di syarikat miliknya di Kawasan Perindustrian Pagoh, Muar antara 20 Ogos 2021 sehingga 15 November 2022.

Kesemua pertuduhan itu dilakukan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pengarah II, Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Ahmad Akram Gharib sementara tertuduh diwakili peguam Caine Tan.

Hakim membenarkan Wee Cheng diikat jamin sebanyak RM500,000 dengan seorang penjamin warga tempatan serta pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga selesai kes.

Mahkamah menetapkan 17 Mei depan sebagai tarikh sebutan kes dan serahan dokumen.

**SINAR HARIAN**
**23/02/2023**
**(KHAMIS)**

# 5 dituduh kes rasuah di Port Dickson

**Dua kakitangan, 2 bekas pekerja MPPD dan peniaga didakwa minta, terima suapan**

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my



Lima individu didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban atas tuduhan meminta dan menerima rasuah. (Foto Azrul Edham/BH)

**Seremban:** Dua penjawat di Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) bersama dua bekas kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas tuduhan meminta dan menerima suapan daripada peniaga di daerah berkenaan, antara 2017 hingga 2020.

Mohd Azmi Mohd Hashim, 41, dan Arfizi Mustaffa, 38, masing-masing pembantu kesihatan awam dan bekas pembantu kesihatan awam, manakala Khairul Rizal Mahtar, 45, pula bertugas sebagai penolong pegawai kesihatan persekitaran dan Azman Hafidin, 53, bekas pembantu penguatkuasa.

Mereka bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed.

Mohd Azmi dituduh meminta suapan wang tunai RM1,800 daripada seorang peniaga jambu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadapnya kerana berniaga tanpa mempunyai lesen pasar malam yang sah, pada 15 Februari 2020 di Pasar Malam Lukut.

Azman yang sudah bersara dituduh meminta suapan wang tunai RM400 dan RM300, masing-masing daripada dua peniaga sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka kerana tidak memiliki lesen penjaja bergerak sah di Pasar Pagi Lukut.

Kesalahan didakwa dilakukan pada pertengahan Oktober 2017 dan awal Ogos 2020, masing-masing di Bahagian Penguatkuasaan Pejabat MPPD dan di Kampung Sri Parti, Lukut, Port Dickson.

**Terima rasuah RM500**

Arfizi yang sudah ditamatkan kontrak perkhidmatan pula, didakwa menerima rasuah RM500 daripada seorang peniaga sebanyak dua kali di Maybank Persiaran Waterfront, masing-masing pada 10 Mac dan 5 September 2020 sebagai dorongan untuk tidak mengambil undang-undang kerana berniaga tanpa lesen.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Khairil Rizal pula didakwa mengikut Seksyen 24(1) atas tuduhan meminta suapan wang tunai RM1,000 daripada pemilik kedai cuci kereta, antara Julai hingga November 2019 di Jalan Seremban, sebagai dorongan untuk membantu peniaga itu mendapatkan lesen perniagaan daripada MPPD.

Mahkamah menetapkan ikat jamin RM8,000 terhadap Mohd Azmi dan Khairul Rizal serta RM10,000 terhadap Azman dan Arfizi dengan syarat tambahan semua tertuduh perlu melapor diri sekali sebulan di pejabat SPRM Port Dickson.

Dalam pada itu, peniaga pasar malam, Wong Lai Mun, 46, didenda RM7,000 selepas mengaku bersalah mengikut Seksyen 15 (1) Akta SPRM, menerima suapan RM100 daripada seorang peniaga pada Mei 2019 di Pasar Malam Lukut.

Dia mengaku menjadi orang tengah menerima bayaran daripada peniaga terbabit yang tidak mempunyai lesen sah untuk diserahkan kepada pegawai MPPD supaya tidak mengambil tindakan undang-undang.

Berita Harian

**BERITA HARIAN**
**23/02/2023**
**(KHAMIS)**

# SPRM buat siasatan forensik terhadap akaun UiTM

KUALA SELANGOR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang membuat siasatan forensik terhadap akaun Universiti Teknologi Mara (UiTM) Holdings bagi mengesan kesalahan rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa membabitkan dakwaan kerugian dialami universiti itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya mendapat kerjasama baik daripada UiTM dan telah menerima dokumen berkaitan.

"Setakat ini, kita dapat dokumen-dokumen yang diperlukan, jadi pihak siasatan (pegawai penyiasat) perlu kaji atau membuat siasatan forensik akaun terhadap akaun UiTM sebab perkara itu sudah berlaku.

"Kita perlu melihat bagaimana ia (kerugian) berlaku. Mungkin kehilangan disebabkan projek-projek tertentu, campur-campur, ia (kerugian) menjadi makin tinggi (nilainya)," katanya selepas majlis perasmian cawangan baharu SPRM di sini pada Khamis.

Sebelum ini, media melaporkan UiTM melalui sayap pelaburannya telah mengalami kerugian terkumpul sebelum cukai sehingga RM157.04 juta selama empat tahun berturut-turut dan RM157.8 juta dalam tempoh 10 tahun.

Azam berkata, siasatan dilakukan terhadap universiti itu sejak dua tahun lepas adalah berdasarkan aduan diterima pihaknya dan sedang mengesan jika berlaku sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM.

"Kadang-kadang apabila berlaku ketidakpatuhan dalam sesuatu badan, contohnya perolehan dan sebagainya...yang penting pegawai menyiasat (SPRM), mereka hendak melihat ada atau tidak elemen salah guna kuasa atau rasuah di situ," katanya. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**24/02/2023**
**(JUMAAT)**

# Terima 'hadiah' kereta mewah

*Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan MBSA didakwa terima rasuah Vellfire RM325k*

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dakwaan menerima sebuah kenderaan mewah, enam tahun lalu.

Tertuduh, Feroz Hanif Mohamed Ahmad, 47, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca terhadapnya di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kertas pertuduhan, Feroz Hanif sebagai penjawat awam didakwa menerima dirinya suatu harta berharga tanpa balasan iaitu sebuah kenderaan Toyota Vellfire 2.5 bernilai RM325,000 daripada pengurus sebuah syarikat yang diketahui ada kaitan dengan tugas rasminya sebagai Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan MBSA.

Justeru, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165, Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah pusat jualan kenderaan di Kampung Kayu Ara Damansara Utama, dekat sini, pada 14 April 2017.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohamad Fadhly Mohd Zamry menawarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin warga tempatan serta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di Pejabat SPRM berdekatan setiap awal bulan.

Peguam tertuduh, Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan memohon mahkamah memberikan jaminan rendah dengan alasan tertuduh memberi kerjasama baik kepada SPRM selepas ditahan pada September 2022.

Katanya, Feroz Hanif yang kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) juga mengalami kekangan masa untuk menyediakan wang jaminan yang tinggi.

Jelasnya, tertuduh juga tidak pernah gagal melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM sejak ditahan dan tiada risiko melarikan diri dan memohon jaminan RM5,000.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan yang dikemukakan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 24 Mac ini.

**Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM20,000**

**HARIAN METRO**
**24/02/2023**
**(JUMAAT)**

# Dua disyaki terbabit kartel monopoli kontrak kerja direman

**Georgetown:** Dua lelaki termasuk timbalan pegawai pendidikan daerah, direman empat hari mulai semalam, kerana disyaki terbabit kegiatan kartel monopoli kontrak kerja pembaikan dan penyelenggaraan tanda arah suar dan sistem pam air rumah api Jabatan Laut Wilayah Utara, tahun lalu.

Perintah reman hingga Isnin ini dikeluarkan Majistret Hadi Hakimi Harun selepas membenarkan permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Sivil, di sini.

Sumber SPRM berkata, suspek adalah timbalan pegawai pendidikan daerah gred DG54 berusia 58 tahun di Perak, manakala seorang lagi kerani swasta berumur 47 tahun.

Difahamkan, suspek ditahan di pejabat SPRM, kelmarin, selepas disyaki menjadi orang tengah antara pemilik syarikat dengan Jabatan Laut Wilayah Utara Pulau Pinang membabitkan nilai kontrak berjumlah RM693,940.

Permohonan reman dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM, Amin Yaacub, dengan suspek yang diwakili peguam daripada firma guaman Tun Ammar Aziz & Co, direman di lokap SPRM Pulau Pinang untuk membantu siasatan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Menurut sumber, individu ditahan, kelmarin, dengan 10 daripada mereka pemilik syarikat dan lima lagi orang tengah.

Semua mereka dipanggil untuk memberi keterangan yang mana 18 daripada individu terbabit diberi jaminan SPRM.

**BERITA HARIAN**
**25/02/2023**
**(SABTU)**

# Siasatan SPRM tidak ikut protokol



TENGKU MAIMUN



MOHD NAZLAN

**PUTRAJAYA** - Panel tujuh anggota Mahkamah Persekutuan pada Jumaat, memutuskan bahawa siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali dilakukan tanpa mengambil kira aspek berkaitan kebebasan kehakiman dan tidak mengikut protokol.

Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat yang mengetuai panel itu berkata, cara penyiasatan dijalankan ke atas Mohd Nazlan dengan menghebahkannya melalui kenyataan akhbar, kelihatan tidak menjaga keyakinan terhadap kebebasan badan kehakiman.

Menurut beliau, siasatan terhadap Mohd Nazlan yang dilakukan tanpa rundingan dengan badan kehakiman juga menimbulkan keraguan sama ada siasatan terhadapnya dilakukan secara *bona fide* (dengan niat baik).

"Badan Siasatan Jenayah tidak boleh dengan sendirinya menghebahkan fakta penyiasatan atau kandungan penyiasatan hakim mahkamah atasan tanpa kebenaran Ketua Hakim Negara. Keseluruhan kandungan mesti dirahsiakan," katanya.

Tengku Maimun berkata demikian dalam keputusan sebulat suara mahkamah untuk menjawab dua persoalan undang-undang berkaitan kuasa badan penyiasat jenayah menyiasat hakim kanan yang sedang berkhidmat yang dibangkitkan oleh tiga peguam, terdiri daripada Haris Fathillah Mohamed Ibrahim, Nur Ain Mustapa dan Sreekant Pillai.

Peguam itu mengemukakan saman pada 6 Mei tahun lepas terhadap Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, SPRM dan Kerajaan Persekutuan selepas suruhanjaya itu membuka kertas siasatan terhadap Mohd Nazlan berikutan laporan yang dibuat mengenai jumlah tidak dapat dijelaskan lebih RM1 juta dalam akaun bank Mohd Nazlan.

Peguam itu berhujah bahawa badan penyiasat jenayah dan pihak pendakwaan hanya boleh memulakan siasatan ke atas hakim yang sedang berkhidmat selepas hakim itu digantung tugas oleh Yang di-Pertuan Agong atau telah disingkirkan oleh tribunal.

Mohd Nazlan adalah hakim perbicaraan yang mensabitkan dan menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun kepada bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan denda RM210 juta atas tujuh pertuduhan berkaitan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd pada 28 Julai 2020.- *Bernama*

SINAR HARIAN
25/02/2023
(SABTU)

# Kontraktor didakwa subahat palsu penyata bank tipu MBSA

**SHAH ALAM** - Seorang kontraktor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, atas enam pertuduhan bersubahat memalsukan penyata bank bagi menipu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), tahun lepas.

Sairi Norhafi, 57, didakwa melakukan perbuatan itu dengan mengarahkan seorang lelaki memalsukan dokumen iaitu penyata bank milik sebuah syarikat bertarikh 31 Oktober, 30 November dan 31 Disember 2021 dengan niat supaya dokumen palsu itu digunakan untuk menipu MBSA.

Dia juga mengaku tidak bersalah atas enam pertuduhan pilihan bersubahat dengan lelaki sama menggunakan beberapa dokumen sebagai tulen iaitu penyata bank milik syarikat sama yang diketahuinya adalah dokumen palsu.

Sairi didakwa melakukan kesemua kesalahan itu di Bahagian Tender dan Ukur Bahan, MBSA antara 25 Januari dan 10 Mac 2022.

Hakim Rozilah Salleh kemudian mengenakan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 15 Mac untuk sebutan semula kes tersebut.- *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**25/02/2023**
**(SABTU)**


Metro Ahad | 26/02/2023

## Pukat tunda jejas periuk nasi nelayan

## Tauke bot besar 'langgar' kawasan nelayan kecil

# METRO AHAD
# 26/02/2023
# (ISNIN)



RM200

# 'SALAM KAUT' TENGAH LAUT

*Gejala rasuah babit segelintir penguat kuasa, tauke bot besar gugat punca rezeki nelayan kecil*

# METRO AHAD 26/02/2023 (ISNIN)

# Direman lima hari bantu siasatan kes rasuah RM516,325

## Penolong jurutera JKR kena tahan di pejabat SPRM




*Penolong jurutera JKR Raub dibawa ke mahkamah, semalam*
(Foto BERNAMA)

**Kuantan:** Seorang penolong jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Raub direman lima hari bermula semalam, bagi membantu siasatan dakwaan menerima rasuah berjumlah RM516,325, antara 2018 hingga 2022.

Majistret Raja Norshuzianna Shakila Raja Mamat mengeluarkan perintah reman terhadap lelaki berusia 44 tahun itu yang berkhidmat di Bahagian Jalan jabatan itu.

**Cadangkan syarikat proksi**

Suapan yang dibuat dalam jumlah RM1,000 hingga RM95,000 itu didakwa sebagai balasan untuk mencadangkan syarikat proksi seorang kontraktor sebagai subkontraktor bagi projek pembaikan cerun dan membantu mendapatkan bayaran tuntutan.

Lelaki itu ditahan jam 6.55 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

BERNAMA

**BERITA HARIAN**
**26/02/2023**
**(ISNIN)**



# Pegawai penyelidik Wan Saiful ditahan

Mendakwa kononnya SPRM tawar RM10 juta sebagai ganjaran tukar kenyataan

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN
PUTRAJAYA

WAN SAIFUL

# SINAR HARIAN
## 26/02/2023
## (ISNIN)



Harian Metro

# 'Tugaskan anggota under cover SPRM di agensi kritikal'

# HARIAN METRO 27/02/2023 (ISNIN)


2 lokal

Isnin 27/02/2023 Harian Metro

ISU RASUAH BABIT PENGUAT KUASA, TAUKE BOT

# 40 DIKESAN TERPALIT RASUAH

*Suapan disalur mengikut jawatan, pangkat penguat kuasa*

RM500

# HARIAN METRO 27/02/2023 (ISNIN)



# Penjawat awam paling ramai rasuah di Selangor

**170 kakitangan kerajaan ditahan terlibat rasuah dari tahun 2018 hingga 2022**

SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor mendedahkan penjawat awam merupakan kumpulan tertinggi ditahan suruhanjaya itu bagi siasatan berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa antara tahun 2018 dan 2022.

Pengarahnya, Datuk Alias Salim berkata, berdasarkan rekod seramai 170 penjawat awam telah ditahan, diikuti 84 tangkapan melibatkan pekerja swasta, 50 orang awam dan masing-masing lima ahli politik serta individu daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Sepanjang tempoh tersebut, 314 tangkapan yang dibuat sebelum ini menunjukkan tahun 2022 merekodkan tangkapan tertinggi iaitu sebanyak 72 tangkapan, diikuti 2018 (68) dan 2021 (63).

"Daripada jumlah tangkapan itu, pihak kami telah membuka 269 kertas siasatan berkaitan kes rasuah dengan 135 pertuduhan di mahkamah," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Menurutnya, tahun 2020 menunjukkan pembukaan kertas siasatan tertinggi sepanjang tempoh lima tahun tersebut iaitu 64 kertas siasatan diikuti 2019 (57) dan 2022 (50).

Alias berkata, dalam tempoh yang sama SPRM Selangor telah menerima 1,764 maklumat berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Pada 2018, sebanyak 378 maklumat diterima diikuti 2019 (344) dan 2022 (331). SPRM Selangor turut mencatatkan sitaan berjumlah RM388,845 selain melucut hak rampasan pesalah rasuah bernilai RM1,768,554.83," jelasnya.

ALIAS

"Dalam tempoh yang sama SPRM Selangor telah menerima 1,764 maklumat berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa."

Tambahnya, selain menjalankan siasatan berkaitan kes-kes rasuah di Selangor, badan itu turut melaksanakan tindakan pencegahan dengan melaksanakan pemeriksaan ke atas amalan, sistem serta prosedur sektor awam dan swasta bagi mengenal pasti kelemahan yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah.

Beliau memberitahu, sepanjang tempoh tersebut, 406 ceramah khusus buat kumpulan sasar dengan 721 program berteraskan pencegahan rasuah disampaikan kepada agensi kerajaan dan swasta, GLC, pertubuhan bukan kerajaan serta pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah. – Bernama

## Pesara kerajaan ditahan SPRM kemuka invois palsu

KOTA KINABALU – Seorang pesara kerajaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah selepas dipercayai mengemukakan invois palsu berhubung pembekalan makanan dan minuman bernilai RM36,000.

Suspek lelaki berusia 61 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Cawangan Keningau kira-kira jam 10 pagi Isnin.

Menurut sumber, suspek dipercayai mengemukakan dua invois yang mempunyai butiran palsu kepada sebuah pejabat daerah.

Invois yang dikemukakan berkaitan pembekalan makanan dan minuman kepada petugas di sebuah Kompleks Sukan Keningau sempena Sukan Bagi IX Keningau pada 5 hingga 13 Disember 2019 sedangkan pembekalan tersebut tidak dibuat.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi turut mengesahkan tangkapan itu dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Suspek dijangka dituduh di Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu dalam masa yang terdekat," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan kepada semua penjawat awam supaya tidak mengemukakan sebarang dokumen palsu dalam urusan tuntutan program kerajaan kerana ia merupakan kesalahan yang serius.

KARUNANITHY

# SINAR HARIAN
# 28/02/2023
# (SELASA)

# Empat kakitangan MPPD mengaku tidak bersalah terima rasuah

**SEREMBAN** - Empat kakitangan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah antara tahun 2017 hingga 2020.

Tertuduh, pembantu kesihatan awam U24, Mohd Azmi Mohd Hashim, 41; penolong pegawai kesihatan persekitaran U32, Khairul Rizal Mahtar, 45; pembantu penguat kuasa KP26, Azman Halidin, 35, dan pembantu kesihatan awam U19, Artzi Mustaffa, 38.

Bagaimanapun kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed.

Mengikut pertuduhan terhadap Mohd Azmi, dia sebagai pegawai badan awam telah meminta suapan wang tunai RM1,800 daripada seorang peniaga buah jambu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadapnya kerana berniaga tanpa mempunyai lesen pasar malam yang sah.

Kesalahan itu dilakukan pada 15 Februari 2020 di Pasar Malam Lukut, Port Dickson.

Azman yang kini telah pun bersara berdepan dua pertuduhan iaitu meminta suapan wang tunai RM400 dan RM300 daripada dua peniaga sebagai dorongan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka kerana tidak memiliki lesen penjaja bergerak yang sah di Pasar Pagi Lukut, Port Dickson.

Kesalahan itu dilakukan pada Oktober 2017 dan Ogos 2020 di Bahagian Penguatkuasaan Pejabat MPPD dan di Kampung Sri Parit, Lukut, Port Dickson.

Artzi pula yang kini telah ditamatkan kontrak perkhidmatan turut berdepan dua pertuduhan sama iaitu menerima rasuah RM500 sebanyak dua kali daripada seorang peniaga sebagai dorongan tidak mengambil undang-undang terhadapnya yang berniaga tanpa lesen pasar malam yang sah.

Kesalahan itu dilakukan pada 10 Mac 2020 dan 5 September 2020 di sebuah bank di Persisiran Waterfront, Port Dickson.

Berikutan itu kesemua tertuduh didakwa telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Sementara itu, Khairul Rizal pula didakwa atas kesalahan di bawah Seksyen 24(1) Akta SPRM 2009 iaitu meminta suapan wang tunai RM1,000 daripada pemilik kedai cuci kereta sebagai dorongan untuknya mendapatkan sokongan daripada MPPD bagi mendapatkan lesen perniagaan.

Kesalahan itu dilakukan antara Julai 2016 hingga November 2018 di Jalan Seremban, Port Dickson.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM8,000 terhadap Mohd Azmi dan Khairul Rizal manakala RM10,000 terhadap Azman dan Artzi dengan syarat tambahan kesemua tertuduh perlu melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM Port Dickson.

Dalam pada itu, peniaga pasar malam, Wong Lai Huat, 63, didenda RM7,000 selepas mengaku bersalah menerima suapan RM150 daripada seorang peniaga pada Mei 2018.



Khairul Rizal, Azman dan Lai Huat didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban pada Isnin.



Mohd Azmi didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban pada Isnin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai orang tengah telah menerima bayaran daripada peniaga berkenaan yang tidak mempunyai lesen sah untuk diserahkan kepada pegawai MPPD supaya tidak mengambil tindakan undang-undang terhadapnya.

Kesalahan yang didakwa di bawah Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 itu dilakukan di Pasar Malam Lukut, Pekan Lukut, Port Dickson.

Kesemua pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azri Firdaus Mohamad Ali.

**SINAR HARIAN**
**28/02/2023**
**(SELASA)**



# 19 MASUK JERAT SPRM

*Dipercayai terbabit rasuah besar-besaran membabitkan 3 agensi penguatkuasaan di laut*

## 'Beri masa mereka siasat dahulu'

## Amaran keras anggota Maritim Malaysia rasuah

# HARIAN METRO
# 28/02/2023
# (SELASA)

RASUAH: 170 KAKITANGAN KERAJAAN DITAHAN SPRM

# Penjawat awam tertinggi!

## Dua pelajar ditahan untuk disemak fakta

Dana untuk kembang bisnes



# HARIAN METRO
# 28/02/2023
# (SELASA)

# Pesara kerajaan disyaki kemuka invois palsu ditahan

**Kota Kinabalu:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pesara kerajaan selepas dipercayai mengemukakan dua invois palsu berjumlah RM36,000, semalam.

Dua invois yang mempunyai butiran matan palsu itu dilaporkan diserahkan kepada sebuah pejabat daerah pada 2019.

Sumber berkata, lelaki berusia 61 tahun itu dipercayai mengemukakan invois berhubung pembekalan makanan dan minuman kepada petugas sebuah kompleks sukan sempena Sukan Saga IX Keningau mulai 5 hingga 13 Disember 2019 sedangkan pembekalan itu tidak dibuat.

Katanya, suspek ditahan di pejabat SPRM Sabah Cawangan Keningau ketika hadir memberi keterangan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan suspek dijangka dituduh di Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu dalam masa terdekat.

Suspek ditahan di pejabat SPRM Sabah Cawangan Keningau ketika hadir beri keterangan

**HARIAN METRO**
**28/02/2023**
**(SELASA)**



# MAC 2023

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB



RASUAH TENGAH LAUT

# Giliran pegawai kanan ditahan

*SPRM tahan suspek di Kedah dibayaki minta dan terima suapan daripada pemilik bot serta 'runner'*

# HARIAN METRO
# 03/03/2023
# (JUMAAT)

# Bendahari Agung Bersatu ditahan SPRM

Bagi membantu siasatan berhubung perbelanjaan dana parti berkenaan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan Bendahari Agung Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Mohd Salleh Bajuri bagi membantu siasatan berhubung perbelanjaan dana parti berkenaan.

Perkara tersebut disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

"Beliau (Mohd Salleh) ditahan kelmarin (Selasa)," katanya ringkas ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Bagaimanapun sumber memaklumkan, pemimpin Bersatu itu ditahan ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Tambah sumber, Mohd Salleh kemudian ditahan reman selama dua hari untuk membantu siasatan kes.

Pada 1 Februari lalu, SPRM mengesahkan telah membekukan beberapa akaun milik Bersatu untuk membantu siasatan ke atas wang yang disyaki daripada hasil haram.


MOHD SALLEH

Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin dilaporkan sudah dipanggil SPRM pada 16 Februari lalu bagi memberi keterangan berkaitan isu melibatkan wang RM300 juta disyaki diterima Bersatu.

21 Februari lalu, bekas Ketua Penerangan Bersatu, Datuk Wan Saiful Wan Jan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua pertuduhan kes rasuah bagi projek *Central Spine Road* bernilai RM232 juta, tahun lalu.

Selain itu, pada Selasa, Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad dituduh buat kali ketiga di Mahkamah Sesyen sama atas tuduhan meminta rasuah RM2 juta, tahun lalu.

HARIAN METRO
03/03/2023
(JUMAAT)

# Rasuah: Bekas Ketua UMNO Bahagian Pandan kekal dipenjara 8 tahun, denda RM977,560

**PUTRAJAYA** - Mahkamah Rayuan pada Khamis mengekalkan hukuman penjara lapan tahun dan denda RM977,560 terhadap bekas Ketua UMNO Bahagian Pandan, Abd Ghani Ismail atas 10 pertuduhan menerima rasuah melibatkan RM193,512 antara Mei 2006 hingga Mac 2007.

FOTO: BERNAMA



**Mahkamah Rayuan mengekalkan hukuman penjara lapan tahun dan denda RM977,560 yang dikenakan terhadap Abd Ghani (kanan).**

Panel tiga hakim yang diketuai Hakim Datuk Hanipah Farikullah sebulat suara memutuskan demikian selepas menolak rayuan akhir Abd Ghani, 56, untuk mengetepikan sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadapnya.

"Setelah meneliti rekod rayuan dan kesemua keterangan serta alasan penghakiman Mahkamah Sesyen, kami dapati keputusan mahkamah boleh dipertahankan. Tidak terdapat apa-apa kekhilafan oleh Mahkamah Sesyen yang memerlukan campur tangan oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

"Kami juga berpuas hati bahawa tidak terdapat kesilapan di peringkat Mahkamah Sesyen.

"Oleh itu, sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Sesyen dikekalkan manakala rayuan (bagi sembilan pertuduhan) ditolak," katanya yang bersidang bersama-sama Hakim Datuk S Nantha Balan dan Datuk Ahmad Nasfy Yasin.

Bagi satu lagi pertuduhan memperoleh suapan untuk melantik sebuah syarikat sebagai kontraktor, Hanipah berkata, mahkamah berpendapat tidak terdapat kekhilafan oleh Mahkamah Tinggi yang memerlukan campur tangan Mahkamah Rayuan.

Difahamkan, Abd Ghani yang telah membayar denda tersebut (RM977,560) akan menjalani hukuman penjara di Penjara Kajang bermula Khamis.

Pada 28 Disember 2012, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun dan denda RM977,560 ke atas Abd Ghani sebelum Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengekalkan hukuman sama terhadapnya. - *Bernama*

**BERITA HARIAN**
**03/03/2023**
**(JUMAAT)**

# Profesor ditahan kes salah guna jawatan

Shah Alam: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang profesor dari sebuah universiti awam untuk membantu siasatan kes salah guna jawatan berkait sejumlah RM30,000 hasil keuntungan penganjuran satu persidangan antarabangsa anjuran institusi berkenaan.

Sumber memaklumkan, lelaki berusia lingkungan 40-an berkenaan disiasat kerana disyaki memasukkan RM30,000 wang keuntungan hasil persidangan itu ke dalam akaun bank peribadi miliknya pada Ogos 2021.

Profesor gred Jusa C itu yang juga timbalan pengarah sebuah jabatan di universiti terbabit ditahan di Pejabat SPRM Selangor ketika hadir untuk memberi keterangan sekitar jam 3.30 petang kelmarin.

SPRM kemudian memohon perintah reman di Mahkamah Majistret di sini semalam sebelum Majistret, Nur Faizah Abdul Sani membenarkan lelaki berkenaan ditahan lima hari sehingga 6 Mac untuk membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan profesor terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

**BERITA HARIAN**
**03/03/2023**
**(JUMAAT)**



TERTUDUH direman dipercayai menggunakan jawatan untuk mengambil wang RM30,000.

# Timbalan pengarah direman songlap RM30k

**Shah Alam:** Seorang timbalan pengarah sebuah universiti awam direman lima hari bermula semalam kerana dipercayai menggunakan jawatan dan kedudukannya untuk mengambil wang berjumlah lebih RM30,000 hasil keuntungan program konferensi antarabangsa anjuran institusi berkenaan.

Perintah reman sehingga 6 Mac itu dibenarkan Majistret Nur Falaah Abdul Sani selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor di Mahkamah Majistret di sini.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 40-an yang juga profesor bergred Jusa C ditahan di Pejabat SPRM Selangor ketika hadir memberi keterangan pada jam 3.30 petang, kelmarin.

Katanya, dalam kejadian berlaku pada Ogos 2021 itu, suspek dikatakan membuat keputusan sendiri untuk memasukkan wang keuntungan itu ke dalam akaun bank peribadi miliknya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

**Wang hasil keuntungan program konferensi antarabangsa**

# HARIAN METRO 03/03/2023 (JUMAAT)



RASUAH TENGAH LAUT

# KALAU ADA PAKAI BMW, SILA SIASAT!

## DOF sokong penuh tindakan SPRM

HARIAN METRO
04/03/2023
(SABTU)



Sindiket penipuan antarabangsa

# SPRM serbu bank, pengurup wang

## Pendaftar syarikat turut disyaki sedia kemudahan kes pelaburan didalangi warga UK

Oleh Nor Azlizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu beberapa premis bank tempatan, pendaftar syarikat dan pengurup wang sekitar ibu kota, yang disyaki menyediakan kemudahan kepada aktiviti sindiket penipuan, semalam.

Serbuan dilakukan pasukan khas Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diketuai Timbalan Pesuruhjaya SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin.

Sumber SPRM memaklumkan serbuan terhadap sasaran kumpulan profesional ini adalah lanjutan Operasi Tropicana (Op Tropicana) yang dilakukan sebelum ini.

"Serbuan pada hari ini (semalam) membabitkan beberapa bank tempatan, pendaftar syarikat di sekitar Kuala Lumpur, di mana mereka menyediakan kemudahan kepada sindiket penipuan antarabangsa dalam pembukaan syarikat dan akaun bank di Malaysia.

"Kemudahan yang diberikan pihak ini menyebabkan sindiket penipuan antarabangsa memilih Malaysia menjadi salah satu negara bagi aktiviti penipuan ini," kata sumber.

Sumber berkata, serbuan semalam turut dilakukan terhadap beberapa premis pengurup wang yang dipercayai ada kaitan dengan sindiket penipuan.

Setakat ini, belum dapat dipastikan apa yang dirampas SPRM dalam siri serbuan yang dilakukan semalam.

### Warga Britain ditahan

Dalam pada itu, sumber itu turut memaklumkan SPRM menahan seorang lelaki warga Britain yang dipercayai sebagai antara ahli sindiket yang disiasat berhubung kes penipuan pelaburan.

"Lelaki berusia 41 tahun itu ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 oleh pasukan khas pada 28 Februari lalu, sejurus dia tiba dari Kemboja untuk ke United Kingdom (UK).

"Individu ini yang mencipta laman sesawang palsu untuk diberikan kepada mangsa penipuan bagi meyakinkan mangsa untuk melabur di pelaburan yang tidak wujud," katanya.

Sementara itu, Mohamad Zamri yang dihubungi semalam, mengesahkan serbuan berkenaan, namun tidak mengulas lanjut.

Terdahulu, SPRM menumpaskan sindiket pelaburan antarabangsa didalangi warga UK dalam serbuan di 24 premis berasingan menerusi Op Tropicana yang dilaksana bermula 21 Februari lalu.

Operasi dijalankan serentak termasuk di tiga pusat panggilan, syarikat dan kediaman ahli sindiket di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang tanpa kehadiran pihak polis.

Difahamkan, sindiket dipercayai beroperasi sejak 2019 dan mengaut hampir RM200 juta daripada mangsa warga Australia dan UK, malah dipercayai memberi suapan kepada pihak berkuasa supaya mereka boleh terus beroperasi.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata modus operandi sindiket adalah menawarkan portfolio pelaburan tidak wujud menerusi iklan di media sosial dan ahli sindiket terdiri daripada warga Australia, Britain, Afrika Selatan dan Filipina.

### Tipu mangsa seluruh dunia

Katanya, sindiket ini sebahagian daripada sindiket antarabangsa yang dipercayai menipu mangsa di seluruh dunia sehingga RM1 bilion.

Seramai 11 suspek disyaki terlibat dalam kegiatan itu ditahan, manakala 78 individu lagi ditahan Jabatan Imigresen dalam operasi itu.

Sebanyak 74 akaun milik individu dan syarikat dibekukan, disnggarkan berjumlah RM11 juta.

Op Tropicana dijalankan dengan kerjasama Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Cyber Security Malaysia, Telekom Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

BERITA HARIAN
04/03/2023
(SABTU)

# Bekas pegawai bank didenda RM8,000 tipu lulus kad kredit pelanggan

**TAIPING** – Bekas pegawai bank didenda RM8,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Taiping pada Jumaat atas pertuduhan menipu majikannya dengan meluluskan kad kredit pelanggan untuk kegunaan sendiri, tahun lalu.

Tertuduh, Leong Yew Hong, 31, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Nur Afiqah Sapari.

Yew Hong turut diperintahkan dipenjara lapan bulan jika gagal menjelaskan denda berkenaan.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh yang bekerja sebagai pegawai pemasaran eksekutif bertanggungjawab menguruskan permohonan dan kelulusan kad kredit milik seorang individu.

Lelaki itu telah menipu pihak bank dengan meluluskan kad kredit individu berkenaan yang mana kepentingannya dalam urusan tersebut perlu dilindungi di bawah suatu kontrak di sisi undang-undang pada 27 November 2022.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 418 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, mangsa membuat aduan kepada pihak bank setelah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) menunjukkan terdapat kad kredit dikeluarkan atas namanya yang telah digunakan berjumlah RM8,564.40.

Siasatan lanjut yang dijalankan pengurus siasatan bank mendapati tertuduh mempunyai 17 kad kredit milik pelanggan lain setelah mendapatkan maklumat pelanggan sewaktu mengadakan promosi di sekitar Taiping.

Tertuduh melakukan permohonan dengan menggunakan kad pengenalan serta mencetak maklumat kad pengenalan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mangsa.

Terdahulu, tertuduh yang diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Puteri Hikmatul Raudah Dzulaika Mohamad memohon hukuman ringan dikenakan dengan mengambil kira pengakuan bersalah sejurus pertuduhan dibacakan.

Timbalan Pendakwa Raya, Siti Nur Amalina Harun bagaimanapun memohon hukuman setimpal diberikan sebagai pengajaran kerana tertuduh menggunakan posisinya bagi mendapatkan butiran hingga menyebabkan kerugian kepada pengadu.

SINAR HARIAN
04/03/2023
(SABTU)

# 10 mangsa *scammer* pelaburan warga Australia akan hadir ke SPRM

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengenal pasti 10 mangsa penipuan sindiket pelaburan di Australia untuk dipanggil bagi direkod keterangan pada minggu hadapan.

Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta (AML) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin berkata, kesemua mangsa ini dikesan hasil siasatan dan penahanan ahli sindiket sebelum ini.



MOHAMAD ZAMRI

Menurutnya, mangsa-mangsa ini terdiri daripada akauntan, broker saham serta peguam.

"Kita telah mengesan 10 warga Australia ini iaitu mangsa sindiket penipuan pelaburan.

"Mereka memberi kerjasama dan akan hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada minggu depan bagi tujuan rakam keterangan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Sabtu.

21 Februari lalu, SPRM membongkar satu sindiket penipuan pelaburan yang didalangi oleh warga United Kingdom (UK) menerusi serbuan di sekitar ibu negara dan Pulau Pinang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, Op Tropicana itu berjaya melaksanakan 24 serbuan termasuk tiga pusat panggilan atau '*boiler room*', syarikat serta kediaman ahli sindiket.

Ahli-ahli sindiket ini terdiri daripada warga Australia, UK, Afrika Selatan dan Filipina.

Modus operandi sindiket adalah menawarkan portfolio pelaburan tidak wujud menerusi iklan di media sosial dengan mensasarkan mangsa di kalangan warga UK dan Australia.

Penjenayah scammer ini dipercayai telah memperoleh kira-kira AUD60 juta (kira-kira RM200 juta) hasil menipu mangsa-mangsa terlibat sejak 2019 sehingga sekarang.

Susulan itu, pada Jumaat, beberapa premis bank, pengurup wang dan pendaftar syarikat di sekitar ibu kota disyaki bersekongkol dan menjadi orang tengah kepada sindiket penipuan diserbu SPRM.

**SINAR HARIAN**
**05/03/2023**
**(AHAD)**



# Ahli Parlimen terlibat kes rasuah perlu digantung

Gantung tugas kes rasuah di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009 hanya untuk penjawat awam

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

WAN AZLIANA

Ahli-ahli Parlimen perlu ada jati diri yang kuat untuk mengelakkan diri mereka dari terjebak dengan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Ahli Parlimen yang mempunyai kes rasuah perlu digantung tugas sama seperti tindakan yang dilakukan terhadap penjawat awam.

Pengerusi Pertubuhan Asosiasi Wanita Malaysia (ASWA), Wan Azliana Wan Adnan berkata, tindakan terhadap ahli Parlimen perlu adil dan bukan hanya berat sebelah kepada satu pihak sahaja.

"Sekarang ini, mana-mana penjawat awam yang didakwa dalam kes rasuah biasanya perlu digantung tugas sementara menunggu siasatan selesai.

"Jadi ahli-ahli Parlimen juga sepatutnya boleh didakwa di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009 dan bukannya ke atas rakyat 'marhaen' sahaja.

"Pada pandangan saya, akta sedia ada tidak perlu dipinda tetapi apa yang perlu diberi perhatian ialah mana-mana ahli-ahli Parlimen yang didakwa di mahkamah juga perlu digantung tugas mereka dan tidak boleh memegang jawatan sebagai menteri," katanya kepada Sinar Harian.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, 10 individu termasuk lima kakitangan agensi penguatkuasaan direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes rasuah.

Pada 27 Februari lalu, SPRM membuat pendedahan menggemparkan apabila berpuluh-puluh kakitangan dan pegawai penguat kuasa dikesan menerima suapan duit haram secara bulanan lebih lima tahun lalu.

Kegiatan itu berjaya dikesan susulan risikan dilakukan terhadap tiga agensi penguatkuasaan membabitkan agensi Jabatan Perikanan, Pasukan Gerakan Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Tambah Wan Azliana, jika kerajaan serius ingin membendung gejala rasuah, sudah tiba masanya mereka mengubah strategi tersebut.

"Kerajaan perlu memulakan langkah baharu bagi membendung isu ini.

"Tidak adil hanya penjawat awam sahaja digantung kerja tetapi mereka tidak," katanya.

## 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

1. TEMBAKAN BAWAH MATA SEBABKAN ISTERI LANS KOPERAL MAUT SERTA-MERTA
2. HARGA KELENGKAPAN SEKOLAH NAIK MENDADAK
3. 'MINTA TUNJUK SURAT ROS PUN LANGGAR DISIPLIN?'
4. WARGA EMAS 'MANDI AIR MATA', 70 LEMBU HANYUT
5. BANJIR: MUNGKIN MALAYSIA BOLEH IKUT CARA BELANDA
6. WANITA CEDERA 'DISERANG' ISTERI KETIGA SUAMI
7. LIVERPOOL MUDAH 'LAUKKAN' UNITED
8. BULAN PUASA BELUM TIBA, RAMAI SUDAH BUAT PERSIAPAN RAYA
9. 'INI PUNCA SIMPANAN MELAYU RENTAN'
10. MAHATHIR VS ANWAR YANG BELUM TAMAT

# SINAR HARIAN
# 07/03/2023
# (SELASA)

# Gagal melapor rasuah boleh didakwa

SHAH ALAM – Individu yang gagal melaporkan aktiviti rasuah boleh dikenakan tindakan undang-undang terutama bagi penjawat awam.

Setiausaha Agung Malaysia Corruption Watch (MCW), Rosli Amir berkata, sebarang aktiviti tidak bermoral itu sewajarnya segera dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil.

"Laporan perlu dibuat mengikut Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan ianya melibatkan individu yang tidak melaporkan aktiviti rasuah dan mengambil atau menerima turut boleh didakwa.

"Ramai yang tidak cakna perkara ini kerana ianya bukan undang-undang yang utama," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, isu rasuah bukan sahaja melibatkan penjawat awam tetapi juga berlaku di sektor swasta.

Tambah beliau, autonomi yang dimiliki oleh penjawat awam lebih terdedah dengan perkara tersebut sekali gus menjadikan rasuah adalah perkara biasa.

"Kita harus akui penjawat awam mempunyai kuasa penuh dan segi meluluskan dan memberi kebenaran untuk bertindak.

"Bagaimanapun, memang tidak adil kalau menuduh penjawat awam sahaja yang mengambil rasuah kerana rasuah juga berlaku di sektor swasta," jelasnya.

SPRM Selangor baru-baru ini mendedahkan penjawat awam merupakan kumpulan tertinggi ditahan bagi siasatan berkaitan kesalahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa antara 2018 dan 2020.

Pengarahnya, Datuk Aliza Salim berkata, berdasarkan rekod seramai 170 penjawat awam ditahan, diikuti 84 tangkapan melibatkan pekerja swasta, 50 orang awam dan masing-masing lima ahli politik serta individu daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

# Seleweng wang zakat: Polis ambil keterangan 11 pegawai MAINS

SEREMBAN – Polis telah menghantar kertas siasatan berhubung dakwaan berlaku penyelewengan wang zakat melibatkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) Zakat Sdn Bhd kepada Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) Negeri Sembilan pada 2 Mac lalu.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Ahmad Dzaffir Mohd Yussof berkata, pihaknya telah pun melengkapkan kertas siasatan itu selepas mengambil keterangan seramai 11 individu.



AHMAD DZAFFIR

"Kita menunggu arahan lanjut daripada pihak terbabit kerana siasatan yang dijalankan juga adalah pandangan serta nasihat daripada PPN.

"Buat masa ini siasatan kekal di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan iaitu pecah amanah tetapi sekiranya didapati ada unsur lain, kita akan serahkan kepada pihak pendakwaan untuk tindakan selanjutnya," kata beliau pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan pada Isnin.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan secara terperinci 11 individu yang dipanggil tetapi memberitahu mereka terdiri daripada pegawai pelbagai peringkat.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi berhubung siasatan yang sedang dilakukan.

"Mereka yang didapati menyebarkan maklumat tidak sahih di media sosial juga boleh berdepan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998," katanya.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan berhubung dakwaan berlaku salah laku dan rasuah dalam MAINS.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan pula mengesahkan telah membuka satu kertas siasatan pada 2018, namun hasil siasatan mendapati tiada sebarang unsur kesalahan jenayah rasuah di bawah Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai laporan pecah amanah wang kutipan zakat yang melibatkan jutaan ringgit.

Pihak terbabit mendakwa SPRM telah menerima maklumat berhubung perkara itu, namun sehingga kini tiada seiapa yang ditahan.

**SINAR HARIAN**
**07/03/2023**
**(SELASA)**



# Tubuh pasukan siasatan forensik

*SPRM teliti dakwaan penyelewengan sebabkan UiTM Holdings kerugian RM157 juta*

# HARIAN METRO
## 08/03/2023
## (RABU)

# Pegawai penyelidik gagal patuh perintah SPRM

Dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan gagal patuh perintah berhubung kes disiasat SPRM



Mohamad Shafiq (kanan) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Selasa.

KUALA LUMPUR

Seorang pegawai penyelidik yang membuat dakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menawarkan RM10 juta kepada bekas Ketua Penerangan Bersatu, Datuk Wan Saiful Wan Jan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

**DAKWA SPRM TAWAR RM10 JUTA**

Mohamad Shafiq Abdul Halim, 32, yang juga pemerhati politik didakwa atas pertuduhan gagal mematuhi perintah menghadirkan diri untuk diperiksa secara lisan berhubung kes yang disiasat SPRM.

Beliau mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Suzana Husain.

Mohamad Shafiq didakwa melakukan kesalahan itu di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada 3 Mac lepas.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM sebulan sekali.

"Pihak pendakwaan juga memohon mahkamah supaya mengeluarkan satu perintah larangan agar tertuduh tidak membuat sebarang komen atau ulasan bersifat subjudis terhadap pertuduhan yang dihadapi tertuduh," katanya.

Peguam, Chetan Jethwani yang mewakili tertuduh membantah permohonan pendakwaan berhubung perintah larangan tersebut dengan alasan ia agak keterlaluan kerana hanya mahkamah yang akan menentukan isu subjudis.

Suzana bersetuju dengan pembelaan supaya pihak pendakwaan memfailkan permohonan secara rasmi.

Beliau membenarkan Mohamad Shafiq diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan melaporkan diri sebulan sekali di pejabat SPRM berdekatan selain pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai dan menetapkan 7 April untuk sebutan kes.

Sebelum ini media melaporkan seorang pegawai penyelidik ditahan SPRM dan dia dikatakan mendakwa SPRM menawarkan RM10 juta kepada Wan Saiful untuk menulis kenyataan bagi menganiaya bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebelum ini satu video berdurasi 44 saat yang tersebar di Twitter memaparkan seorang lelaki mendakwa RM10 juta ditawarkan SPRM kepada Wan Saiful. - Bernama

## 10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

1 SYAMSUL ENGGAN CERAI PUTERI SARAH

2 'NOBITA' PERLU BANTUAN

3 SYAMSUL PUKUL PUTERI SARAH - PEGUAM

4 KEM ROHINGYA MUSNAH DIJILAT API

5 SYAMSUL, PUTERI SARAH TIBA DI MAHKAMAH SYARIAH SEBUTAN KES CERAI

6 POLIS CARI PEMILIK KERETA ADA VEST POLIS

7 ANWAR AJAK PEMBANGKANG BERUNDING UNTUK TERIMA PERUNTUKAN

8 AHLI PARLIMEN TERLIBAT KES RASUAH PERLU DIGANTUNG

9 KDN LULUS USUL UMNO TAK PERTANDING JAWATAN PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN

10 MENU KAMPUNG 'HARGA KAYANGAN' JADI KEGILAAN

**SINAR HARIAN**

**08/03/2023**

**(RABU)**

# Rayuan Isa Samad kes rasuah RM3 juta dijadualkan semula pada 26 Jun depan

PUTRAJAYA - Prosiding rayuan bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di Mahkamah Rayuan yang dijadualkan bermula pada Selasa dijadualkan semula pada 26 Jun depan.


ISA

Ketika dihubungi media, peguam, Siti Sarah Khalil yang mewakili bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu berkata, penangguhan itu bagi memberi masa kepada pihaknya untuk membalas hujahan balas pihak pendakwaan.

"Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan, Muhammad Noor Firdaus Rosli membenarkan penangguhan itu ketika pengurusan kes berkenaan dibuat secara dalam talian sebentar tadi," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Afzainizam Abdul Aziz mengesahkan tarikh baharu prosiding rayuan berkenaan.

# Bekas kontraktor didakwa perdaya, guna dokumen palsu bina bilik darjah

SHAH ALAM - Seorang bekas kontraktor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan memperdaya dan menggunakan dokumen palsu berhubung projek pembinaan blok bangunan bilik darjah sebuah sekolah rendah di Hulu Selangor pada 2016.

Bagi pertuduhan pertama, M Sivanesan, 35, didakwa memperdayakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Hulu Selangor dengan mendorong persatuan itu menyerahkan wang sebanyak RM385,000 kepadanya bagi menyiapkan pembinaan satu blok bangunan mengandungi tiga bilik darjah.

Sivanesan dituduh melakukan perbuatan tersebut di sebuah bank di Sungai Buloh dekat sini antara 24 Ogos 2016 hingga 26 Oktober 2016.

Dia juga menghadapi pertuduhan menggunakan suatu dokumen palsu dengan menunjukkan kepada Ahli Mesyuarat PIBG sekolah sama iaitu dokumen surat setuju terima Jabatan Kerja Raya berhubung cadangan pembinaan blok tambahan baharu unit bilik darjah sekolah itu pada 26 Oktober 2016.


Sivanesan (kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas dua pertuduhan pada Selasa.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Mohd Aliff Shaharuzaman menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap awal bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam, R Vikraman yang mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan memandangkan anak guamnya kini bekerja sebagai pembantu kuli di Johor dengan pendapatan sekitar RM1,200 sebulan.

"Dia (Sivanesan) juga menyara isteri, ibu bapa dan adik perempuannya yang sedang menuntut di kolej," katanya.

Hakim Rozilah Salleh mengenakan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin dan membenarkan semua permohonan syarat tambahan yang dimohon pihak pendakwaan, selain menetapkan 12 April untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**

**08/03/2023**

**(RABU)**





# RM28.3b aset 1MDB sudah dikembalikan

## Usaha diteruskan dapat semula baki wang dicuri

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan berjaya mendapatkan kembali lebih 70 peratus aset 1MDB membabitkan kira-kira RM28.3 bilion setakat ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata ia satu kejayaan besar buat negara hasil kerjasama SPRM, Kementerian Kewangan (MOF) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

Beliau berkata, pengesanan baki aset 1MDB masih diteruskan dan ia tidak akan dihentikan.

"Kita akan usahakan sebaik mungkin untuk kembalikan wang yang telah dicuri ini kepada negara.

"Duit yang hilang sebenarnya RM42 bilion, jadi kalau kita tengok dapat pemulangan dalam RM28.3 bilion. Baki 30 peratus kita cuba dapatkan balik secepat mungkin," katanya semalam.

Beliau berkata, bagi mendapatkan baki aset itu, pihaknya akan mendapatkan kerjasama dan kepakaran pelbagai agensi lain.

"SPRM adalah agensi utama dalam penyiasatan kes 1MDB yang mana berperanan membekal fakta, mengeluarkan waran tangkap dan memburu mana-mana pihak yang terlibat dalam kes ini," katanya.

### Kejayaan besar

Dalam pada itu, Azam berkata, kejayaan memperoleh AS$1.8 bilion (RM4.84 bilion) dari dua firma pelaburan Abu Dhabi, International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS (Aabar PJS) baru-baru ini juga satu kejayaan besar.

Sebelum ini, Kementerian Kewangan (MOF) memaklumkan IPIC dan Aabar PJS bersetuju membayar AS$1.8 bilion kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan 1MDB.

Jelas MOF lagi, penyelesaian itu dicapai dalam prosiding undang-undang yang berlangsung di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London dan Mahkamah Tinggi London.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengiktirafkan pemerolehan semula dana dari IPIC dan Aabar PJS sebagai kejayaan besar.

Beliau berkata, ia rundingan yang sangat baik dan jauh melebihi jumlah yang diunjur dan diharapkan kerajaan sebelumnya.

BERITA HARIAN
08/03/2023
(RABU)

# Pasukan Forensik SPRM teliti kes seleweng RM157j UiTM Holdings

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membuhkan pasukan forensik untuk meneliti dakwaan penyelewengan yang mengakibatkan UiTM Holdings Sdn Bhd (UiTM Holdings) kerugian RM157 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata kes juga itu masih dalam siasatan dan setakat ini pihaknya belum bersedia memberikan maklumat lebih lanjut.

"Saya dimaklumkan satu unit pada bahagian saya telah menubuhkan pasukan forensik untuk meneliti kes ini.

"Namun saya ingatkan, kerugian itu tidak semestinya berakhir dengan ada kes jenayah, jadi kita kena adil.

"Bila siasat kita kena tengok dari semua aspek dan kita akan umumkan hasil siasatan kita pada suatu hari kelak, supaya tiada pihak menuduh antara satu pihak yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara SPRM dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA) di sini, semalam.

SPRM sebelum ini mengesahkan sedang menjalankan siasatan ke atas beberapa dakwaan penyelewengan yang mengakibatkan kerugian UiTM Holdings sebanyak RM157 juta.

Sebelum ini, laporan 'UiTM Holdings rugi RM157 juta' yang disiarkan media mendakwa, jumlah itu berdasarkan kiraan kerugian sebelum cukai terkumpul selama empat tahun iaitu bagi 2017, 2018, 2019 dan 2021.

Kerugian sebelum cukai terkumpul dilaporkan bagi 2011, 2013, 2014, 2015 dan 2016 sekitar RM26 juta.

Dalam perkembangan lain, Azam berkata, SPRM menahan reman Bendahari Agung Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Datuk Salleh Bajuri baru-baru ini mengikut kehendak dan keperluan kes.

Katanya, penahanan itu dibuat mengikut peraturan ditetapkan dan kehendak siasatan ketika itu.

"Kita sebagai agensi penguat kuasa mengikut peraturan yang sudah ditetapkan dan penahanan dibuat atas kuasa budi bicara pegawai penyiasat.

"Saya menyerahkan kepada pegawai penyiasat dan mereka memikirkan ada keperluan untuk menjalankan tangkapan dan reman," katanya.

Sebelum ini, Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin mempertikai penahanan Salleh oleh SPRM memandangkan parti itu memberi kerjasama penuh kepada agensi itu sejak Januari lalu.



*Azam bersalaman bersama Timbalan Naib Canselor UiTM, Profesor Dr Mohamad Hariri Abdullah selepas Majlis Menandatangani MoU antara SPRM dengan UiTM dan MIA. Turut serta Ketua Pegawai Eksekutif MIA, Wan Ahmad Badirman Wan Razak.*

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

**BERITA HARIAN**
**08/03/2023**
**(RABU)**

Sindiket tipu pelaburan antarabangsa

# 2 lelaki warga UK dipenjara 6 bulan

Tertuduh didakwa perdaya mangsa beli saham di syarikat tidak wujud



**BERITA HARIAN**

**17/03/2023**

**(JUMAAT)**

Lebih ramai akan dipanggil termasuk orang kenamaan bagi membantu siasatan

# LCS: SPRM jamin tiada pihak akan dilindungi

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI
JOHOR BAHRU

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meneruskan siasatan berhubung penyelewengan dalam pengendalian projek pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) dengan memanggil lebih ramai individu bagi membantu siasatan termasuk orang kenamaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, beliau turut memberi jaminan bahawa tiada pihak yang akan dilindungi dalam siasatan itu.

"Saya dapat maklumat daripada pegawai penyiasat, ramai lagi saksi akan dipanggil untuk diambil keterangan, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga melibatkan luar negara.

"Saya tidak menolak sesiapa sahaja (untuk diambil keterangan), baik VIP (orang kenamaan) atau menteri yang terlibat dalam kes ini, semua akan dipanggil bagi memastikan siasatan kes dapat dijalankan," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 26 Bil 1/2022 Penolong Penguasa P29, di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dua hari lepas yang menegaskan bahawa siasatan berhubung isu pembinaan LCS itu mesti diteruskan.

Anwar dilaporkan sebagai berkata pendakwaan berhubung isu pembinaan LCS pada peringkat awal sebelum ini tidak mencukupi memandangkan ia melibatkan skandal berskala besar dan ketirisan, selain pendakwaan tidak bertindak kepada orang yang lebih utama yang dikatakan terlibat dalam isu perolehan LCS tersebut.



Azam (dua dari kanan) bersalam mesra bersama pegawai SPRM selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM (Penolong Penguasa P29) di perkarangan Kompleks SPRM Johor di Johor Bahru pada Khamis.

Dalam pada itu, Azam turut memaklumkan bahawa SPRM bersedia menjalankan siasatan ke atas mana-mana pihak termasuk parti politik sekiranya ada situasi yang diterima menunjukkan berlakunya elemen rasuah dan salah guna kuasa.

"Siasatan ke arah membuktikan bagaimana berlaku ketirisan wang begitu besar dalam kes LCS ini. Jadi, beri masa pada kami untuk menyelesaikan kes ini," kata Azam.

Ujarnya, secara prinsipnya, pihak SPRM perlu memastikan wujud elemen rasuah sebelum melakukan apa-apa tindakan.

"Tidak kisahlah daripada parti mana pun, kerana yang penting, kita kena siasat dan adakah parti itu melakukan kesalahan rasuah.

"Jika mengikut akta kami, jika parti A menerima apa-apa sumbangan tetapi pemberian itu daripada pihak yang ada kepentingan dengan kerajaan pada ketika itu, maka ia diklasifikasikan sebagai satu kesalahan rasuah dan perlu disiasat oleh SPRM," jelasnya.

**SINAR HARIAN**
**17/03/2023**
**(JUMAAT)**

# 148 penjawat awam ditamat perkhidmatan

## SPA patuhi Peraturan Awam buang kakitangan gagal tempoh percubaan, masalah tatatertib

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seramai 148 penjawat awam ditamatkan perkhidmatan dan dibuang kerja sepanjang tahun lalu disebabkan gagal dalam tempoh percubaan dan masalah tatatertib serta kelakuan.

Daripada jumlah itu, 97 kakitangan ditamatkan perkhidmatan kerana gagal disahkan dalam tempoh percubaan, manakala 51 orang lagi dibuang kerja kerana masalah tertib dan kelakuan.

Seramai 18 penjawat awam terbabit dibuang kerja oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) kerana tidak hadir bertugas, 20 individu kerana isu tatakelakuan, antaranya terbabit dengan dadah, manakala 13 individu lagi disebabkan sabitan mahkamah.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Zainal Rahim Seman, berkata peningkatan tindakan melalui Lembaga Tatatertib dibuat setiap tahun, membuktikan bahawa mendapat tempat dalam perkhidmatan awam, tidak boleh dianggap selesa.

Beliau berkata, tindakan tatatertib diambil oleh SPA seiring dengan kertas 20 hingga 30 kertas membabitkan tatatertib dibentangkan pada mesyuarat pihaknya setiap minggu.

"Bagi 2021 pula, seramai 83 penjawat awam dibuang kerja, dengan 48 daripada tidak hadir bertugas, 26 membabitkan isu tatakelakuan dan sembilan lagi kerana sabitan mahkamah," katanya kepada *BH*.

Zainal Rahim berkata, terdapat lima lembaga tatatertib, antaranya yang dipengerusikan oleh beliau dan Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Beliau menegaskan, SPA sentiasa mematuhi Peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 395/1993 bagi memastikan anggota perkhidmatan awam melaksanakan tanggungjawab berasaskan kepada peraturan dan pekeliling yang ditetapkan.

### Lulus pertukaran

Sementara itu, Zainal Rahim berkata, SPA akan cuba meluluskan 100 peratus permohonan pertukaran perkhidmatan dalam keadaan tertentu yang dibuat pegawai kerajaan.

Katanya, permohonan itu akan diluluskan bagi mengelakkan timbul isu lain seperti kemurungan dan pengurangan produktiviti kerja atau tidak hadir bertugas dalam kalangan penjawat awam yang tidak dapat bertukar.

"Macam ada yang isteri bekerja di sesuatu negeri, suami berkhidmat di Jabatan Persekutuan. Kita tak pernah mengecewakan, kita luluskan pertukaran kerana tidak mahu mengakibatkan perkara lain seperti malas bekerja, tidak hadir bertugas dan kemurungan," katanya.

> Peningkatan tindakan melalui Lembaga Tatatertib dibuat setiap tahun, membuktikan bahawa mendapat tempat dalam perkhidmatan awam, tidak boleh dianggap selesa



**Zainal Rahim Seman**
Pengerusi SPA

Beliau berkata, sepanjang tempoh lima tahun lalu sejak 2017 hingga tahun lalu, SPA sudah meluluskan 315 pertukaran perkhidmatan penjawat awam, termasuk 98 pertukaran tahun lalu, yang dibuat atas permohonan pegawai atau jabatan.

Pertukaran di bawah bidang kuasa SPA, membabitkan pertukaran ketua perkhidmatan dalam perkhidmatan awam am Persekutuan dan daripada perkhidmatan awam negeri di bawah bidang kuasa suruhanjaya ke perkhidmatan awam am Persekutuan.

Pertukaran biasa dalam perkhidmatan daripada satu kementerian kepada kementerian lain itu adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau kementerian.

Selain itu, Zainal Rahim berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 16,286 pengesahan lantikan dibuat suruhanjaya itu, selain 13,300 pengesahan dalam perkhidmatan.

Beliau berkata, pengambilan pegawai tadbir dan diplomatik juga tidak dibuat pada tahun ini, sama seperti tahun lalu.

Pengambilan terakhir pegawai tadbir dan diplomatik dibuat pada 2021, dengan pembaharuan dari aspek penilaian dan temu duga secara dalam talian di SPA atau temu duga dari lokasi calon berada.

**BERITA HARIAN**
**18/03/2023**
**(SABTU)**

# 2 warga UK kena penjara 6 bulan, denda RM100,000

## Dua rakyat Austria diperdaya buat pelaburan tidak wujud

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

**Butterworth:** Dua lagi lelaki warga United Kingdom (UK) dihukum penjara susulan kegiatan sindiket penipuan pelaburan antarabangsa yang menyebabkan kerugian lebih RM52,000.

Selain penjara enam bulan, kedua-dua tertuduh, Llyod George Bedwell, 46 dan Roger Hoi Wing Wu, 66, turut didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini.

Kedua-dua mereka mengaku salah atas dua pertuduhan pilihan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Inggeris di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Terdahulu mahkamah menetapkan hukuman enam bulan penjara bagi setiap pertuduhan dengan hukuman itu dijalankan serentak bermula tarikh mereka ditahan iaitu pada 21 Februari lalu.

Berdasarkan pertuduhan pilihan pertama dan kedua, kedua-dua lelaki terbabit bersama sama seorang lagi yang masih bebas iaitu Jacob Yazdi didakwa menipu dua lelaki rakyat Austria, Trevor Ronald John Curtis dan Kimberley John Bulat Walker.



Bedwell dan Wing Wu hadir di Mahkamah Butterworth, semalam.
(Foto Danial Saad/BH)

### Jamin keuntungan tinggi

Ia bagi memperdaya mangsa untuk mempercayai bahawa mereka dijamin mendapat keuntungan tinggi daripada satu pelaburan jangka masa singkat dengan membuat pembelian saham di syarikat dikenali Deron Energy Corporation yang kedua-dua tertuduh ketahui tidak wujud.

Dengan itu, kedua-dua tertuduh dengan curangnya mendorong mangsa menyerahkan AUD8,999.92 (RM27,009.00) dan AUD8,573 (RM25,768.81) ke dalam akaun RHB Bank Berhad milik MB International Sdn Bhd di Island Plaza Tower, Jalan Tanjung Tokong, dekat sini, pada 18 Disember 2022 dan 5 Januari 2023.

Kesalahan dilakukan di bawah Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ahmad Akram Gharib, Noor Azura Zulkifli dan Afiqa Liyana Rosman, manakala tertuduh diwakili peguam V Manlandy dan A Ashok.

Media sebelum ini melaporkan SPRM menumpaskan sindiket pelaburan antarabangsa didalangi warga UK dalam serbuan berasingan di 24 premis pada 21 Februari lalu.

Op Tropicana dijalankan serentak termasuk di tiga pusat panggilan, syarikat dan kediaman ahli sindiket di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang tanpa kehadiran pihak polis.

Kelmarin, dua lelaki warga UK dihukum penjara enam bulan di Mahkamah Sesyen Shah Alam susulan kegiatan sindiket penipuan pelaburan antarabangsa.

Andrew Mark Peters, 55, turut didenda RM180,000 dan akan dipenjara 22 bulan jika gagal membayar denda, manakala denda RM140,000 dan gagal bayar dipenjara 16 bulan terhadap Darren Anthony Mcnicholas, 51.

**BERITA HARIAN**
**18/03/2023**
**(SABTU)**

# SPRM jejak aset penipuan pelaburan di luar negara

## Suruhanjaya perluas siasatan dengan kerjasama penguat kuasa antarabangsa

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meluaskan siasatan mengenai aset penipuan pelaburan di luar negara menerusi kerjasama dengan agensi dan penguat kuasa antarabangsa.

Agensi antarabangsa berkenaan termasuk Interpol, Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat dan National Crime Agency (NCA) United Kingdom untuk menjejak aset penipuan pelaburan antarabangsa.

SPRM dalam kenyataan berkata, pihaknya juga berusaha menjejak aset dan wang haram yang dipercayai berjumlah jutaan ringgit itu dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM).

"SPRM kini sedang giat menjejak aset dan wang hasil daripada kegiatan haram sindiket penipuan pelaburan antarabangsa yang berjaya dilumpuhkan dalam satu operasi besar-besaran digelar Op Tropicana pada Februari lalu.

"Usaha menjejak aset dan wang haram yang dipercayai berjumlah jutaan ringgit ini dijalankan dengan kolaborasi BNM dan badan-badan penguat kuasa antarabangsa termasuk Interpol, National Crime Agency (NCA United Kingdom) dan FBI.

"Usaha ini adalah tindakan susulan selepas empat dalang utama sindiket ini yang terdiri daripada warga asing berjaya didakwa di Mahkamah Shah Alam pada 16 Mac 2023 dan di Mahkamah Butterworth pada 17 Mac 2023 lalu dalam tempoh tiga minggu selepas operasi berkenaan dilancarkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

### Siasatan tumpu individu

Katanya, berhubung laporan bahawa lima bank utama sedang dipantau SPRM kerana terbabit dalam sindiket penipuan itu, siasatan kini lebih tertumpu kepada individu terbabit dan bukan membabitkan institusi kewangan itu secara khusus.

SPRM berkata, mereka adalah segelintir golongan profesional termasuk pegawai bank, akauntan dan setiausaha syarikat yang bertindak membolehkan urusan sindiket haram beroperasi.

"SPRM akan terus bekerjasama rapat dengan BNM dan agensi penguat kuasa lain untuk memerangi sindiket penipuan antarabangsa ini," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, lima bank utama di negara ini berada di bawah pemerhatian SPRM kerana dipercayai digunakan sindiket penipuan antarabangsa untuk melakukan transaksi pemindahan wang mangsa yang ditipu sehingga RM1 juta sehari.

Difahamkan, sekurang-kurangnya 20 kakitangan bank terbabit termasuk juruaudit dan pegawai kaunter hadapan, dipercayai berperanan memudahkan sindiket membuka akaun.

Akaun-akaun ini kemudian digunakan oleh sindiket untuk mengutip wang tunai yang didepositkan oleh mangsa yang menjadi mangsa penipuan.



**BERITA HARIAN**
**19/03/2023**
**(AHAD)**

Kes Jana Wibawa

# Bekas Timbalan Pendaftar Mahkamah ditahan SPRM

## Suspek dipercayai minta RM2 juta bantu tukar pertuduhan



BERITA HARIAN
19/03/2023
(AHAD)

# Siasatan SPRM tumpu golongan profesional

## Institusi bank-bank utama tidak terbabit secara khusus dalam siasatan Op Tropicana

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA



Antara suspek sindiket penipuan pelaburan antarabangsa yang ditahan dalam serbuan Op Tropicana yang dijalankan SPRM pada Februari lalu.

Siasatan berhubung sindiket penipuan pelaburan antarabangsa yang berjaya dilumpuhkan menerusi Op Tropicana, bulan lalu tertumpu pada individu dan bukannya institusi kewangan.

SPRM dalam kenyataan pada Sabtu berkata, dakwaan lima bank utama dipantau tidak timbul kerana institusi itu tidak terbabit secara khusus dalam siasatan.

"Mereka (individu yang disiasat) merupakan segelintir golongan profesional termasuk pegawai-pegawai bank, akauntan dan setiausaha syarikat yang bertindak membolehkan urusan sindiket haram tersebut beroperasi," katanya.

SPRM berkata, pihaknya akan terus bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi penguat kuasa lain.

"Usaha menjejak aset dan wang haram yang dipercayai berjumlah jutaan ringgit ini dijalankan dengan kolaborasi BNM dan badan-badan penguat kuasa antarabangsa termasuk Polis Antarabangsa (Interpol), National Crime Agency (NCA - United Kingdom) dan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat," katanya.

## Tiada kompromi isu dadah libat penjawat awam

SHAH ALAM - Seramai 14 pegawai awam antara 7,880 individu yang ditahan atas pelbagai kesalahan dadah sejak 1 Mac lalu.

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman memaklumkan, kesemua individu tersebut ditahan di bawah pelbagai seksyen kesalahan yang termaktub di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Penagih Dadah (P&R) 1983.

"Sepanjang tempoh dua minggu ini, seramai 1,728 penagih dadah tegar telah dituduh di bawah Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 dan daripada jumlah tersebut seramai 917 orang telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen yang sama," katanya dalam satu hantaran di Facebook di sini pada Sabtu.

Tegas JSJN, pihaknya sama sekali tidak akan berkompromi dengan isu melibatkan kesalahan dadah oleh penjawat awam.

"Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik tidak akan berkompromi dengan mana-mana penjawat awam yang terlibat dengan aktiviti pengedaran penyalahgunaan dadah.

"Sebanyak 3,130 kertas siasatan dibuka dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,895 kertas siasatan berjaya dituduh," katanya.

Tambah kenyataan tersebut, sejumlah RM4.04 juta aset telah disita manakala sebanyak lebih RM170,000 telah dilucuthak dalam usaha melumpuhkan sindiket pengedaran dadah di Malaysia.

**SINAR AHAD**
**19/03/2023**
**(AHAD)**

# MARA perhalusi cadangan letak pegawai SPRM

## Sasar operasi, tadbir urus sifar ketirisan, pembaziran

Oleh Narmi Yaakub
dan Amir Abd Hamid
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan memperhalusi cadangan meletak pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di agensi itu.

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata cadangan untuk meletakkan pegawai SPRM itu bagi membuktikan komitmen MARA mempunyai integriti dan tadbir urus terbaik.

Beliau berkata, perkara itu sudah dibincangkan bersama Tan Sri Muhammad Ibrahim yang juga Ahli Majlis MARA untuk diperhalusi.

"Perkara ini kita akan bincang dalam mesyuarat majlis minggu hadapan. Ini membuktikan komitmen kita untuk pastikan integriti dan tadbir urus yang baik.

"MARA ada agenda yang lebih besar daripada itu, jadi asas ini perlu dibina daripada sekarang," katanya pada majlis berbuka puasa MARA bersama media di ibu negara, kelmarin.



Asyraf Wajdi dan Ahmad Zaini (tengah) pada majlis berbuka puasa MARA bersama media di Kuala Lumpur, kelmarin.

Yang turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

### Sasar sifar ketirisan

Asyraf Wajdi berkata, beliau menetapkan sasaran sifar ketirisan dan pembaziran dalam aspek tadbir urus serta operasi MARA, sekali gus tidak mahu mendengar lagi isu membabitkan salah guna kuasa dan penyelewengan.

"Itu yang saya katakan kepada pegawai selepas majlis tadarus al-Quran pagi tadi (kelmarin) kerana masyarakat mengharapkan MARA menjadi 'lebih putih daripada putih' dan sekiranya kita boleh mewujudkan persepsi itu, mereka (tokoh industri) akan datang kepada MARA.

"Kita sudah sampai ke peringkat melahirkan 250,000 alumni Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan ramai lagi mendapat sumbangan daripada MARA, tetapi mereka perlukan dua kunci utama (untuk membantu), iaitu keyakinan dan kepercayaan," katanya.

Asyraf Wajdi berkongsi harapan untuk melihat tokoh industri dianggap *captain of industry* dalam kalangan orang Melayu dan Bumiputera dapat digembleng untuk menjadikan MARA sebagai platform membantu anak Bumiputera lain seperti pernah berlaku pada awal penubuhannya yang dikenali sebagai *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA).

Dalam meningkatkan keyakinan dan kepercayaan itu, beliau turut berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah untuk meletakkan profesional dalam entiti seperti pelaburan dan juga MARA Corporation Sdn Bhd (MARA Corp).

"Alhamdulillah, saya berjaya pujuk Tan Sri Muhammad Ibrahim untuk dilantik sebagai Ahli Majlis MARA yang ada reputasi hebat sebagai bekas Gabenor Bank Negara dan mengenal pasaran dan mengenali tokoh penting pelbagai sektor industri," katanya.

**BERITA HARIAN**
**20/03/2023**
**(ISNIN)**

SIASATAN JANA WIBAWA

# Datuk Roy dibebas SPRM

Oleh Faris Fuad
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seorang lelaki dikenali Datuk Roy dan seorang bekas Timbalan Pendaftar Mahkamah yang direman bagi membantu siasatan berhubung program Jana Ekonomi Pemerkasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (Jana Wibawa), dilepaskan semalam dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Peguam bela kedua-dua lelaki berkenaan, Fahmi Abd Moin, berkata Majistret Mahkamah Putrajaya, Irza Zulaikha Rohanuddin, membenarkan anak guam dilepaskan masing-masing dengan seorang penjamin dan perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM setiap bulan.

Keputusan majistret susulan permohonan pihak SPRM supaya lelaki terbabit dilepaskan dan tiada lagi lanjutan reman.

"SPRM sudah mendapatkan keterangan yang diperlukan daripada kedua-dua orang yang disyaki itu dan mereka memberikan kerjasama dalam siasatan.

"SPRM sudah merakam semua keterangan saksi berkepentingan dan anak guam boleh dipanggil pada bila-bila masa untuk siasatan lanjut jika perlu.

> *Peguam bela mengucapkan terima kasih kepada SPRM dan akan memastikan kedua-dua lelaki itu hadir pada bila-bila masa untuk membantu siasatan"*
>
> **Fahmi Abd Moin**

"Peguam bela mengucapkan terima kasih kepada SPRM dan akan memastikan kedua-dua lelaki itu hadir pada bila-bila masa untuk membantu siasatan," katanya pada BH, hari ini.

Datuk Roy ditahan ketika hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 di pejabat SPRM di sini, jam 3 petang, 13 Mac lalu.

Majistret Kuala Lumpur, Nooriyana Hanim Abd Halim, kemudian membenarkan lelaki berusia 5[illegible] tahun itu direman tiga hari dan melepaskan suspek dengan jaminan SPRM pada Khamis lalu.

Pada hari sama, Datuk Roy ditahan semula sebelum Mahkamah Majistret Putrajaya menyambung reman empat hari lagi berakhir semalam.

Sebelum ini, Datuk Roy diburu SPRM kerana didakwa menjadi perantara utama dalam siasatan kes meminta dan menerima rasuah RM400,000 bagi mengelakkan siasatan membabitkan program Jana Wibawa.

Empat individu termasuk seorang pegawai SPRM ditahan, namun dibebaskan dengan jaminan kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berkenaan atas tujuan sama.

Datuk Roy yang beralamat di Kuantan, Pahang, pernah dipenjara kerana terbabit kes rasuah.

Bekas Timbalan Pendaftar itu pula ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur, jam 9.30 malam, Jumaat lalu, sebelum direman selama tiga hari berakhir hari ini.

Suspek berusia 50-an itu disyaki cuba bersubahat meminta wang suapan berjumlah kira-kira RM2 juta, bagi membantu menyelesaikan kes siasatan SPRM terhadap seorang ahli perniagaan yang sudah dituduh berkaitan projek itu.

Lelaki itu dipercayai meminta suapan sebagai balasan seperti meminta pihak SPRM memakai keterangan [illegible] kepada saksi dan menukar pertuduhan rasuah kepada pertuduhan alternatif.

Suspek pernah bertugas sebagai Timbalan Pendaftar Mahkamah di Putrajaya, sebelum bersara pada Disember 2021.

## HARIAN METRO
## 21/03/2023
## (SELASA)

# Datuk Roy dilepaskan dengan jaminan SPRM



ROY

PUTRAJAYA - Lelaki dikenali sebagai Datuk Roy dan seorang bekas Timbalan Pendaftar Mahkamah yang direman untuk membantu siasatan berhubung program Jana Ekonomi Pemerkasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (Jana Wibawa), dilepaskan pada Isnin dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Peguam bela kedua-dua lelaki berkenaan, Fahmi Abd Moin berkata, Majistret Mahkamah Putrajaya, Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan anak guamnya dilepaskan masing-masing dengan seorang penjamin dan perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM setiap bulan.

Menurutnya, SPRM sudah mendapatkan keterangan yang diperlukan daripada kedua-dua individu itu dan mereka memberikan kerjasama dalam membantu siasatan.

"SPRM juga telah merakam semua keterangan saksi berkepentingan dan anak guam saya boleh dipanggil pada bila-bila masa untuk siasatan lanjut jika perlu.

"Peguam bela mengucapkan terima kasih kepada SPRM dan akan memastikan kedua-dua lelaki itu hadir pada bila-bila masa untuk membantu siasatan," katanya pada Isnin.

Pada Jumaat lalu, Datuk Roy telah direman SPRM selama empat hari.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan lelaki itu direman tiga hari oleh Mahkamah Kuala Lumpur pada 13 Mac lalu sebelum ditahan semula di Pejabat SPRM, jam 3.45 petang, Rabu.

Majistret Kuala Lumpur memerintahkan lelaki itu direman bagi membantu siasatan berhubung dana Jana Wibawa.

Siasatan kes Jana Wibawa dibuat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Empat individu termasuk seorang pegawai SPRM ditahan, namun kemudiannya dibebaskan dengan jaminan kerana diayaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM400,000 bagi mengelakkan siasatan ke atas program kontroversi itu.

Bekas Timbalan Pendaftar berusia lingkungan 50-an itu pula ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kuala Lumpur, Jumaat lalu, sebelum direman selama tiga hari berakhir hari ini (Isnin).

SINAR HARIAN
21/03/2023
(SELASA)

# Hakim baharu kendali kes Rosmah

Hakim Mahkamah Tinggi, K Muniandy, menggantikan Hakim Mohamed Zaini Mazlan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Susulan kenaikan pangkat Hakim Mohamed Zaini Mazlan ke Mahkamah Rayuan Putrajaya, perbicaraan kes pengubahan wang haram RM7 juta dan gagal menyerahkan penyata pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) membabitkan Datin Seri Rosmah Mansor di Mahkamah Tinggi di sini akan didengar oleh hakim baharu iaitu K Muniandy.

Peguam, Datuk Geethan Ram Vincent yang mewakili isteri bekas Perdana Menteri itu berkata, perkara itu disahkan ketika pengurusan kes berkenaan di hadapan Muniandy pada Khamis.

Mahkamah sebelum ini menetapkan tarikh perbicaraan kes ini pada 12 Mei, 28,30 Jun; 6, 7, 28, 31 Julai; 1, 2, 11, 24, 25 Ogos dan 7, 8 September depan.

Bagaimanapun, semasa prosiding, Geethan berkata, perbicaraan pada 27 Julai ini dikosongkan kerana pasukan pembelaan tidak berkelapangan.

"Kami juga ingin memaklumkan, anak guam telah menarik balik permohonan untuk menggugurkan Datuk Seri Gopal Sri Ram, memandangkan Timbalan Pendakwa Raya Kanan itu meninggal dunia pada akhir Januari lalu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Poh Yih Tinn berkata, pendakwaan merancang memanggil seramai 13 saksi pendakwaan akan dipanggil untuk memberi keterangan.



ROSMAH



MUNIANDY

Rosmah berdepan dengan 12 pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM7,097,750, serta lima pertuduhan gagal menyerahkan penyata pendapatan kepada LHDN.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di Affin Bank Berhad, Cawangan Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang di sini, antara 4 Disember 2013 dan 8 Jun 2017 dan di LHDN, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim, di sini dari 1 Mei 2014 hingga 1 Mei 2018.

## Kementerian Kewangan akan buat laporan polis

KUALA LUMPUR - Kementerian Kewangan akan membuat laporan polis berhubung dakwaan tular di media sosial yang mengatakan bahawa bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng telah membatalkan status pengecualian cukai Yayasan Albukhary dan surat pembatalan itu ditandatangani oleh pegawai Kementerian Kewangan.

Dalam kenyataan di sini pada Khamis, kementerian itu berkata, pihaknya memandang serius tuduhan tersebut dan laporan polis akan dibuat berhubung dakwaan palsu itu.

Kenyataan itu menambah, Kementerian Kewangan sama ada melalui bekas Menteri Kewangan dan/atau pegawai-pegawainya, tidak membuat sebarang pembatalan kepada keputusan pengecualian cukai yang telah diberikan kepada Yayasan Albukhary.

Menurutnya, Yayasan Albukhary ditubuhkan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan sebagai institusi yang ditubuhkan bukan untuk tujuan mencari keuntungan, namun semata-mata ditubuhkan bagi maksud amal.

Pada Selasa lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa sesi Soal Jawab Perdana Menteri (PMQ) di Parlimen mengesahkan Guan Eng tidak pernah membatalkan pengecualian cukai yang diberikan kepada Yayasan Albukhary sepanjang lebih kurang dua tahun memegang jawatan Menteri Kewangan bermula Mei 2018 lepas. - Bernama

SINAR HARIAN
24/03/2023
(JUMAAT)

# Pembantu tadbir Felda dipenjara 13 bulan, denda RM68,500

KUANTAN - Seorang pembantu tadbir Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dihukum penjara 13 bulan oleh Mahkamah Syariah selepas mengaku bersalah atas 10 pertuduhan memalsukan dokumen pembayaran wang khairat kematian berjumlah RM64,734 dua tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Zamani Mokhtar menjatuhkan hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh, Mohd Azlan Jainal,38, bermula pada Khamis.

Mahkamah juga memerintahkan bapa kepada empat anak itu, membayar denda RM68,500 dan berdepan dengan 29 bulan penjara, jika gagal menjelaskan denda.

Mohd Azlan mengaku bersalah atas 10 pertuduhan iaitu menggunakan dokumen sebagai tulen iaitu 10 keping cek milik Felda yang berjumlah RM64,734 dan tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

Perbuatan itu dilakukan oleh tertuduh di Bank Islam Malaysia Berhad, di Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran antara 26 Mac hingga 30 April 2021.



Mohd Azlan (tengah) mengaku salah di Mahkamah Syariah atas 10 pertuduhan memalsukan dokumen pembayaran wang khairat kematian berjumlah RM64,734, dua tahun lalu.

# SPRM tahan enam lelaki kemuka tuntutan palsu kerja selenggara sekolah

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam individu secara berasingan kerana disyaki mengemukakan tuntutan bayaran palsu bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan sekolah di Selangor.

Menurut sumber, kesemua lelaki berusia 40 hingga 57 tahun itu ditahan kira-kira jam 5 petang hingga jam 12 tengah malam, ketika mereka diminta hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Selangor.

"Seorang lelaki berusia 52 tahun yang juga pemilik syarikat ditahan kerana dipercayai mengemukakan tuntutan bayaran palsu berjumlah lebih RM760,000 bagi kerja-kerja penyelenggaraan di sebuah sekolah di Batu Arang pada 2020 sedangkan kerja tersebut tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, operasi kedua pula, suspek berusia 41 tahun yang juga seorang kontraktor ditahan kira-kira jam 9.30 malam kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu pada tahun sama berjumlah lebih RM860,000 sedangkan kerja tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya.



Antara individu yang dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam pada Khamis, untuk permohonan reman bagi membantu siasatan berkaitan kes tuntutan palsu.

"Empat lagi suspek ditahan dalam operasi ketiga kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu bernilai lebih RM870,000 membabitkan kerja-kerja penyelenggaraan sebuah sekolah di Serenyih, Selangor pada 2020 sedangkan kerja tersebut juga tidak dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Sumber berkata, seorang suspek berusia 57 tahun yang juga pemilik syarikat dilepaskan dengan jaminan SPRM atas faktor kesihatan.

"Perintah reman selama lima hari bermula hari ini hingga Isnin dikeluarkan terhadap lima suspek tersebut oleh Majistret Nur Syuhada Abdullah di Mahkamah Majistret 3, Shah Alam selepas SPRM membuat permohonan tersebut," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**SINAR HARIAN**
**24/03/2023**
**(JUMAAT)**


Nasional

5 direman kemuka tuntutan bayaran palsu

# AGC tidak tahu sama ada Rohana pulangkan AS$10j

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro janji kembalikan dana 1MDB kepada kerajaan tahun lalu

Kes rasuah Lim Guan Eng

# Gobind diminta henti serang peribadi

# BERITA HARIAN
# 24/03/2023
# (JUMAAT)

# SPRM sahkan Rohana pulangkan AS$10j dana 1MDB

## Wang, aset diserahkan tahun lalu selepas siasatan selesai

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro Malaysia Holdings Berhad, Datuk Rohana Rozhan sudah memulangkan wang AS$10 juta (RM44.28 juta) dan aset dikaitkan dengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dalam kenyataan mengesahkan semua aset itu dipulangkan tahun lalu, selepas siasatan agensi itu selesai.

Sumber berkata, semua wang termasuk aset itu dipulangkan kepada kerajaan tahun lalu, iaitu selepas siasatan SPRM selesai.

Bagaimanapun, sumber itu memaklumkan tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai cara dan prosedur pemulangan wang berkenaan.

"Beliau (Rohana) sudah pulangkan semua wang dan aset yang berkenaan kepada SPRM yang kemudian diserahkan kepada kerajaan," katanya.

Media kelmarin melaporkan, Pejabat Peguam Negara (AGC) tidak mengetahui sama ada Rohana sudah mengembalikan wang dan aset itu.

Tahun lalu, Rohana menyatakan persetujuan untuk menyerahkan semula AS$10 juta yang diberikan oleh bekas pegawai bank Goldman Sachs Group Inc Tim Leissner kepadanya.

**Tiada maklumat**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dilaporkan berkata, Pejabat Peguam Negara tiada pengetahuan berkenaan perkara ini.

Beliau berkata demikian melalui jawapan bertulis di Dewan Rakyat bagi menjawab soalan Lim Lip Eng (PH-Kepong) yang meminta Perdana Menteri menyatakan adakah Rohana sudah mengembalikan wang AS$10 juta kepada kerajaan.




Keratan akhbar BH semalam.

Sebelum ini, Leissner memberitahu Mahkamah New York bahawa beliau memberikan Rohana AS$10 juta yang mana bekas pegawai tertinggi Astro itu membeli sebuah rumah bernilai AS$7 juta (RM30.98 juta) di Montpelier Street, London.

Leissner ialah saksi utama pendakwaan bagi perbicaraan bekas rakan sekerjanya di Goldman Sachs Roger Ng yang didakwa membantu menyeleweng dana bekas an 1MDB milik Malaysia ketika akim itu wujud dari 2009 hingga 2014.

**BERITA HARIAN**
**25/03/2023**
**(SABTU)**



PATI MASUK GUNA MYKAD TULEN DISEWA

# SERAH KEPADA SPRM

## *Sembilan individu direman 6 hari*

**METRO AHAD**

**26/03/2023**

**(AHAD)**

Disyaki terlibat dengan sindiket penyeludupan pendatang tanpa izin di Sabah

# Lima pegawai penguat kuasa Imigresen ditahan

KUALA LUMPUR

Seramai sembilan individu termasuk lima pegawai penguat kuasa imigresen, ditahan dalam operasi khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam 'Op Lancar', kerana disyaki terlibat dengan sindiket penyeludupan pendatang tanpa izin di Sabah.

SPRM dalam kenyataan pada Sabtu memaklumkan, lima penguat kuasa berkenaan termasuk dua pegawai wanita, yang berusia dalam lingkungan antara 30 hingga 41 tahun, ditahan pada kira-kira 2.30 petang hingga 8.40 malam pada Khamis lepas.

Menurut SPRM, empat lagi suspek yang dipercayai ejen pendatang tanpa izin dan negara jiran, terdiri daripada tiga wanita tempatan dan seorang lelaki, berusia antara 37 hingga 73 tahun, ditahan pada 3.30 petang hingga 6 petang hari berkenaan.

"Modus operandi sindiket itu, setiap pendatang tanpa izin atau Pemastautin Sementara yang tidak memiliki dokumen lengkap atau mempunyai sekatan, perlu membayar sekitar RM2,500 kepada ejen pendatang jika ingin keluar dari Sabah melalui Lapangan Terbang Tawau.

"Sindiket ini kemudiannya akan membekalkan MyKad tulen dan pas masuk menaiki pesawat di atas nama pemilik asal MyKad kepada kumpulan pendatang tanpa izin menggunakan khidmat mereka," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan pendatang tanpa izin dari negara jiran, kemudian akan melepasi pemeriksaan pihak berkuasa di Lapangan Terbang Tawau dan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2), selepas bayaran rasuah dibuat kepada pegawai penguat kuasa berkenaan.

Selain itu, siasatan SPRM turut mendapati, bagi setiap penerbangan ke KLIA2, ejen akan membawa masuk antara lima hingga 20 pendatang tanpa izin, dan sindiket ini dipercayai sudah beroperasi sejak 2018.

Hasil operasi itu, SPRM telah merampas beberapa barangan seperti telefon bimbit, kad pengenalan Malaysia milik individu lain dan cop keluar Sabah yang lengkap dengan nombor siri.

Seramai 12 pendatang tanpa izin yang didapati memasuki negara menggunakan sindiket terbabit, turut ditahan oleh JPN dalam operasi itu.



Antara individu yang direman SPRM bagi membantu siasatan berhubung sindiket penyeludupan PATI.

SINAR AHAD
26/03/2023
(AHAD)



## 'Kuasa wanita dalam membanteras rasuah'

SHAH ALAM - Peranan wanita amat signifikan dalam usaha mendidik masyarakat membenci perbuatan jijik rasuah.

Pengarah Eksekutif ESQ Leadership Center Sdn Bhd, Sharifah Noorul Huda Saiyid Hasan berkata, wanita yang juga berperanan sebagai ibu di rumah amat dekat dengan anak-anak, justeru peranan mereka amat besar dan mampu untuk menjayakan usaha membanteras rasuah.

SHARIFAH

"Anak-anak ibarat kain putih, ibu ayah yang mencorakkannya menjadi yang lain, jadi banyak tergantung kepada didikan kedua ibu bapa.

"Sikap dan perbuatan seorang ibu amat besar pengaruhnya terhadap anak-anak, jadi bagi saya peranan mereka ini amat penting dalam menghidupkan nilai-nilai yang baik yang ada dalam diri anak-anak termasuk mendidik untuk menolak rasuah sejak kecil," katanya kepada Rasuah Busters baru-baru ini.

Katanya, nilai-nilai yang mulia ini perlu dihidupkan di rumah dan ibu ayah memainkan peranan yang besar dalam konteks tersebut.

"Nilai mulia ini adalah fitrah yang ada dalam diri semua manusia yang perlu dimunculkan, jadi adalah amat penting dalam usia kosong sehingga tujuh tahun itu tanam nilai dalam diri anak-anak.

"Nilai-nilai mulia yang sudah ada dalam diri anak-anak itu, cuba kita lihat mereka masa kecil, mana ada dengki, bermusuh, bergaduh sekejap tapi berkawan semula, sebab diri mereka penuh kasih sayang, jujur, orang kata bersih. Tetapi ibu bapalah yang mencorakkan karnas mereka," katanya.

Dalam pada itu menyentuh mengenai punca rasuah, Sharifah berkata, sikap tamak menjadi pendorong manusia untuk melakukan perbuatan jijik rasuah.

"Desakan untuk mendapatkan sesuatu kebendaan yang berlebihan yang akan mewujudkan rasa tidak cukup, yang akhirnya terdorong untuk melakukan rasuah," katanya.

Justeru Sharifah berharap supaya gema suara membenci rasuah dijadikan kempen di seluruh Malaysia dalam usaha membanteras perbuatan rasuah.

"Pada saya ia harus bermula dari rumah di mana peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam memberi kesedaran kepada anak-anak untuk menjadikan negara kita ke arah yang lebih baik.

"Hidupkan nilai-nilai dalam diri yang boleh dicontohi oleh anak-anak dan juga menghargai nilai-nilai mulia yang ada pada anak-anak. Semai dan suburkannya supaya mereka membesar menjadi orang-orang yang berpegang dengan nilai berakhlak tinggi seterusnya menjadi pelapis generasi masa depan," ujar beliau.

## Tiada kompromi pegawai terlibat pelanggaran integriti

SHAH ALAM - Jabatan Imigresen Malaysia tidak akan berkompromi terhadap salah laku melibatkan mana-mana pegawai terutama dalam soal pelanggaran integriti.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ruslin Jusoh berkata, pihaknya akan memberikan kerjasama penuh berkaitan penahanan lima pegawai Jabatan Imigresen Malaysia Sabah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat dalam kegiatan sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI), Khamis lalu.

RUSLIN

"Imigresen Malaysia tidak bertolak ansur dalam soal pelanggaran integriti sehingga mencemarkan nama baik dan imej jabatan serta tidak akan melindungi mereka yang terlibat dalam aktiviti tidak berintegriti.

"Imigresen Malaysia menyerahkan kepada SPRM untuk melakukan siasatan dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya dengan telus dan adil," katanya menerusi kenyataan pada Sabtu.

Kata beliau, tindakan dan hukuman yang sewajarnya akan diambil termasuk dibuang kerja sekiranya pegawai yang dituduh itu terbukti bersalah.

"Pelbagai program telah dilaksanakan bagi menerapkan nilai integriti yang tinggi dalam diri setiap pegawai Imigresen Malaysia.

"Selain itu, jabatan ini sentiasa bekerjasama erat dengan agensi lain termasuk SPRM dalam usaha memerangi penyeludupan migran," katanya.

Pada Khamis, SPRM menerusi kenyataan mengesahkan penahanan lima pegawai Jabatan Imigresen Malaysia Sabah.

Kesemua mereka ditahan dipercayai terlibat dalam kegiatan sindiket penyeludupan PATI.

**SINAR AHAD**

**26/03/2023**

**(AHAD)**





Kes sindiket seludup PATI

# Imigresen serah SPRM siasat pegawai sekongkol

## Kerjasama penuh, tidak kompromi isu langgar integriti

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) tidak akan berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai yang melanggar integriti hingga mencemar nama baik dan imej jabatan itu.

Justeru, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh, menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan siasatan berhubung pembabitan lima pegawainya di Sabah yang ditahan Khamis lalu kerana disyaki terbabit dengan sindiket penyeludupan pendatang tanpa izin (PATI).

Beliau berkata, pihaknya memberikan kerjasama penuh dengan telus dan adil bagi membolehkan SPRM menyiasat kegiatan itu.

Sembilan individu termasuk lima pegawai Jabatan Imigresen Malaysia direman enam hari mulai semalam, bagi membantu siasatan SPRM.
(Foto Abdul Rahman Embong/Tailong)

Katanya, tindakan dan hukuman yang serius akan diambil termasuk buang kerja, sekiranya pegawai terbabit terbukti bersalah.

### Komited integriti pekerja

"Jabatan ini serius dan komited dalam memastikan integriti pegawai dan anggota berada pada tahap yang maksimum," katanya menerusi satu kenyataan.

Sebelum ini media melaporkan, lima pegawai Imigresen berusia 26 hingga 41 tahun itu terdiri tiga wanita dan dua lelaki, yang di Lapangan Terbang Tawau (LTT) ditahan di antara jam 2 petang hingga 9 malam dalam Ops Lancar oleh SPRM.

Empat lagi individu awam disyaki ejen masing-masing ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan sekitar daerah Tawau antara jam 1 hingga 1 petang hari yang sama.

Ruslin berkata, jabatan itu sudah mengadakan pelbagai program bagi menerapkan nilai integriti tinggi dalam kalangan pegawainya.

Katanya, selain itu jabatan juga sentiasa bekerjasama dengan agensi lain termasuk SPRM dalam usaha memerangi penyeludupan migran.

Anggota bomba membantu menutup mayat mangsa nahas.
(Foto Ihsan Bomba)

# Pejalan kaki maut, wanita lemas dalam kemalangan

**Kuantan:** Seorang pejalan kaki maut akibat dirempuh kereta yang terbabas sebelum terjunam ke dalam sungai, menyebabkan penumpang wanita lemas, dalam kejadian di Jalan Nenasi - Rompin dekat Merchong, Pekan, kira-kira jam 9.00 pagi semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata lapan anggota termasuk pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Nenasi dikejarkan ke tempat kejadian.

"Pemandu kereta yang juga seorang lelaki selamat dengan cedera ringan, manakala penumpang wanita terjatuh ke dalam sungai bersama kenderaan dinaiki.

"Mangsa dikatakan sempat keluar dari kereta tetapi dihanyutkan arus sungai," katanya.

Zulfadli berkata, mayat lelaki terbabit dihantar ke Unit Forensik Hospital Pekan untuk tindakan lanjut.

# BERITA HARIAN 26/03/2023 (AHAD)



2 lokal

Selasa 28.03.2023 Harian Metro

GUNA MYKAD ORANG LAIN

# 5 warga Filipina ke penjara

*Mahkamah perintah warga asing jalani hukuman jel enam bulan berserta denda RM5,000*

15

# HARIAN METRO 28/03/2023 (SELASA)

# Penahanan pengawal keselamatan bongkar rahsia sindiket

> "JPN tidak tolak kemungkinan akan ada lagi tangkapan dilakukan"

## HARIAN METRO
## 28/03/2023
## (SELASA)

# Pegawai JIM keenam dicekup

*Suspek bertugas di LTT disyaki terbabit bantu sindiket seludup Pati Filipina ditahan SPRM*

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Isu babitan 'orang dalam' yang membantu sindiket penyeludupan pendatang haram Filipina ke Semenanjung Malaysia kian panas apabila seorang lagi pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) diberkas, semalam.

Sumber berkata, suspek lelaki berusia 30-an itu adalah pegawai JIM keenam yang ditahan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak operasi bermula Khamis lalu.

"Pegawai Imigresen gred ini bertugas di Lapangan Terbang Tawau (LTT), Sabah ditahan sepasukan anggota SPRM pagi semalam, susulan siasatan dilakukan terhadap kes berkenaan.

"Suspek terbaru ditahan ini dipercayai ada kaitan dengan tangkapan sindiket yang aktif menyeludup kumpulan pendatang asing tanpa izin (Pati) dengan menaiki pesawat komersil dari LTT ke Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2) sejak awal.

"Mereka dipercayai menerima wang suapan dari sindiket bagi membolehkan kumpulan Pati menyamar sebagai rakyat tempatan melepasi pintu kawasan keselamatan di LTT," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya Timbalan Pengarah Perisikan (Kawalan Bas) SPRM, Gulam Ngadir yang dihubungi Harian Metro mengesahkan tangkapan berkenaan namun enggan mengulas lanjut.

Menurutnya, suspek akan dibawa ke mahkamah pagi ini untuk proses lanjutan reman.

Jumaat lalu Harian Metro secara eksklusif mendedahkan lima pegawai JIM antara sembilan individu direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung sindiket menyeludup keluar Pati melalui lapangan terbang.

Semua mereka mendapat perintah reman sehingga esok.

Lima anggota Imigresen berusia antara 30 hingga 41 tahun itu membabitkan tiga wanita dan dua lelaki yang masing-masing bertugas LTT.

Semua mereka disyaki menerima wang suapan antara RM100 hingga RM3,000 bagi setiap Pati daripada sindiket sebagai dorongan untuk melepaskan Pati yang menggunakan MyKad orang lain.




> "Mereka dipercayai menerima wang suapan dari sindiket bagi membolehkan kumpulan Pati menyamar sebagai rakyat tempatan melepasi pintu kawasan keselamatan di LTT"
>
> Sumber

## HARIAN METRO 28/03/2023 (SELASA)



# Rasuah anggota barisan hadapan semakin kronik

Kuala Lumpur: Kebanjiran pendatang asing tanpa izin (Pati), pekerja dan pelajar asing di negara ini dilihat menjadi peluang besar kepada segelintir penguat kuasa tidak berintegriti mengaut rasuah di negara ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, tidak kira sama ada mereka ini mempunyai permit kerja, visa pelajar apatah lagi 'kosong' tanpa permit dan berstatus Pati, kumpulan ini sering menjadi sasaran penguat kuasa.

"Sungguh menyedihkan dan pahit untuk ditelan namun inilah kejadian yang sering dihadapi golongan warga asing.

"Ini hakikat yang berlaku dan mendatangkan imej buruk kepada Malaysia. Tahap korupsi anggota penguat kuasa selaku barisan hadapan keselamatan negara dilihat semakin kronik dan membimbangkan.

"Slogan 'Malaysia Boleh' dijadikan sindiran sinis yang membawa pengertian yang cukup memedihkan yang mana semua perkara boleh diselesaikan dengan membayar rasuah. Justeru itu, tidak hairan Malaysia menjadi antara tumpuan pekerja asing mendapatkan pekerjaan, pusat transit dadah di rantau Asia Tenggara, pusat penipuan dan pelaburan palsu antarabangsa, judi online, macau scam, pelacuran antarabangsa dan sebagainya," katanya, semalam.

Menurutnya, masyarakat sering menolak dan menidakkan realiti serta mencari pelbagai alasan untuk menafikannya.

"Konsep yang biasa kita dengar 'ia kejadian terpencil' sudah tidak mampu dijadikan alasan menidakkan realiti bagaimana rakusnya anggota penguat kuasa dalam perkara ini.

"Rasuah berlaku dalam setiap inci kehidupan seorang pendatang asing ke negara ini. Antaranya termasuk dalam proses seperti permohonan kuota pekerja asing oleh syarikat. Bagi memperolehi kuota ini, syarikat membayar rasuah untuk memastikan kelulusan kuota dari segi jumlah pekerja asing yang dibawa masuk," katanya.

Menurutnya, rasuah turut berlaku membabitkan peranan ejen pekerja asing yang mengaut keuntungan berlipat kali ganda dengan mengenakan pelbagai yuran proses termasuk visa dan permit kerja.

"Merasuah penguat kuasa di pintu masuk negara untuk mempercepat proses keluar dan masuk bagi pendatang asing yang tinggal melebihi tempoh, terlibat dengan jenayah, disenarai hitam, tidak memenuhi syarat-syarat kemasukan dan sebagainya.

"Selain itu, penyalahgunaan visa pelajar asing bagi tujuan bekerja, berniaga dan terlibat dalam aktiviti tidak bermoral mengundang rasuah membabitkan anggota penguat kuasa," katanya.

Ahmad Khusairi berkata, rasuah turut berlaku membabitkan aktiviti melindungi kegiatan pelacuran, rumah urut, perjudian dan macau scam.

"Turut dikaitkan dengan rasuah adalah tindakan memonopoli sektor perniagaan tanpa lesen atau menggunakan premis dan lesen perniagaan rakyat tempatan. Rasuah turut berlaku membabitkan warga asing bekerja di sektor pembinaan, perladangan, perniagaan dan perkhidmatan secara tidak sah.

"Selain itu gejala suapan berlaku bagi kes mendapatkan kerakyatan dan sijil kelahiran," katanya.

Beliau berkata, rasuah dikesan membabitkan tekong darat yang menyeludup pendatang tanpa izin masuk melalui lorong tikus seperti laut, hutan dan sempadan negara.

"Selain itu, SPRM mengesan aktiviti rasuah membabitkan penerokaan tanah secara haram untuk penginapan dan pertanian, aktiviti perlombongan secara haram, penyeludupan barang larangan termasuk dadah, senjata api, barangan kawalan seperti petrol, tepung, gula dan minyak masak.

"Wujud juga rasuah jalanan bagi mengelak tindakan walaupun mempunyai dokumen yang lengkap selain rasuah bagi mendapatkan darjah kebesaran dan status sosial dalam masyarakat," katanya.

Tambahnya, jenayah pemberian suapan membabitkan nelayan asing yang menceroboh kawasan hasil laut dengan menceroboh lautan negara selain gadis pelayan pelanggan (GRO), tukang urut, pelacuran di pusat hiburan dan spa.

"Ini sebahagian dari kesalahan yang berlaku membabitkan pendatang asing di negara ini.

"Isu kebanjiran pendatang asing tidak boleh dilihat sebagai perkara remeh. Kesannya amat buruk kerana ia membabitkan masalah sosial, jenayah, kesihatan dan keselamatan negara," katanya.

Beliau berkata, pendedahan SPRM menerusi Op Tropicana, Op Belos KLIA 1 & 2, Op Lancar dan siri operasi lain membuktikan isu ini serius dan memerlukan tindakan tegas agensi-agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

"Rasuah berlaku dalam setiap inci kehidupan seorang pendatang asing ke negara ini"

Ahmad Khusairi

HARIAN METRO
28/03/2023
(SELASA)



# Penguat kuasa korup bahayakan negara

Ketirisan yang berlaku akan menjejaskan ekonomi negara, sekali gus beri kesan kepada rakyat

Oleh ROSKHOBRAH YAHYA
SHAH ALAM

Anggota penguat kuasa perlu mengutamakan tugas demi kepentingan negara berbanding peribadi bagi mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan rasuah dan menyeleweng warga asing untuk mengaut keuntungan mudah.

Pengerusi Rasuah Busters Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel berkata, anggota penguat kuasa juga diminta tidak sewenang-wenangnya menggunakan kuasa kerana ia akan memberi kesan kepada ekosistem ekonomi negara.

"Tidak wajar perlaku mereka yang terlibat dengan rasuah, seolah-olah menangguk di air keruh. Jika ia berterusan negara akan berdepan dengan kelembapan ekonomi, sekali gus memberi kesan kepada rakyat.

"Oleh itu, amalan rasuah ini perlu dihentikan bermula di peringkat akar umbi. Jangan ada lagi ketirisan yang akhirnya merugikan rakyat dan negara," katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Pada Isnin, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan kebanjiran warga asing di negara ini dilihat sebagai peluang besar kepada segelintir penguat kuasa yang tidak berintegriti untuk mengaut rasuah.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, tidak kira sama ada mereka ini mempunyai permit kerja, visa pelajar apatah lagi 'kosong' tanpa permit dan berstatus pendatang asing tanpa izin (PATI), kumpulan ini sering menjadi sasaran penguat kuasa.

Tambah Hamdan, ada beberapa faktor menyebabkan segelintir anggota penguat kuasa masih melakukan rasuah walaupun mereka tahu akibat daripada perbuatan tersebut.

"Antara faktor itu adalah menerima tawaran yang menarik.

"Selain itu, tidak mempunyai jati diri dan terlalu mengikut hawa nafsu akhirnya membawa kerugian kepada diri sendiri dan keluarga," jelas beliau.

HAMDAN

RASUAH BUSTERS

PATI 'lubuk emas' penguat kuasa

Laporan Sinar Harian pada Selasa.

## Sabotaj komitmen PM perangi rasuah

SHAH ALAM - Komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memerangi rasuah boleh digagalkan atau disabotaj oleh penguat kuasa pada bila-bila masa sahaja.

Pengarah Jabatan Pemahaman dan Pemantapan Agama Parti Keadilan Rakyat (PKR), Amidi Abdul Manan berkata, perakuan untuk mendakwa sesiapa sahaja tanpa campur tangan politik telah pun diberikan oleh pucuk pimpinan negara.

"Tiada sebab mengapa usaha menghapuskan rasuah boleh gagal melainkan ada pihak yang sengaja mensabotaj hasrat ini.

"Imej perkhidmatan awam juga akan menjadi buruk pada pandangan masyarakat awam lantaran penguat kuasa yang menjadi nila dan merosakkan susu," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut Amidi, gejala sosial yang semakin buruk akibat perbuatan sabotaj tidak boleh dipandang ringan dan perlu diperbaiki sebelum ia parah.

"Pada peringkat ini kita terima kelemahan dengan tekad untuk menghapuskan perbuatan rasuah dalam kalangan penguat kuasa secepat mungkin," jelasnya.

AMIDI

**SINAR HARIAN**
**29/03/2023**
**(RABU)**

## SPRM nafi dua pegawai dalang rasuah, salah guna kuasa libat syarikat korporat

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan dua pegawai kanannya dalang dalam isu rasuah dan salah guna kuasa melibatkan syarikat korporat.

Menerusi kenyataan pada Selasa, SPRM yakin perkara tersebut merupakan tohmahan liar dan tidak bertanggungjawab yang sengaja dilemparkan kepada pegawai suruhanjaya itu bagi menimbulkan persepsi negatif.

Ujar SPRM, kedua-dua pegawai tersebut telah dipanggil untuk memberikan penjelasan dan mereka seterusnya membuat laporan polis untuk menyangkal tohmahan tersebut.

"Namun begitu, sekiranya wujud bukti, pihak berkaitan harus tampil membuat aduan atau laporan kepada penguat kuasa dan bukan membuat tohmahan menerusi media sosial yang berselindung di sebalik identiti palsu," kata SPRM.

Tegas suruhanjaya itu, SPRM tidak membuka kertas siasatan sewenang-wenangnya tanpa bukti dan fakta.

"Setiap siasatan dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP) berlandaskan undang-undang yang diperuntukkan serta dipantau oleh lima badan pemantau bebas," jelasnya.

Berdasarkan prinsip pengasingan kuasa, Pejabat Peguam Negara (AGC) berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang bagi memastikan hanya kes yang mempunyai bukti dan fakta kukuh diberikan izin untuk mendakwa mengikut budi bicaranya.

Dalam pada itu, SPRM juga tidak akan tunduk kepada tekanan mana-mana pihak untuk mengalihkan perhatian daripada kes rasuah dan penyelewengan yang sedang giat disiasat ketika ini.

## Isu pasport Ahmad Zahid dikhuatiri timbulkan persepsi negatif

**SHAH ALAM** - Pelepasan pasport secara kekal yang diberikan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dikhuatiri akan menimbulkan persepsi negatif yang kononnya Pejabat Peguam Negara mengamalkan undang-undang dua darjat.

Peguam, Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, undang-undang dua darjat yang dimaksudkan adalah untuk rakyat biasa dan pemimpin politik khususnya terlibat dengan kerajaan.

"Seperti diketahui umum, permohonan untuk pelepasan pasport secara kekal telah dibuat sebelum ini namun ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 3 Februari. Bagaimanapun ketika keputusan pada Isnin, media melaporkan ia tidak dibantah oleh pihak pendakwaan raya.

"Persoalannya, kenapa pada 3 Februari lalu pihak pendakwaan raya tidak membuat bantahan sedangkan pada dua tempoh ini Ahmad Zahid sudah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tanpa jawapan yang betul dan telus ia akan menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat," jelasnya menerusi Facebook pada Selasa.



MOHAMED HANIFF KHATRI

Pada Isnin, Mahkamah Rayuan membenarkan Ahmad Zahid mendapatkan semula pasportnya bagi membolehkan beliau melakukan perjalanan antarabangsa untuk menghadiri majlis rasmi.

Panel tiga orang hakim yang dipengerusikan oleh Hanipah Farikullah sebulat suara membenarkan permohonan baharu dibuat Timbalan Perdana Menteri itu.

Dua lagi hakim yang bersidang untuk mendengar permohonan tersebut ialah Ahmad Zaidi Ibrahim dan Lim Chong Fong.

Keputusan itu selepas Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Malik Ayob berkata, dia diarahkan untuk tidak mengemukakan sebarang bantahan terhadap permohonan Ahmad Zahid.

Mohamed Haniff Khatri turut mempersoalkan kecekapan Ahmad Zahid dalam menjalankan tugas sebagai menteri.

"Bagaimana beliau boleh fokus untuk bertugas dengan efisien memandangkan mempunyai komitmen lain kerana perlu hadir ke mahkamah jika diperlukan," tegasnya.

**SINAR HARIAN**
**29/03/2023**
**(RABU)**



SPRM tidak akan tunduk kepada tekanan oleh mana-mana pihak untuk mengalihkan perhatian daripada kes rasuah dan penyelewengan yang sedang disiasat.

# ‘Cerita rekaan’ calar imej SPRM

*SPRM nafi pembabitan dua pegawai kanan dalam kes rasuah*

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan pembabitan dua pegawai kanannya dalam isu rasuah dan salah guna kuasa membabitkan syarikat korporat.

SPRM dalam kenyataan berkata, tohmahan yang dibuat sebuah blog menggunakan identiti palsu kononnya dua pegawai kanan SPRM sebagai dalang dalam isu rasuah adalah tidak benar.

"Kedua-dua pegawai SPRM berkenaan sudah dipanggil untuk memberikan penjelasan dan mereka seterusnya membuat laporan polis untuk menyangkal tohmahan berkenaan.

"Sehubungan itu, SPRM yakin perkara berkenaan adalah tohmahan liar serta tidak bertanggungjawab yang sengaja dilemparkan kepada pegawai bagi menimbulkan persepsi negatif terhadap SPRM.

"Namun begitu, sekiranya wujudnya bukti, pihak berkaitan harus tampil membuat aduan atau laporan kepada pihak penguat kuasa dan bukan membuat tohmahan menerusi media sosial yang berselindung di sebalik identiti palsu," katanya.

> “Sekiranya wujudnya bukti, pihak berkaitan harus tampil
> SPRM

Menurutnya, SPRM tidak membuka kertas siasatan sewenang-wenangnya tanpa bukti dan fakta.

"Setiap siasatan yang dijalankan adalah mengikut prosedur operasi standard (SOP) berlandaskan undang-undang yang diperuntukkan serta dipantau oleh lima badan pemantau bebas.

"Seterusnya, mengikut prinsip pengasingan kuasa, Jabatan Peguam Negara berfungsi sebagai [illegible] secara adil dan bebas bagi memastikan hanya kes-kes yang mempunyai bukti dan fakta boleh diberikan izin untuk pendakwaan mengikut hadi bicaranya.

"Dalam pada itu, SPRM juga tidak akan tunduk kepada tekanan oleh mana-mana pihak untuk mengalihkan perhatian daripada kes-kes rasuah dan penyelewengan yang sedang giat disiasat ketika ini dengan pelbagai tohmahan yang sengaja direka-reka," katanya.

Sebelum ini, blog dikenali 'The Corporate Secret' mendedahkan dua nama pegawai kanan SPRM yang didakwa terbabit dalam skandal syarikat korporat berkenaan.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut mengesahkan pihaknya sudah menerima laporan polis dan sudah membuka kertas siasatan berkaitan pecah amanah oleh ejen pada 23 Mei 2022.

**SINAR HARIAN**
**29/03/2023**
**(RABU)**

# ‘Sesiapa sahaja lakukan kesalahan akan disiasat’

## SPRM tidak buat pendakwaan terpilih, fokus individu berisiko tinggi

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, menegaskan agensi itu boleh menyiasat sesiapa sahaja, termasuk pemimpin politik dari blok kerajaan jika mereka disyaki melakukan salah laku dan salah guna kuasa.

Katanya, suruhanjaya berkenaan tidak membuat pendakwaan terpilih, termasuk berkaitan kes Kertas Pandora.

Dalam kes itu, beliau menjelaskan, SPRM memberi tumpuan kepada individu terdedah politik yang mempunyai kuasa dan kedudukan ketika mereka didakwa melakukan salah laku dan disyaki menyalahgunakan kuasa.

"SPRM bebas untuk menjalankan siasatan termasuk ke atas individu yang dirasakan mempunyai kedudukan dan kuasa serta disyaki melakukan penyelewengan dan salah guna kuasa. Tidak kira siapa pun, kita akan siasat.

"Dalam konteks ini (Kertas Pandora), SPRM tidak mengamalkan pendakwaan terpilih. Kami bebas menyiasat tanpa sebarang gangguan atau pengaruh pihak lain," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau menjawab dakwaan Pengerusi Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme (C4), Edmund Terence Gomez bahawa pemimpin dari blok kerajaan tidak dipanggil oleh SPRM walaupun dinamakan dalam dokumen Kertas Pandora yang bocor itu.

Laporan media terbaru berkaitan siasatan SPRM terhadap Kertas Pandora adalah pada Februari lalu, membabitkan seorang bekas menteri yang tidak dinamakan, dipanggil memberi keterangan mengenai kekayaan luar pesisirnya, selain anak seorang bekas Perdana Menteri.

### Siasatan berdasar fakta

Azam berkata, suruhanjaya itu tidak boleh sewenang-wenangnya membuka kertas siasatan, sebaliknya mesti berdasarkan fakta dan bukti mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan undang-undang yang diperuntukkan.

"Kalau ada nama ahli perniagaan dalam Kertas Pandora, tapi dia mungkin tiada kuasa atau kedudukan untuk disalah guna, mungkin ia bukan bidang kuasa SPRM. Sebaliknya mungkin berkaitan kes elak bayar cukai dengan bidang kuasa siasatan di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)," katanya.

Katanya, dalam siasatan Kertas Pandora, SPRM bukanlah satu-satunya agensi yang melakukan siasatan, sebaliknya membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), LHDN dan Pusat Kewangan Jenayah Nasional (NFCC).

Kertas Pandora adalah kebocoran dokumen yang mendedahkan ratusan pemimpin dunia, ahli politik, hartawan, selebriti, pemimpin agama dan pengedar dadah dilapor menyembunyikan wang serta pelaburan mereka dalam hartanah, kapal persiaran dan aset lain sepanjang 25 tahun lalu.

Mereka dilapor mengambil langkah berbeza, antara lain bertujuan mengelak membayar cukai. Laporan itu juga didedahkan menerusi hampir 12 juta fail yang dimiliki 14 firma kewangan di serata dunia.

Beberapa pemimpin Malaysia termasuk ahli politik turut tersenarai dalam laporan yang menggemparkan dunia itu. Dokumen itu didedahkan kepada Konsortium Wartawan Penyiasatan Antarabangsa (ICIJ).

> SPRM bebas untuk menjalankan siasatan termasuk ke atas individu yang dirasakan mempunyai kedudukan dan kuasa
>
> **Azam Baki,**
> *Ketua Pesuruhjaya SPRM*



**BERITA HARIAN**
**31/03/2023**
**(JUMAAT)**



# APRIL 2023

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB



BEKAS MB PERLIS DIDAKWA ATAS LIMA PERTUDUHAN

# Tak cuti ke London tapi tuntut RM1.18j

Azlan dikenakan jaminan RM50,000 bagi semua pertuduhan

HARIAN METRO
01/04/2023
(SABTU)

KES PECAH AMANAH BABIT IPIC

# Bicara ditunda ada perkembangan baru

Kuala Lumpur

Pihak pendakwaan dalam kes pecah amanah dihadapi Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah membabitkan International Petroleum Investment Company (IPIC) memohon perbicaraan kes semalam ditangguhkan kerana terdapat perkembangan baharu.

Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi memberitahu Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Muhammad Jamil Hussin bahawa pihaknya telah menerima surat representasi daripada peguam Datuk K Kumaraendran mewakili Mohd Irwan bagi menggugurkan pertuduhan dihadapi anak guamnya yang sedang diteliti Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Representasi ditujuk kepada Peguam Negara (Tan Sri Idrus Harun) dan arahan beliau untuk saya mohon penangguhan kes sementara ia diteliti dan mendapatkan keputusan.

"Banyak perkara baharu dibangkitkan dalam representasi tersebut oleh pihak peguam Tan Sri Mohd Irwan dan kami perlukan masa mengesahkannya," kata Muhammad Saifuddin.

Beliau berkata pihaknya menerima sesalinan surat daripada peguam mewakili Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah untuk memohon penangguhan kes semalam.

Sementara itu, Muhammad Shafee memaklumkan pihaknya menghantar surat ke mahkamah untuk memohon penangguhan perbicaraan kes bulan ini dan sepanjang Mei depan selepas mengetahui ada perbincangan melibatkan penyelesaian yang sedang berlaku antara kerajaan Malaysia dan IPIC.

"Oleh itu, tanpa mendedahkan maklumat terperinci kerana perkara berkenaan sensitif, kami memohon perbicaraan ditangguh bagi membolehkan rundingan berjalan lancar. Jika ada perkembangan, kes ini mungkin tidak perlu diteruskan," kata peguam itu.

Semalam adalah hari pertama perbicaraan kes bekas perdana menteri dan bekas ketua setiausaha perbendaharaan itu yang turut dijadual berlangsung pada 4 April, 8 hingga 11 April dan sepanjang Mei ini.

Tambah Muhammad Shafee, pihaknya menulis surat representasi untuk menggugurkan pertuduhan bagi pihak Najib dua tahun lalu namun ia ditolak oleh AGC.

"Kami bercadang menghantar surat representasi sekali lagi bagi menarik semula pertuduhan jika ada perkembangan baharu (mengenai penyelesaian tersebut)," katanya.

Kumaraendran turut memaklumkan pihaknya juga menghantar representasi untuk menggugurkan pertuduhan pada Februari 2021, tetapi tidak menerima jawapan. Sehubungan itu, mereka mengemukakan representasi baharu bulan lepas.

Hakim Muhammad Jamil membenarkan penangguhan perbicaraan kes tersebut dan menetapkan 25 Mei ini untuk sebutan semula kes serta bagi pihak pendakwaan untuk memaklumkan kepada mahkamah status representasi kedua-dua tertuduh.

Pada 24 Oktober 2018, Najib, 69, dan Mohd Irwan, 66, mengaku tidak bersalah atas enam pertuduhan pecah amanah ke atas harta kerajaan Malaysia berjumlah RM6.6 bilion berkaitan bayaran kepada IPIC.

Mereka didakwa melakukan kesemua kesalahan itu di Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya antara 21 Disember 2016 dan 18 Disember 2017, mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta boleh didenda, jika sabit kesalahan.



IRWAN hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

HARIAN METRO
04/04/2023
(SELASA)

FOTO: BERNAMA




Seorang pegawai penguat kuasa sebuah agensi penguatkuasaan direman lima hari bagi membantu siasatan dakwaan menerima wang rasuah RM2,500.

# Pegawai penguat kuasa disyaki terima rasuah daripada keluarga banduan

**KUALA TERENGGANU** - Seorang pegawai penguat kuasa sebuah agensi penguatkuasaan direman lima hari bagi membantu siasatan atas dakwaan menerima wang rasuah berjumlah RM2,500 daripada keluarga seorang banduan.

Rasuah itu adalah bagi membenarkan banduan itu menerima layanan istimewa di penjara.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Noor Mazrinie Mahmood bermula Isnin hingga Jumaat (7 April).

Menurut sumber, lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan ketika memberi keterangan di pejabat SPRM Kemaman pada jam 1.30 tengah hari Ahad.

Kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum penjara 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**04/04/2023**
**(SELASA)**

# SPRM digesa letak pegawai dalam syarikat, agensi kerajaan

**SHAH ALAM** – Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) menggesa Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) meletakkan pegawai penasihat yang tepat dalam syarikat dan agensi berkaitan kerajaan bagi menambah baik polisi dan prosedur sedia ada.

Presidennya, Jais Abdul Karim berkata, tugasan penting itu termasuk memberi nasihat, membuat pemantauan dan mencadangkan sistem serta prosedur pencegahan rasuah yang sesuai dengan agensi tersebut.

"Majlis Amanah Rakyat (Mara) adalah sebuah agensi kerajaan yang mengendalikan dana yang amat besar pastinya terdedah kepada bahaya rasuah dan salah guna kuasa yang memerlukan pemantauan rapi pihak SPRM.

"Masalah rasuah dan ketirisan yang pernah dilaporkan sebelum ini adalah bukti bahawa Mara terdedah kepada bahaya jenayah dan perlu sentiasa dipantau," ujarnya.



JAIS

Pada 25 Mac lalu, Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki memaklumkan, Mara berhasrat untuk menempatkan pegawai SPRM di agensi itu dalam memastikan urus tadbirnya berada di tahap terbaik.

Jelasnya, perkara itu telah dibincangkan bersama Tan Sri Muhammad Ibrahim yang juga Ahli Majlis Mara untuk diperhalusi.

Menurut Jais, Mara mesti mempunyai sistem yang mematuhi semua prinsip integriti dan bebas daripada rasuah dalam melaksanakan amanah tersebut.

Tambahnya, pegawai SPRM di Mara perlu menjalankan penyiasatan dalaman secara berkala untuk memastikan mereka mematuhi prinsip integriti dan memberi latihan serta pendidikan kepada kakitangan tentang akhlak dan etika kerja yang betul.

"Tindakan yang sistematik dan berterusan seperti ini amat perlu dalam memastikan semua agensi kerajaan kekal utuh berintegriti serta dipercayai oleh setiap lapisan rakyat secara telus dan adil," tegasnya.

SINAR HARIAN
04/04/2023
(SELASA)

# 'Kami mahu wang dikembalikan semula'

## Bakal jemaah umrah kecewa, urusan dibatal saat akhir

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI
PUTRAJAYA




Sekumpulan individu mendakwa diperdaya sebuah agensi pelancongan dan pengendali umrah haji berada di luar bangunan Ibu Pejabat SPRM pada Selasa.

"Kami hanya mahukan wang dikembalikan semula."

Demikian luah sekumpulan individu yang terdiri daripada pesara, kakitangan kerajaan dan swasta selepas yang mendakwa sebuah agensi pelancongan dan pengendali umrah serta haji membatalkan urusan umrah selain wang yang dibayar gagal dipulangkan sehingga kini.

Lebih memeritkan ada antara individu terlibat mendakwa menggunakan wang persaraan mereka selain ada yang membuat pinjaman peribadi untuk membeli pakej umrah yang ditawarkan syarikat terbabit.

Individu yang mahu dikenali sebagai Rahman, 63, berkata, dia bersama isteri dan tiga anak mereka sepatutnya menunaikan umrah awal Mac lalu, namun ditangguhkan sebelum dibatalkan pada saat-saat akhir tanpa sebab munasabah.

"Sepatutnya saya bersama keluarga berlepas ke Makkah pada 7 Mac, namun pada 3 Mac saya dimaklumkan penerbangan itu terpaksa ditangguhkan, kemudian dibatalkan.

"Alasan yang diberi kononnya ada masalah penginapan di sana yang pada saya tidak masuk akal.

"Saya kini hanya mahukan wang berjumlah lebih RM50,000 dikembalikan," katanya kepada pemberita di luar bangunan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini pada Selasa.

Media dimaklumkan kehadiran lebih 20 bakal jemaah umrah itu bagi mendapatkan pandangan berhubung masalah dihadapi mereka.

Seorang pesara kerajaan yang mahu dikenali sebagai Rafidah berkata, wang simpanannya telah habis digunakan untuk membeli pakej umrah yang ditawarkan oleh agensi syarikat tersebut.

"Saya ambil pakej umrah Ramadan berjumlah sekitar RM12,000 seorang dan ambil sekali dengan suami yang keseluruhannya berjumlah RM24,000.

"Apa yang mengecewakan, agensi ini memberikan pelbagai alasan seolah-olah tidak mahu mengembalikan semula wang kami," katanya.

Sebelum ini pada 1 Mac lalu, pejabat syarikat agensi pelancongan, pengendali umrah serta haji ini diserbu sekumpulan bakal jemaah umrah apabila gagal 'diterbangkan' seperti yang dijanjikan.

Awal Mac lalu, Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Umrah Dan Haji (PAPUH), Datuk Seri Razali Mohd Sham mendedahkan isu kartel serta monopoli tiket penerbangan membabitkan pakej umrah dan haji oleh beberapa syarikat gergasi sememangnya wujud dan menjadi punca kenaikan harga pakej ibadah berkenaan di negara ini.

Beberapa hari selepas itu, SPRM menahan reman tujuh individu termasuk pengarah dan kakitangan syarikat pelancongan dipercayai terlibat dalam sindiket rasuah pengagihan kuota tiket penerbangan umrah membabitkan nilai RM10.8 juta.

**SINAR HARIAN**
**05/04/2023**
**(RABU)**

# Pengarah didakwa sogok Annuar Musa RM7.5 juta

## Dorongan percepat ambil alih konsesi Menara KL tawar rasuah RM500,000 setahun untuk tempoh 15 tahun

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR



Abdul Hamid Shaikh (tengah) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Rabu atas pertuduhan menawarkan suapan RM500,000 setahun bagi faedah seorang bekas menteri.

Sebuah syarikat dan pengarahnya didakwa di dua Mahkamah Sesyen berasingan pada Rabu atas dua pertuduhan termasuk menawar rasuah RM7.5 juta, kepada seorang ahli perniagaan berpangkat Datuk, bagi faedah Menteri Komunikasi dan Multimedia ketika itu, Tan Sri Annuar Musa, berhubung konsesi Menara Kuala Lumpur (Menara KL), tahun lalu.

Bagaimanapun, Pengarah Hydroshoppe Sdn Bhd, Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh, 49, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Suzana Hussain dan Rozina Ayob.

Mengikut pertuduhan, Abdul Hamid Shaikh selaku pengarah syarikat berkenaan, didakwa menawarkan RM500,000 setahun selama tempoh 15 tahun kepada seorang ahli perniagaan berusia 60 tahun.

Ia didakwa bagi faedah Annuar sebagai dorongan kepada menteri itu mempercepatkan proses pengambilalihan pengurusan dan pentadbiran konsesi Menara KL oleh Hydroshoppe.

Syarikat itu pula didakwa bersekutu dengan Abdul Hamid Shaikh dengan menawarkan suapan RM500,000 bagi tempoh sama kepada individu serupa untuk faedah Annuar selaku menteri, dengan niat memperoleh perniagaan pengurusan dan pentadbiran konsesi Menara KL, di lokasi dan tarikh sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mahadi Abdul Jumaat manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Shu Hu.

Kedua-dua mahkamah membenarkan syarikat dan tertuduh itu diikat jamin masing-masing sebanyak RM60,000 serta memenuhi syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah selain melaporkan diri di pejabat SPRM di sini setiap dua bulan.

# Pesara guru rugi setengah juta terpedaya telefon *scam*



MOHD YUSRI

IPOH - Seorang pesara guru wanita mengalami kerugian lebih RM585,000 selepas terpedaya sindiket telefon scam yang menyamar sebagai pegawai insurans.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, berdasarkan laporan, mangsa berusia 59 tahun menerima panggilan telefon daripada sebuah syarikat insurans pada 14 Januari lepas.

Menurutnya, mangsa dari Hutan Melintang, Bagan Datuk itu dikatakan mempunyai tuntutan insurans di sebuah hospital swasta di Ampang sebanyak RM88,400.

"Mangsa menafikan mempunyai tunggakan bayaran itu kerana telah menghentikan pembayaran insurans sejak Februari 2022.

"Mangsa turut diarahkan memandu keluar dari rumahnya bagi mengelak daripada memberitahu perkara tersebut kepada ahli keluarga," katanya.

Beliau berkata, mangsa telah diperdaya untuk membuat pindahan keseluruhan wang berjumlah RM585,904 ke satu akaun bank milik mangsa bagi tujuan siasatan sumber kewangan.

Katanya, akibat cemas dan ketakutan, mangsa telah memberikan semua maklumat kad mesin juruwang automatik (ATM) bank milik mangsa kepada individu berkenaan.

Dalam kes itu, Mohd Yuan menasihati orang ramai agar tidak melayan sebarang panggilan telefon atau mesej daripada individu dan nombor yang tidak dikenali.

"Jangan mudah panik dan cemas. Agensi penguat kuasa di Malaysia tidak akan menelefon untuk mengugut apatah lagi memberi pilihan selesai kes di luar.

"Sentiasalah membuat semakan dan pengesahan dengan agensi berkaitan," katanya.

SINAR HARIAN
06/04/2023
(KHAMIS)

# Didakwa kemuka dokumen palsu

## Anak Hamzah bersama seorang lagi dihadapkan di mahkamah atas 9 pertuduhan

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Anak kepada bekas menteri, Datuk Seri Hamzah Zainudin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan, tahun lalu.

Muhammad Faisal Hamzah, 30, didakwa bersama Azizul Abdul Halim, 55, kedua-duanya pengarah Rimba Merpati Sdn Bhd, iaitu pemegang lesen minyak masak borong.

Kedua-duanya bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mazni Nawi.

Mereka didakwa memberikan maklumat palsu dengan mengeluarkan invois palsu mengenai penjualan minyak itu kepada syarikat peruncit tempatan, Pasar Segar Din Maju yang menyalahi Seksyen 8(4) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Berikutan itu, mereka didakwa di bawah Seksyen 8 (4) (b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama.

Tertuduh selaku pemegang lesen borong juga didapati melanggar Peraturan 3 (1) Peraturan Peraturan Kawalan Bekalan 1974, iaitu memiliki barang kawalan berjadual jenis minyak masak melebihi had 30 tan metrik.

Kesalahan itu dilakukan pada jam 11.15 malam di Premis Perniagaan Rimba Merpati Sdn Bhd di Kawasan Industri Sinar Andalas, Senawang, di sini pada 11 Ogos 2022.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama seksyen 22 (4) akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.


Muhammad Faisal

Sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, didenda maksimum RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

### Isu berkepentingan awam

Timbalan Pendakwa Raya KPDN, Mohd Sophian Zakaria tidak menawarkan jaminan, namun jika mahkamah mahu memberikan jaminan, dia memohon menetapkan satu nilai jaminan tinggi dengan mengambil kira jumlah pertuduhan.

Mohd Sophian berkata, kes itu membabitkan barang kawalan minyak masak yang mana ia kes berkepentingan awam.

"Seperti semua maklum, kerajaan amat memberi penekanan terhadap makanan seperti minyak masak yang menjadi krisis di negara kita," katanya.

Peguam Qurratu 'Aini Zafirah Mat Sho-ib yang mewakili kedua-dua tertuduh, merayu mahkamah tidak terpengaruh dengan jumlah pertuduhan terhadap tertuduh yang belum lagi dibuktikan bersalah di mahkamah.

Katanya, wang jaminan tidak boleh bersifat berlebihan kerana boleh menyebabkan berlakunya ketidakadilan serta tidak mengikut prinsip undang-undang.

"Tertuduh juga telah beri kerjasama sepenuhnya kepada pegawai penyiasat semasa siasatan dijalankan dan ini juga merupakan kali pertama tertuduh didakwa di mahkamah.

"Tiada risiko untuk Muhammad Faisal melarikan diri kerana dia menetap di Ampang, Selangor bersama isteri yang sedang sarat mengandung serta tiga anak, manakala Azizul pula tidak lagi bekerja dan mempunyai 10 anak yang empat daripadanya masih bersekolah," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM40,000 bagi setiap tertuduh dan sebutan semula kes pada 7 Jun ini.

Hamzah pernah berkhidmat sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ketika pentadbiran Barisan Nasional (BN) antara Julai 2015 hingga Mei 2018.

Ketika di bawah pentadbiran Perikatan Nasional (PN), Hamzah memegang jawatan Menteri Dalam Negeri.

BERITA HARIAN
06/04/2023
(KHAMIS)

Kes ambil alih Menara KL

# Pengarah Hydroshoppe dituduh tawar rasuah RM500,000

**Kuala Lumpur:** Sebuah syarikat dan pengarahnya didakwa di dua Mahkamah Sesyen berasingan, di sini semalam atas dua pertuduhan menawar rasuah RM500,000 setahun selama 13 tahun kepada seorang ahli perniagaan bagi faedah Menteri Komunikasi dan Multimedia ketika itu, Tan Sri Annuar Musa.

Ia bertujuan mempercepatkan proses pengambilalihan pengurusan dan pentadbiran konsesi Menara Kuala Lumpur (Menara KL).

Pengarah Hydroshoppe Sdn Bhd, Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh, 49, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Suzana Hussain dan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut pertuduhan, Hydroshoppe Sdn Bhd melakukan kesalahan kerana seseorang yang bersekutu dengannya, iaitu Abdul Hamid Shaikh secara rasuah menawarkan wang RM500,000 setahun selama tempoh itu kepada Datuk Tan Ser Lay, 60, bagi faedah Annuar dengan niat untuk memperoleh persetujuan iaitu pengurusan dan pentadbiran konsesi Menara KL.

Oleh demikian, syarikat itu melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17A(1)(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 17A(2) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM1 juta mengikut mana yang lebih tinggi atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Abdul Hamid Shaikh pula berdepan tuduhan menawarkan kepada individu sama suatu suapan, iaitu RM500,000 dalam tempoh sama sebagai dorongan kepada bekas menteri itu melakukan suatu perkara dirancangkan iaitu mempercepatkan proses pengambilalihan pengurusan dan pentadbiran konsesi Menara KL oleh Hydroshoppe Sdn Bhd.

Pendakwaan mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, antara Julai dan Ogos 2022.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Mahadi Abdul Jumaat, menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin terhadap pengarah itu atas dua tuduhan berkenaan.



*Abdul Hamid Shaikh (kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto BERNAMA)

"Syarat tambahan, iaitu pasport antarabangsa tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri di pejabat SPRM Kuala Lumpur setiap dua bulan.

"Jaminan dan syarat bersama dipersetujui kedua-dua pihak. Kami mohon tarikh sebutan seterusnya pada 2 Jun ini untuk penyerahan dokumen dan permohonan kedua-dua pertuduhan dibicarakan secara bersama pada tarikh akan datang," katanya.

Peguam bela tertuduh, Sha Ivy, mengesahkan persetujuan jaminan dan syarat tambahan itu.

"Kami baru saja dapat kertas pertuduhan pagi ini (semalam), kena kaji dahulu tuduhan sebelum membuat keputusan untuk bantah atau tidak perbicaraan secara bersama," katanya.

**2 Jun sebutan semula kes**

Kedua-dua hakim membenarkan jaminan dan syarat seperti dicadangkan pendakwaan sebelum menetapkan 2 Jun ini untuk sebutan semula kes.

Isu pengambilalihan pengurusan Menara KL tular dalam media sosial apabila orang ramai mempersoalkan keputusan TM menerusi anak syarikatnya, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, memindahkan pemilikan penuh mereka kepada syarikat Hydroshoppe Sdn Bhd, Oktober lalu.

Satu akaun Twitter dikenali sebagai @FreeMalam mendakwa Menara KL yang menjana pendapatan RM66 juta pada 2019 dengan untung bersih RM30 juta itu sebagai cash cow dan pemindahan saham itu tidak dihebahkan kepada umum.

Pada 28 Februari lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan siasatan kes pembelian saham dan isu pengambilalihan pengurusan Menara KL selesai dijalankan serta kertas siasatan sudah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

Hasil siasatan mendapati antara hebahan ialah wang rasuah ratusan ribu ringgit dan seutas jam tangan mewah, dikatakan sebagai hadiah kepada 'orang atasan' untuk membantu pengambilalihan itu.

Beberapa individu termasuk pegawai kanan Telekom Malaysia (TM), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Komunikasi dan Digital serta syarikat tertentu diambil keterangan bagi membantu siasatan SPRM.

**BERITA HARIAN**
**06/04/2023**
**(KHAMIS)**

## HARIAN METRO 04/04/2023 (SELASA)

### PEGAWAI RASUAH DIREMAN

# Layan istimewa di penjara




SUSPEK ditahan ketika memberi keterangan di pejabat SPRM Kemaman.

**Kuala Terengganu:** Seorang pegawai penguat kuasa sebuah agensi penguat kuasaan direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan atas dakwaan menerima wang rasuah berjumlah RM2,500 daripada keluarga seorang banduan.

Rasuah terbabit bagi membenarkan banduan itu menerima layanan istimewa di penjara.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Noor Maarinie Mahmood sehingga Jumaat ini.

Menurut sumber, lelaki berusia 30-an itu ditahan ketika memberi keterangan di pejabat SPRM Kemaman pada jam 1.30 tengah hari kelmarin.

**Terima rasuah RM2,500 daripada keluarga seorang banduan**

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 yang boleh dihukum penjara 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana-mana yang lebih tinggi.

# Ahmad Zahid hantar representasi gugur 47 pertuduhan

KUALA LUMPUR – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin, bahawa representasi bagi menggugurkan 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram dana Yayasan Akalbudi yang dihadapinya telah dihantar kepada Peguam Negara (AG), Tan Sri Idrus Harun, pada Januari dan Februari lalu.

Peguam Hamidi Mohd Noh yang mewakili Ahmad Zahid, memohon Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Collin Lawrence Sequerah, yang kini Hakim Mahkamah Rayuan, untuk menangguhkan prosiding sementara menunggu keputusan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun berhubung representasi itu.

Menurutnya, representasi setebal 200 muka surat telah diserahkan kepada Idrus dan ia perlu diteliti oleh pihak pendakwaan.

Tambah beliau, dokumen itu turut menyertakan fakta dan bukti baharu bagi menggugurkan tuduhan tersebut.

"Justeru, kami memohon perbicaraan ditangguhkan sementara representasi itu diputuskan oleh pihak Peguam Negara," katanya.



AHMAD ZAHID

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Malik Ayob mengesahkan telah menerima surat representasi yang mengandungi isu kompleks.

Menurutnya, mereka diarahkan untuk tidak membantah permohonan untuk menangguhkan perbicaraan tersebut.

"Terdapat dua representasi telah dihantar iaitu pada Januari dan 14 Februari lalu, yang mana ia mengandungi isu kompleks yang dibangkitkan.

"Selepas berunding dengan pihak atasan iaitu Pendakwa Raya, kami diarahkan tidak membantah permohonan ini kerana pendakwaan memerlukan masa yang munasabah untuk menimbangkannya," kata Abdul Malik.

**Sequerah:** Berapa lama masa diperlukan untuk meneliti dan membuat keputusan presentasi itu?

**Abdul Malik:** Kami memerlukan masa kerana permohonan itu turut dilampirkan bersama surat daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), Tan Sri Azam Baki bertarikh 20 Februari lalu yang menyatakan agensi itu menjalankan siasatan lanjut berhubung bukti baharu berkenaan.

Sequerah kemudiannya membenarkan perbicaraan kes itu ditangguhkan manakala perbicaraan yang ditetapkan sepanjang bulan ini hingga Julai depan, dilapangkan.

Mahkamah menetapkan 1 Ogos depan untuk perbicaraan seterusnya atau memaklumkan perkembangan lanjut kes itu.

SINAR HARIAN
11/04/2023
(SELASA)



# Bekas MB Perlis hadapi tuduhan tuntutan palsu

Azlan Man dituduh buat tuntutan palsu kemudahan cuti di London RM1.18 juta

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
KANGAR

Bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada lain atas lima pertuduhan membuat tuntutan palsu bagi kemudahan Cuti Seberang Laut di London dari 2013 hingga 2017 dengan nilai keseluruhan RM1.18 juta.

Azlan, 65, membuat pengakuan berkenaan selepas kesemua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim [illegible].

Mengikut semua pertuduhan pertama, Azlan didakwa mengemukakan dokumen palsu bagi tuntutan berjumlah RM230,230 menggunakan Invois Sri Kedawang Travel & Tours (W) Sdn. Bhd. no. [illegible] bertarikh 11 Disember 2013 sedangkan tidak ada perjalanan seperti yang dituntut.

Tuntutan itu adalah bagi kos tiket penerbangan, hotel penginapan dan pengangkutan ke London bagi tarikh 20 Disember 2013 sehingga 2 Januari 2014.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa mengemukakan sebutharga tiket penerbangan pergi balik ke London, United Kingdom dan hotel penginapan oleh Sri Kedawang Travel & Tours (W) Sdn. Bhd. bertarikh 20 November 2014, Pesanan Kerajaan Negeri Perlis (borang AM 755) Tahun Kewangan 2014. Tuntutan dibuat bagi kos penerbangan dan hotel penginapan ke London, United Kingdom bagi tarikh 17 hingga 26 Disember 2014 sejumlah RM216,260 tanpa melakukan perjalanan itu.

Bagi pertuduhan ketiga, Azlan dituduh mengemukakan sebutharga tiket penerbangan pergi balik ke London, United Kingdom dan hotel penginapan oleh Sri Kedawang Travel & Tours (M) Sdn. Bhd.

Tuntutan itu adalah bagi penerbangan dan hotel penginapan ke London, United Kingdom bagi tarikh 18 hingga 26 Disember 2015 sejumlah RM241,236.42 sedangkan tidak ada perjalanan dilakukan.

Bagi pertuduhan keempat, tertuduh didakwa mengemukakan sebutharga tiket penerbangan pergi balik ke London, United Kingdom dan hotel penginapan oleh Aidil Travel & Tours Sdn. Bhd.

Tuntutan dibuat bagi kos tiket penerbangan dan hotel penginapan ke London, United Kingdom bagi tarikh 20 Disember 2016 hingga 1 Januari 2017 sejumlah RM2[illegible].42 tanpa melakukan perjalanan seperti dituntut.

Bagi pertuduhan kelima pula, Azlan dituduh melakukan kesalahan mengemukakan sebutharga tiket penerbangan pergi balik ke London, United Kingdom dan hotel penginapan oleh Aidil Travel & Tours Sdn Bhd bertarikh 6 November 2017.

AZLAN MAN

Tuntutan adalah bagi kos bagi tiket penerbangan dan hotel penginapan ke London, United Kingdom bagi tarikh 23 hingga 30 November 2017 sejumlah RM244,079.30 sedangkan tidak ada perjalanan seperti yang dituntut.

Kesalahan bagi kesemua pertuduhan didakwa dilakukan antara Disember 2013 sehingga Disember 2017 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Dewan Undangan Negeri.

Kesemua pertuduhan dilakukan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(2) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kes dikendalikan Timbalan Pengarah (2) Bahagian Perundangan dan Pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ahmad Akram Gharib manakala tertuduh diwakili peguam [illegible] Abdul Wahid.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 12 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

## RM1 juta dari akaun Armada Bersatu untuk agih bantuan

KUALA LUMPUR - Pasukan pembelaan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada lain bahawa wang RM1 juta yang dikeluarkan daripada akaun Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) merupakan bantuan Covid-19, bantuan Ramadan dan hari raya serta kebajikan lain.

SYED SADDIQ

Peguam, Gobind Singh Deo yang mewakili Ahli Parlimen Muar itu berkata demikian ketika prosiding hujahan di akhir kes pembelaan di hadapan Hakim, Datuk Azhar Abdul Hamid.

"Apabila RM1 juta dikeluarkan pada 5 Mac 2020, terdapat sejumlah RM1.8 juta tersedia dalam akaun itu antara lain memenuhi tujuan dan objektif penubuhan parti.

"Ketika itu, negara dilanda penularan wabak Covid-19 bermula Januari 2020 diikuti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 sekali gus mengundang kesulitan kepada rakyat," katanya.

Oleh itu, beliau berkata, Syed Saddiq selaku bekas Ketua Armada Bersatu manakala saksi pendakwaan ke-13, Rafiq Hakim Razali sebagai bekas Penolong Bendahari parti itu hanya bertindak demi kepentingan sayap parti.

Walaupun mahkamah memutuskan ada kes prima facie terhadap anak guamnya, beliau berkata, Seksyen 182A Kanun Tatacara Jenayah (CPC) memberi mandat supaya pembuktian oleh pendakwaan dinilai semula susulan pembelaan yang dibuat.

"Dalam erti kata lain, menjadi tanggungjawab mahkamah menilai bukti secara menyeluruh untuk menentukan sama ada terdapat keraguan munasabah yang membawa kepada pembebasan Syed Saddiq atas semua pertuduhan atau sebaliknya," katanya.

Mahkamah menetapkan Selasa untuk prosiding hujahan oleh pihak pendakwaan.

Syed Saddiq didakwa bersubahat dengan Rafiq Hakim Razali selaku Penolong Bendahari Armada Bersatu yang diamanahkan dengan dana berjumlah RM1 juta, melakukan pecah amanah dengan menyalahgunakan dana itu.

# SINAR HARIAN
# 11/04/2023
# (SELASA)

# Pendakwaan persoal sikap Syed Saddiq

## Tidak beritahu kutipan dana dua program Armada untuk ganti wangnya

**KUALA LUMPUR**

Mahkamah Tinggi pada Selasa diberitahu bahawa Syed Saddiq Syed Abdul Rahman tidak pernah memaklumkan kepada sesiapa bahawa kutipan wang melalui dua program merah dana yang dianjurkan oleh Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) adalah untuk menggantikan wangnya yang didahulukan bagi kempen Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin berkata, sebagai seorang lelaki yang berhati-hati dan berpelajaran, Syed Saddiq seharusnya memberitahu bekas Penolong Bendahari Armada, Rafiq Hakim Razali yang menguruskan akaun Armada Bumi Bersatu Enterprise (ABBE) bahawa wang hasil kutipan akan digunakan untuk menggantikan wang miliknya (Syed Saddiq).

Dua program merah dana tersebut adalah "Makan Amal Muo" dan "Fund Raising Battle for Johor", masing-masing diadakan pada 7 dan 8 April 2018 telah berjaya mengutip dana sebanyak RM120,000.

"Jika benar wang hasil majlis merah dana tersebut bertujuan untuk perjalanan kempen, apa salahnya wang tersebut disimpan di dalam akaun ABBE dan hanya dikeluarkan kepada Syed Saddiq berdasarkan penggunaan dan jika ada baki, wang itu boleh digunakan oleh ahli Armada lain untuk tujuan kepentingan parti.



SYED SADDIQ

"Namun, Syed Saddiq telah mengarahkan keseluruhan RM120,000 dipindahkan terus ke dalam akaun Maybank peribadi miliknya," katanya ketika berhujah di akhir kes pembelaan Ahli Parlimen Muar itu yang berdepan empat pertuduhan bersubahat melakukan pecah amanah, salah guna harta dan pengubahan wang haram.

Wan Shaharuddin berkata, mahkamah wajar membuat dapatan berdasarkan pengakuan Syed Saddiq yang dari awal telah jelas menunjukkan niatnya untuk menyalahgunakan wang RM120,000 tersebut untuk diri sendiri.

Hujah Wan Shaharuddin lagi, pembelaan Syed Saddiq merupakan suatu penafian semata-mata tanpa sebarang sokongan apabila sepanjang prosiding pembelaan, tertuduh sama sekali tidak menafikan wujudnya komunikasi antara beliau dan Rafiq Hakim mengenai arahan pemindahan wang RM120,000 yang merupakan hasil majlis merah dana ke akaun Maybank peribadi tertuduh.

"Tertuduh juga tidak menafikan bahawa Rafiq Hakim telah melakukan pemindahan wang RM120,000 itu melalui empat kali transaksi, masing-masing bertarikh 8, 11, 12 dan 21 April 2018.

"Beliau juga tidak menafikan bahawa wang yang dikatakan hasil daripada majlis merah dana tersebut tidak pernah dibelanjakan bagi maksud kempen PRU14 sehinggalah wang RM100,000 dipindahkan melalui dua kali transaksi ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputra (ASB) miliknya, masing-masing pada 16 dan 19 Jun 2018," katanya.

Pihak pendakwaan menutup kesnya pada 27 September tahun lalu, selepas memanggil 30 saksi dalam perbicaraan yang bermula 21 Mei dan antara saksi pendakwaan ialah ibu dan bapa Syed Saddiq, Sharifah Mahani Syed Abdul Aziz dan Syed Abdul Rahman Abdullah Alsagoff serta Rafiq Hakim iaitu bekas Penolong Bendahari Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Bersatu.

Sementara itu, pada 25 Oktober tahun lepas, Syed Saddiq diperintahkan membela diri atas empat pertuduhan itu selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh di akhir kes pendakwaan.

Bekas Menteri Belia dan Sukan itu memberi keterangan membela diri selama dua hari bermula 22 Februari lepas dan lima individu memberi keterangan sebagai saksi pembelaan antaranya bekas Ketua Penerangan Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada), Ulya Aqamah Husamudin, bekas Pegawai Khas Syed Saddiq, Mohamad Amshar Aziz dan bekas Setiausaha Peribadi Syed Saddiq, Siti Nurul Hidayah.

> "Syed Saddiq telah mengarahkan keseluruhan RM120,000 dipindahkan terus ke dalam akaun Maybank peribadi miliknya."
>
> – Wan Shaharuddin

Hakim Datuk Azmar Abdul Hamid akan menyampaikan keputusan pada satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Syed Saddiq, 30, didakwa bersubahat dengan Rafiq Hakim yang diamanahkan dengan dana berjumlah RM1 juta, untuk melakukan pecah amanah dengan menyalahgunakan dana itu di CIMB Bank Berhad, Menara CIMB KL Sentral, Jalan Sentral 2 di sini pada 6 Mac 2020.

Anak kelahiran Johor Bahru itu didakwa menyalah guna RM120,000 daripada akaun Maybank Islamic Berhad milik Armada Bumi Bersatu Enterprise, untuk diri sendiri dengan menyebabkan Rafiq Hakim melupuskan wang itu di Malayan Banking Berhad, Jalan Pandan 3/6A, Taman Pandan Jaya di sini antara 8 dan 21 April 2018. – Bernama

SINAR HARIAN

12/04/2023

(RABU)

# Bekas MB Perlis akan didakwa lagi hari ini



AZLAN

KUALA LUMPUR – Bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man yang didakwa atas lima pertuduhan membuat tuntutan palsu di Mahkamah Sesyen Kangar, Perlis akan dituduh sekali lagi di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur berhubung kes pengubahan wang haram (AMLA), pada Rabu.

Azlan, 65, dijangka dituduh berdasarkan himpunan liputan media yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Selain Azlan, seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif, sebuah institut automotif turut dibawa ke mahkamah untuk pertuduhan kes berasingan.

"Dimaklumkan, SPRM telah mendapat izin mendakwa dua individu bagi kes berasingan pada ketetapan pada jam 9 pagi, 12 April.

Pada Isnin, Azlan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kangar atas lima pertuduhan membuat tuntutan palsu perjalanan ke luar negara berjumlah RM1.185 juta dari tahun 2013 hingga 2017 ketika mentadbir negeri itu.

# Bekas pegawai kanan PPK dituduh terima suapan

SHAH ALAM – Bekas Timbalan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sepang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas dua pertuduhan meminta suapan wang berjumlah RM6,000 berkaitan Program Desa Jaminan Makanan Tahun 2021.

Berdasarkan kedua-dua pertuduhan, Mohd Asyraf Mohd Fauzi, 38, didakwa secara rasuah meminta wang daripada seorang lelaki warga tempatan berusia 38 tahun sebagai dorongan untuk mendapatkan kerja-kerja pembersihan dan pembekalan anak benih tebu telur berkaitan Projek Desa Jaminan Makanan Tahun 2021: Projek Pertanian Organik Tebu Telur daripada PPK Sepang.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah restoran di Kampung Gicing, Sepang, dekat sini sekitar September 2021.

Tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, Mohd Asyraf boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Muaz Ahmad Khairuddin menawarkan ikat jamin berjumlah RM10,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan.

Peguam Saleh Ahmad yang mewakili tertuduh, memohon jumlah jaminan dikurangkan kerana anak guamnya memberi kerjasama kepada SPRM sepanjang siasatan dijalankan serta menanggung seorang isteri dan empat orang anak.

Hakim Rozilah Salleh menetapkan ikat jamin sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin dan membenarkan semua permohonan syarat tambahan yang dimohon pendakwaan, selain menetapkan 24 Mei depan untuk sebutan semula kes. - Bernama



**Mohd Asyraf (kiri) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam, atas dua pertuduhan meminta suapan wang berjumlah RM6,000.**

SINAR HARIAN
12/04/2023
(RABU)

Kes salah guna dana RM1 juta

# 'Syed Saddiq sekadar nafi dakwaan tanpa bukti kukuh'

Bekas Ketua ARMADA tak pernah beritahu kutipan dana untuk ganti wang telah dikeluarkan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali



Syed Saddiq hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

Gema wang untuk kempen

BERITA HARIAN
12/04/2023
(RABU)

HARIAN METRO
13/04/2023
(KHAMIS)

DAKWAAN TERBABIT PENGUBAHAN WANG HARAM RM1.06J

# Azlan mengaku tak salah 5 pertuduhan

Oleh Suraya Roslan
surayamslan@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap lima pertuduhan terbabit dalam pengubahan wang haram berjumlah RM1.06 juta.

Azlan, 65, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Azura Alwi.

"Faham (pertuduhan) dan tidak (mengaku bersalah)," katanya.

Mengikut semua pertuduhan, Azlan didakwa menerima hasil aktiviti haram iaitu wang berjumlah RM1,050,675.25 daripada Sri Kedawang Travel & Tours (W) Sdn Bhd, Aidil Travel & Tours Sdn Bhd dan Abdul Rahim Halim yang mewakili syarikat Aidil Travel & Tours.

Kesemua wang berkenaan diterima tertuduh secara tunai dan empat cek yang dimasukkan ke dalam akaun Maybank serta CIMB miliknya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Maybank cawangan Jalan Tuanku Abdul Rahman, di sini; CIMB Bank cawangan Putrajaya dan Hotel Sheraton Imperial, di sini, antara 19 Februari 2014 dan Disember 2015.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana yang lebih tinggi jika disabitkan kesalahan.



AZLAN di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

# Bekas ahli majlis MPHS dituduh makan suap RM500

**Shah Alam:** Seorang bekas ahli majlis di Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM500 berhubung kelulusan permohonan bantuan kewangan pembelian buku kelas agama dan moral sebuah pertubuhan kebajikan sosial pada 2020.

Tertuduh, K Murali, 53, membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kertas pertuduhan, Murali didakwa secara rasuah meminta dan menerima untuk dirinya iaitu wang sebanyak RM500 daripada seorang lelaki berusia 67 tahun.

Lelaki terbabit adalah pengerusi sebuah pertubuhan kebajikan sosial yang memberi suapan sebagai dorongan untuk menyokong kelulusan permohonan bantuan kewangan membeli buku kelas agama dan moral bagi pertubuhan berkenaan.

Justeru, dia didakwa melakukan melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Murali didakwa melakukan kesalahan itu pada 7 September 2020 di sebuah cawangan bank di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin manakala Murali diwakili peguam, Asyraaf Abu Bakar Hamzah.

Hakim menetapkan jaminan sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat pada setiap awal bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 10 Mei depan.

**HARIAN METRO**
**13/04/2023**
**(KHAMIS)**

# Azlan didakwa terima wang aktiviti haram RM1.06 juta

## Bekas MB Perlis mengaku tidak bersalah terhadap 5 lagi pertuduhan

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man, dihadapkan ke mahkamah untuk kali kedua dalam tempoh tiga hari apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap lima tuduhan pengubahan wang haram RM1.06 juta.

Azlan, [illegible], bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

"Faham (pertuduhan) dan tidak (bersalah)," katanya.

Mengikut pertuduhan, Azlan menerima hasil aktiviti haram iaitu wang RM[illegible], RM[illegible], RM[illegible], RM[illegible] dan RM[illegible] daripada Sri Kedawang Travel & Tours (M) Sdn Bhd, Adil Travel & Tours Sdn Bhd dan Abdul Rahim Halim yang mewakili syarikat Adil Travel menerusi wang tunai dan empat cek yang dimasukkan ke akaun Maybank serta CIMB milik tertuduh.

Kesalahan itu dilakukan di Maybank cawangan Jalan Tuanku Abdul Rahman, CIMB Bank cawangan Putrajaya, Kementerian Kewangan, Persiaran Perdana, Presint 2 dan Hotel Sheraton Imperial Kuala Lumpur, Jalan Sultan Ismail, Chow Kit, antara antara 19 Februari 2014 dan 18 September 2017.



Azlan menghadapi lima pertuduhan membabitkan pengubahan wang haram di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto [illegible]/BH)

Pendakwaan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) akta sama.

Ia memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana yang lebih tinggi jika disabitkan kesalahan.

**[illegible]**

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, menawarkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh.

"Kesalahan dipertuduhkan dalam kategori tidak boleh dijamin dan ada undang-undang yang mengikatnya mengikut Seksyen 388 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), namun kita tidak membantah jika hakim melaksanakan kuasa budi bicara melepaskan tertuduh dengan jaminan.

"Saya tak mohon syarat tambahan pasport kerana tertuduh dituduh di Mahkamah Sesyen Kangar pada Isnin lalu dan memerintahkan pasport disimpan selamat oleh mahkamah berkenaan.

"Tarikh sebutan akan datang pihak-pihak (pendakwaan dan pembelaan) bersetuju pada 9 Jun ini. Saya mohon kes di Kangar dipindahkan ke Kuala Lumpur untuk sebutan kes dan pada tarikh itu mereka dibicarakan di sini," katanya.

Peguam bela Azlan, Burhanudeen Abdul Wahid, tidak membantah cadangan jaminan dibuat pendakwaan.

"Kami sudah berbincang dengan pendakwaan sebelum perbicaraan pagi ini dan bersetuju cadangan jaminan RM50,000.

"Jumlah berkenaan adalah sama seperti jaminan di Mahkamah Sesyen Kangar," katanya.

Hakim kemudian membenarkan jaminan seperti ditawarkan pendakwaan dan menetapkan 9 Jun ini untuk sebutan semula kes.

Kelmarin, Azlan didakwa di Mahkamah Sesyen Kangar atas lima pertuduhan membuat tuntutan palsu perjalanan ke luar negara berjumlah RM1.[illegible] juta dari 2013 hingga 2017 ketika mentadbir Perlis.

Azlan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paoh pada 2013 hingga 2018 dan memenangi kerusi DUN Bintong dari 2018 hingga tahun lalu, sebelum tewas pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Menteri Besar Perlis dari 2013 ke 2018 itu juga gagal mempertahankan jawatan Ketua UMNO Bahagian Kangar pada pemilihan parti, baru-baru ini.

**BERITA HARIAN**
**13/04/2023**
**(KHAMIS)**

# Rasuah RM500 minta kelulusan kewangan beli buku agama

SHAH ALAM – Seorang bekas ahli majlis perbandaran didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas satu pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada sebuah pertubuhan kebajikan sosial sebanyak RM500 berhubung kelulusan bantuan kewangan membeli buku kelas agama dan moral, tiga tahun lalu.

Tertuduh, S Murali, 53, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibaca di hadapan Hakim Roziah Saleh.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa meminta dan menerima suapan sebanyak RM500 daripada seorang lelaki berusia 67 tahun yang juga pengerusi pertubuhan itu, sebagai tujuan tersebut yang dimasukkan ke akaun Maybank milik tertuduh.

Kesalahan didakwa dilakukan di Malayan Banking Berhad Cawangan Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor pada 7 September 2020.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai yang palsu atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin dan Pegawai Pendakwa, Mohd Aliff Shaharuzaman sementara tertuduh diwakili peguam, Asyraaf Abu Bakar Hamzah.

Roziah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin dengan syarat menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM.

Sebutan semula kes itu ditetapkan pada 10 Mei depan.



Murali (tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Rabu, bagi menghadapi pertuduhan kes meminta dan menerima rasuah daripada sebuah pertubuhan kebajikan sosial sebanyak RM500, tiga tahun lalu.

**SINAR HARIAN**
**13/04/2023**
**(KHAMIS)**



# SPRM tahan pegawai kanan KSM, ejen di KLIA

Penahanan dipercayai ada kaitan dakwaan tubuh agensi ambil pekerja asing

**BERITA HARIAN**
**14/04/2023**
**(JUMAAT)**

# 3 wanita seleweng RM9 juta milik syarikat pusat urut

## SPRM sedang kesan dua lagi individu dipercayai suspek utama kes

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga wanita kerana disyaki menyeleweng wang RM9 juta milik sebuah syarikat pusat urut terkemuka.

Semua suspek berusia lingkungan 50-an terdiri daripada dua pengarah sebuah syarikat pembekal minyak urut, manakala seorang lagi ialah isteri bekas pengarah urusan syarikat pusat urut terbabit.

Sumber memaklumkan, ketiga-tiga suspek ditahan petang kelmarin selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

### Tipu pembelian minyak urut

Katanya, semua suspek disyaki mengemukakan dokumen tertera butiran palsu untuk memanipulasi dana syarikat terbabit antara tempoh 2017 hingga 2019.

"Suspek dikatakan menyeleweng wang terbabit menerusi pembelian minyak urut dengan harga yang tinggi berbanding harga pasaran menerusi syarikat pembekal yang juga proksi mereka. Akibat pembelian terbabit, syarikat dikatakan mengalami kerugian," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, mengesahkan penahanan tiga wanita terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Katanya, SPRM kini sedang mengesan dua lagi individu dipercayai suspek utama kes itu, iaitu bekas pengarah urusan dan bekas pegawai kewangan syarikat pusat urut terbabit.

Terdahulu, ketiga-tiga suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di sini sebelum Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan SPRM untuk menahan reman mereka selama hari mulai semalam bagi membantu siasatan.

**BERITA HARIAN**
**14/04/2023**
**(JUMAAT)**

# Bekas setiausaha politik didakwa 12 tuduhan rasuah

## Tertuduh mengaku tak salah terima sogokan RM408,736

Oleh Meor Ridzwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Bekas setiausaha politik kepada bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas 12 pertuduhan menerima suapan bernilai keseluruhan RM408,736 pada 2017 dan 2018.

Datuk Rosli Hasan, 52, dituduh sebagai pegawai badan awam, iaitu setiausaha politik kepada Ketua Menteri Melaka di Jabatan Ketua Menteri Melaka, menerima suapan daripada seorang lelaki dalam bentuk khidmat pengubahsuaian rumah milik isterinya, Wan Ranazima Wan Abdul Rashid.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara Mei 2017 hingga Februari 2018 membabitkan pengubahsuaian rumah di alamat No 24 Jalan Pokok Mangga 6A, Taman Pokok Mangga dengan kos RM323,736.

Bagi pertuduhan kedua hingga 12, Rosli dituduh menerima suapan wang RM85,000 melalui bayaran kad kredit didaftarkan atas namanya daripada seorang lelaki di CIMB Bank Cawangan Batu Berendam, pada masa dan tarikh berlainan antara 22 Mei 2017 hingga 19 Oktober 2017.

### Hubungan dengan syarikat

Semua suapan itu sebagai hubunan bagi membantu syarikat D'Azlamad Sdn Bhd untuk dilantik sebagai kontraktor bagi projek mereka bentuk, membina dan menyiapkan masjid, dewan serba guna, tiga lot kedai dan rumah sampah secara reka dan bina.

Projek berkenaan di atas sebahagian tanah di Lot 341 dan Lot 345, Mukim Bachang, bernilai keseluruhan RM5.28 juta.

Dia didakwa di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan, mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Rosli mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwan Shah Abdul Samat menawarkan jaminan RM80,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh melapor diri ke pejabat SPRM Melaka sebulan sekali, selain menetapkan sebutan semula 16 Mei depan.



*Rosli (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Melaka, semalam.*

**BERITA HARIAN**
**14/04/2023**
**(JUMAAT)**

# Bekas setiausaha politik didakwa terima suapan lebih RM400,000

**MELAKA** - Bekas setiausaha politik kepada mantan Ketua Menteri Melaka mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas 12 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM408,736 pada 2017 dan 2018.

Datuk Rosli Hasan, 52, dituduh menerima suapan itu antara Mei 2017 hingga Februari 2018 dalam bentuk pengubahsuaian rumah milik isterinya di Jalan Pokok Mangga 61, Taman Pokok Mangga bernilai RM323,736.

Beliau juga berdepan 11 pertuduhan secara rasuah menerima suapan wang berjumlah RM85,000 melalui bayaran kad kredit antara Mei 2017 hingga 19 Oktober 2017.

Kedua-dua suapan itu sebagai upah bagi membantu sebuah syarikat untuk dilantik sebagai kontraktor bagi projek mereka bentuk, membina dan menyiapkan sebuah masjid, dewan serba guna, tiga lot kedai dan rumah sampah di atas sebahagian tanah di Lot 341 dan Lot 345, Mukim Bachang, bernilai RM5.28 juta.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Hakim Elesabet Paya Wan menetapkan 16 Mei depan untuk sebutan semula kes berkenaan.
- *Bernama*



Rosli Hasan (tengah) ketika tiba di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh pada Khamis atas pertuduhan menerima suapan berjumlah RM408,736.

**SINAR HARIAN**
**14/04/2023**
**(JUMAAT)**

# Pegawai kanan Menteri Sumber Manusia ditahan SPRM

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan seorang pegawai kanan menteri ditahan dalam satu serbuan di kementerian itu pada pagi ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya telah menahan pegawai kanan kepada Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar dipercayai berhubung isu pengambilan pekerja asing.

Beliau berkata, seorang lagi individu lain turut ditahan bagi membantu siasatan berhubung dakwaan rasuah melibatkan agensi pengambilan pekerja asing.

"Penahanan yang dibuat itu adalah berkaitan dengan dakwaan bahawa mereka yang terlibat telah menubuhkan agensi pengambilan pekerja asing untuk mendapatkan kelulusan daripada kementerian walaupun terdapat konflik kepentingan," katanya pada Khamis.

Azam berkata, ekoran dakwaan itu, sekumpulan pegawai SPRM telah bertindak menyerbu Kementerian Sumber Manusia pagi tadi.



V SIVAKUMAR

Jelas beliau, siasatan SPRM akan turut tertumpu kepada individu lain dalam kementerian tersebut dan agensi berkaitannya.

Sementara itu, V Sivakumar dalam satu kenyataan berkata, dia maklum berkenaan penahanan pegawai daripada pejabatnya.

Namun begitu katanya, memandangkan perkara itu masih dalam siasatan pihak SPRM, dia tidak dapat memberi sebarang komen berhubung isu tersebut.

"Saya dan Kementerian Sumber Manusia akan memberi kerjasama penuh kepada agensi siasatan sekiranya diperlukan.

"Justeru itu, saya berharap pihak media tidak membuat sebarang andaian atau spekulasi yang boleh menjejaskan mana-mana pihak sehingga siasatan agensi berkenaan selesai," katanya pada Khamis.

**SINAR HARIAN**
**14/04/2023**
**(JUMAAT)**

# 3 wanita disyaki seleweng RM9 juta dana syarikat pusat urut

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga wanita kerana disyaki menyeleweng wang RM9 juta milik sebuah syarikat pusat urut terkemuka.

Semua suspek berusia lingkungan 50-an terdiri daripada dua pengarah sebuah syarikat pembekal minyak urut, manakala seorang lagi ialah isteri bekas pengarah urusan syarikat pusat urut terbabit.

Menurut sumber, ketiga-ketiga suspek ditahan petang Rabu di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Menurutnya, suspek dikatakan menyeleweng wang tersebut menerusi pembelian minyak urut dengan harga tinggi berbanding harga pasaran menerusi syarikat pembekal yang merupakan proksi mereka.

"Pembelian tersebut melibatkan jumlah bernilai RM9 juta, akibat pembelian tersebut syarikat dikatakan mengalami kerugian anggaran RM1.8 juta," katanya.

SINAR HARIAN
14/04/2023
(JUMAAT)

# Tampung gaya hidup dengan rasuah

**Cenderung berbelanja melebihi kemampuan dan cita-cita tinggi dorong lakukan korupsi**

Oleh ROSHODIAH YAHYA
SHAH ALAM


NOR HALMEY

Kecenderungan berbelanja melebihi kemampuan dan bercita-cita tinggi membuatkan seseorang individu itu terpengaruh untuk menerima rasuah bagi menampung gaya hidup mereka.

Ketua Pasukan Rasuah Busters Perlis, Nor Halmey Hamdah berkata, masyarakat hari ini sedang mengalami satu proses perubahan untuk mendapatkan perkara yang terbaik walaupun mempunyai pendapatan rendah.

Katanya, mereka tidak mahu ketinggalan dalam persaingan apatah lagi mendapat desakan daripada orang sekeliling.

"Perkara sebeginilah yang mendorong segelintir individu untuk mengambil rasuah walaupun jumlah yang kecil. Perkara haram sudah tentu jadi halal.

"Orang sekarang tidak boleh hidup dengan hanya cukup makan dan minum tetapi mempunyai keinginan yang lebih daripada itu. Jadi, untuk mendapatkan sesuatu perkara di luar kemampuan, mereka akan mengambil jalan singkat dengan rasuah," katanya kepada Sinar Harian.

Tambah Nor Halmey, pendapatan rakyat masih di takuk lama sedangkan negara semakin maju dengan pelbagai pengeluaran teknologi canggih.

"Ini juga menjadi faktor kenapa golongan bergaji kecil menerima rasuah. Mereka merasakan tiada cara lain untuk hidup lebih senang dengan menggunakan jalan singkat.

"Selain itu, ada juga segelintir mereka sudah terbiasa melakukan rasuah tanpa rasa bersalah. Sikap ini akan merosakkan negara pada masa akan datang," jelasnya.

Beliau sebelum itu mengulas mengenai laporan seorang bekas ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Rabu atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada sebuah pertubuhan kebajikan sosial sebanyak RM500 berhubung kelulusan bantuan kewangan bagi pembelian buku kelas agama dan moral, tiga tahun lalu.


Kecenderungan berbelanja melebihi kemampuan membuatkan seseorang mudah terpengaruh untuk terima rasuah. - Gambar hiasan

**SINAR HARIAN**
**15/04/2023**
**(SABTU)**

## Lindungi pemberi maklumat kes rasuah daripada tindakan undang-undang



WAN AZLIANA

**SHAH ALAM** - Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 perlu ditambah baik agar benar-benar melindungi pemberi maklumat yang sahih daripada dikenakan tindakan sivil atau jenayah.

Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Warna Malaysia (Aswa), Wan Azliana Wan Adnan berkata, dengan penambahbaikan berkenaan, tindakan terhadap laporan rasuah dan salah laku boleh dilakukan dengan berkesan.

"Antara pindaan yang boleh dilakukan melalui akta ini adalah berkenaan perlindungan maklumat sulit, kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah yang cuba dikenakan terhadap pemberi maklumat dan perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.

"Sudah beberapa tahun dibincangkan mengenai pindaan ini tetapi hingga kini tiada lagi tindakan dibuat oleh kerajaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, tidak mustahil untuk menghapuskan salah guna kuasa dan rasuah sekiranya kerajaan serius dalam melakukan pindaan terhadap undang-undang bagi melindungi pemberi maklumat.

"Jika kerajaan Madani serius membanteras rasuah, akta ini perlu segera dibahas secepat mungkin.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu segera lakukan pindaan memandangkan beliau menerajui kerajaan maka ia seharusnya menjadi keutamaan," tegasnya.

Sebelum itu pada 5 April lalu, Majlis Perbandaran Klang (MPK) menafikan wujud unsur salah guna kuasa atau rasuah dalam menjalankan penguatkuasaan di kawasan pentadbirannya.

MPK menegaskan tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak mengeluarkan sebarang kenyataan berbaur fitnah yang boleh menjejaskan imej dan nama baik pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Ia berhubung penularan artikel di media sosial menerusi blog 'The Corporate Secret' yang menyiarkan penulisan bertajuk 'Ooshin Rubber, Anak Syarikat Kossan bayar rasuah elak tindakan Majlis Perbandaran Klang?'

## Bekas penyelia Rela didenda RM5,000 buat tuntutan elaun palsu



Tertuduh (tengah) didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban pada Jumaat atas pertuduhan mengemukakan tuntutan elaun palsu.

**SEREMBAN** - Mahkamah Sesyen di sini menjatuhkan hukuman denda RM5,000 terhadap seorang bekas penyelia Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) atas pertuduhan mengemukakan tuntutan elaun palsu sebanyak RM2,088 empat tahun lalu.

Hakim Rushan Lutfi Mohamed membuat keputusan itu selepas tertuduh, Hasnan Yusof, 68, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah.

Hakim turut memerintahkan tertuduh dipenjara lima bulan jika gagal menjelaskan denda berkenaan selain wang yang dituntut dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

Mengikut pertuduhan, Hasnan dengan niat curangnya telah menggunakan satu dokumen sebagai tulen iaitu Borang Tuntutan Elaun Penugasan Keselamatan Rela Jabatan Kastam yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen borang tuntutan tersebut adalah palsu.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh pada Januari hingga Mac 2019 di Pejabat Rela Negeri Sembilan.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan, Mohammad Amrif Firdaus Mohammad Ali manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan fakta kes, pada Januari hingga Mac 2019, tertuduh sendiri telah menyediakan dan mengemukakan satu Tuntutan Elaun Penugasan Keselamatan Rela Jabatan Kastam atas nama individu lain yang dipercayai mempunyai butiran palsu ke Pejabat Rela Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Tuntutan yang dihantar dan diluluskan adalah berjumlah RM2,088, bagaimanapun hasil siasatan mendapati individu berkenaan tidak bertugas sebagai penugasan keselamatan Rela pada masa tuntutan itu dibuat oleh tertuduh.

SINAR HARIAN
15/04/2023
(SABTU)

## Serah kepada SPRM untuk siasat - Anwar

# Tiada arahan bercuti ke atas Sivakumar

Kerajaan sedang memantau perkembangan kes tersebut



SIVAKUMAR

## Sivakumar nafi kediaman digeledah SPRM

# SINAR HARIAN
# 16/04/2023
# (AHAD)



# PM perlu arah Sivakumar bercuti sehingga siasatan kes rasuah membabitkan kementeriannya selesai

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu mengarahkan Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar bercuti sementara waktu daripada tugasnya selaku Menteri Sumber Manusia selepas kementeriannya terpalit dengan skandal rasuah bernilai RM97 juta.

Timbalan Ketua (Strategi), Ibu Pejabat Asia, Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Mampan PBB (SDSN-Asia) di Universiti Sunway, Profesor Wong Chin Huat berkata, Sivakumar wajar direhatkan sementara waktu sehingga siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selesai sepenuhnya.

Bagaimanapun, Chin Huat menegaskan ketetapan itu bukan hanya membabitkan Sivakumar sahaja, malah perlu merangkumi semua anggota kabinet.

Ini termasuk Timbalan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang kini dibicarakan atas 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana milik Yayasan Akalbudi (YAB).

"Sivakumar seharusnya mengambil cuti sehingga penyiasatan - atau perbicaraan kalau berlaku - selesai. Akan tetapi, ini tidak hanya jadi peraturan untuk seorang menteri saja, malah termasuk Ahmad Zahid Hamidi yang kini menghadapi 47 pertuduhan pecah amanah, rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana milik YAB.

"Sekiranya Anwar ingin hantar pesanan jelas bahawa rasuah tidak di toleransi dan tiada sebarang campur tangan, maka semua menteri yang ada kes rasuah harus ambil cuti tanpa sebarang pengecualian," katanya kepada *Sinar Premium* pada Isnin.

Sivakumar sebelum ini turut dipanggil memberikan keterangan lebih lapan jam oleh SPRM bagi membantu siasatan kes berkenaan manakala kediaman dan pejabatnya juga dikatakan diserbu pihak berkuasa, beberapa hari lalu.

CHIN HUAT

MAZLAN

Penganalisis politik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali pula berkata, penahanan dua pegawai Kementerian Sumber Manusia dan siasatan terhadap Sivakumar membuktikan kerajaan campuran pimpinan Anwar tidak mengamalkan pendakwaan terpilih seperti didakwa pembangkang sebelum ini.

Malah, Mazlan berkata, setakat ini SPRM belum mengeluarkan sebarang kenyataan sama ada Sivakumar akan ditahan reman atau dihadapkan ke mahkamah tidak seperti kes-kes sebelum ini.

"Bagaimanapun, ini membuktikan kerajaan pimpinan Anwar tidak mengamalkan sistem pendakwaan terpilih kerana seorang menteri turut disiasat susulan terdapat bukti terdapat berlaku kes rasuah dalam agensi terbabit.

"Malah, kerajaan campuran Anwar tidak pernah menghalang siasatan kes rasuah membabitkan Kementerian Sumber Manusia dan dua pegawai Sivakumar terbabit," jelas beliau.

**SINAR HARIAN**

**16/04/2023**

**(AHAD)**

# Perkasakan unit integriti agensi kerajaan

## ASWA tidak setuju jika staf SPRM ditempatkan di agensi terlibat

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Kerajaan digesa memperkasakan unit integriti di setiap agensi bagi mengelakkan salah guna kuasa.

Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia (ASWA), Wan Azliana Wan Adnan berkata, cadangan menempatkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah satu tindakan yang akan mengganggu tugas hakiki badan penguat kuasa itu.

"Setiap agensi dan jabatan kerajaan perlu melaksanakan program anti rasuah agar dapat meningkatkan kesedaran setiap anggota mereka.

"Kebanyakan agensi sudah mempunyai unit integriti sendiri dan tiada keperluan untuk tempatkan pegawai SPRM," katanya.

Pada 24 Mac lalu, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara) Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki memaklumkan, Mara berhasrat untuk menempatkan pegawai SPRM di agensi itu dalam memastikan urus tadbirnya berada di tahap terbaik.

Mengulas lanjut, Wan Azliana berkata, tindakan tersebut tidak wajar dilakukan kerana tugas pegawai SPRM sudah diperuntukkan di bawah Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Justeru, menurut beliau, sudah menjadi tanggungjawab setiap agensi kerajaan memastikan tadbir urus mereka telus daripada rasuah.



WAN AZLIANA

"Kesedaran penguatkuasaan setiap agensi itu penting bagi memastikan mereka menjalankan amanah dengan baik agar rakyat dapat menilai prestasi kerja setiap agensi kerajaan.

"Unit integriti setiap agensi sepatutnya diperkasakan dan ditambah baik sekiranya kerajaan serius mahu membendung masalah ini dan bukan sekadar retorik sahaja.

"Lantikan politik bukan bermakna rasuah, tetapi ia boleh menjadi salah guna kuasa sehingga menjejaskan reputasi Kerajaan Perpaduan yang sebelum ini lantang berkempen untuk menghapuskan rasuah," tegas beliau.

SINAR HARIAN
16/04/2023
(AHAD)

# Bekas pegawai kanan PPK Sepang dituduh lagi terima suapan

KUALA LUMPUR - Bekas Timbalan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sepang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin, atas pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4,800 berkaitan Program Dana Jaminan Makanan Tahun 2021.

Mohd Asyraf Mohd Fauzi, 36, didakwa sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi Gred E29 di PPK Sepang ketika itu, telah memperoleh suapan iaitu wang tunai RM4,800 daripada seorang lelaki berumur 39 tahun melalui akaun CIMB miliknya.

Ia sebagai dorongan bagi dirinya membantu Syarikat Giching Maju Enterprise mendapatkan kerja-kerja pembersihan dan pembekalan anak benih tebu telur berhubung Program Dana Jaminan Makanan Tahun 2021: Projek Pertanian Organik Tebu Telur daripada PPK Sepang.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank Sentul Raya di sini, pada 10 Nov 2021 hingga 31 Disember 2021, mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Irna Julieza Maaras mencadangkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM Selangor sehingga kes selesai.

Peguam Saleh Ahmad yang mewakili Mohd Asyraf memohon jumlah jaminan dikurangkan kerana anak guamnya yang kini bertugas sebagai Pengurus Besar PPK Gombak, perlu menyara isteri dan empat anak.

"Anak guam saya telah membayar jaminan RM8,000 bagi dua pertuduhan yang dihadapinya di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan beliau tidak mampu membayar wang jaminan RM20,000 yang dicadangkan itu," kata Saleh.

Hakim Suzana Hussin membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000.

Irna Julieza kemudian memohon kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicarakan bersama dua lagi pertuduhan yang dihadapi tertuduh.

"Mahkamah juga membenarkan kes dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicara bersama dua lagi kes yang dihadapi oleh tertuduh," katanya.

Pada 11 April lepas, Mohd Asyraf mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas dua pertuduhan meminta suapan wang berjumlah RM5,000 membabitkan program yang sama. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**16/04/2023**
**(AHAD)**

# Penjawat awam hadapi 6 pertuduhan terima rasuah

**Johor Bahru:** Seorang penjawat awam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas enam pertuduhan menggunakan jawatannya sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 untuk mendapatkan suapan berjumlah RM13,480.30, tiga tahun lalu.

Nurul Syahirah Omar, 31, mengaku tidak bersalah selepas keenam-enam pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Berdasarkan semua pertuduhan, wanita yang bertugas di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Mersing itu didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan dalam mengemukakan sebut harga Amir Barakah Enterprise berjumlah RM13,480.30 melalui dokumen Borang Kajian Pasaran yang mana tertuduh mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

Sebut harga tersebut adalah untuk melaksanakan pembekalan bagi alat ganti kenderaan, kelengkapan pejabat, pembaikan kenderaan jabatan, kelengkapan penyiaran dan pertukangan, kelengkapan elektrik dan elektronik serta pelaksanaan kerja penyelenggaraan kenderaan penumpang.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat JPS Mersing dekat Mersing, antara Ogos 2020 hingga November 2020.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

Pegawai Pendakwa SPRM, Nik Lokman Hakim Nik Mohd Nor, memaklumkan kesalahan di bawah Seksyen 23(1) akta berkenaan tidak boleh dijamin, namun mencadangkan jumlah jaminan RM30,000 sekiranya mahkamah ingin menggunakan budi bicara membenarkan tertuduh diikat jamin.

Peguam Muhammad Fakerudin Abd Rafik yang mewakili tertuduh memohon dan meminta mahkamah membenarkan anak guamnya diikat jamin dengan jumlah lebih rendah.

"Tertuduh mempunyai seorang anak lelaki berusia lima tahun dan turut menanggung ibu bapanya. Sebaik pertuduhan ini dihadapkan kepadanya, tertuduh digantung kerja.

"Tertuduh juga sedang menyambung pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang memerlukan perbelanjaan purata lebih RM15,500," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin warga tempatan berserta syarat tambahan pasport antarabangsa diserahkan ke mahkamah dan perlu melapor diri sebulan sekali di Pejabat SPRM Johor Bahru.



Nurul Syahirah Omar

**BERITA HARIAN**
**17/04/2023**
**(ISNIN)**

# SPRM panggil Sivakumar

## Menteri Sumber Manusia beri keterangan kes rasuah ambil pekerja asing

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mengambil keterangan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berhubung siasatan kes rasuah mengenai pengambilan pekerja asing.

Sumber memaklumkan, Ahli Parlimen Batu Gajah itu hadir memberi keterangan pada jam 10 pagi semalam.

Bagaimanapun, sumber sama enggan memaklumkan lokasi di mana Sivakumar hadir untuk diambil keterangan.

"Beliau hadir untuk memberi keterangan," katanya kepada BH.

Usaha mendapatkan penjelasan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, belum berhasil.

Jumaat lalu, SPRM menahan Setiausaha Sulit kepada Sivakumar bagi membantu siasatan kes pengambilan pekerja asing.

Penahanan itu dibuat selepas seorang pegawai tugas-tugas khas kepada menteri berkenaan direman Khamis lalu.



V Sivakumar

Media sebelum ini melaporkan, Sivakumar dan kementeriannya akan memberi kerjasama penuh kepada SPRM berhubung penahanan seorang pegawai di pejabat menteri itu bersabit isu membawa masuk pekerja asing.

**BERITA HARIAN**
**17/04/2023**
**(ISNIN)**

**PEROLEH SUAPAN RM13K**

# Kerani JPS Mersing nafi 6 pertuduhan

**Johor Bahru:** Seorang Pembantu Tadbir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Mersing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas enam pertuduhan menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan RM13,480.20, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Nurul Syahirah Omar, 31, membuat pengakuan itu selepas keenam-enam pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan semua pertuduhan, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 itu didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan satu suapan dalam mengemukakan sebut harga Amir Barakah Enterprise yang keseluruhannya berjumlah RM13,480.20 melalui dokumen Borang Kajian Pasaran yang mana dia mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

Sebut harga terbabit untuk melaksanakan pembekalan alat ganti kenderaan, kelengkapan pejabat, pembaikan kenderaan jabatan, kelengkapan penyiaran dan perhubungan, kelengkapan elektrik dan elektronik serta pelaksanaan kerja penyelenggaraan kenderaan penumpang.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat JPS Daerah Mersing dekat Mersing, antara Ogos 2020 hingga November 2020.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Nik Lokman Hakim Nik Mohd Nor memaklumkan kepada mahkamah kesalahan di bawah Seksyen 23(1) akta berkenaan tidak boleh dijamin namun mencadangkan jumlah jaminan RM30,000 jika mahkamah ingin menggunakan budi bicara membenarkan tertuduh diikat jamin.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin warga tempatan berserta syarat tambahan pasport antarabangsa diserah ke mahkamah dan perlu melapor diri sebulan sekali di Pejabat SPRM Johor Bahru.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 16 Mei depan.



NURUL Syahirah dibenar diikat jamin RM7,000.

HARIAN METRO
17/04/2023
(ISNIN)

# Didakwa terima suapan

Kuala Lumpur: Bekas Timbalan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sepang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4,800 berkaitan Program Dana Jaminan Makanan Tahun 2021.

Mohd Asyraf Mohd Fauzi, 36, didakwa sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi Gred E29 di PPK Sepang ketika itu memperoleh suapan iaitu wang tunai RM4,800 daripada seorang lelaki berusia 39 tahun melalui akaun bank miliknya.

Ia sebagai dorongan bagi dirinya membantu syarikat Gichong Maju Enterprise mendapatkan kerja-kerja pembersihan dan pembekalan anak benih serta telur berkaitan Program Dana Jaminan Makanan Tahun 2021: Projek Pemeliharaan Organik Telur daripada PPK Sepang.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank Sentul Raya, di sini, pada 11 November 2021 hingga 31 Disember 2021, mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bekas Timbalan Pengurus Besar PPK mengaku tidak bersalah

Timbalan Pendakwa Raya Irna Julieza Maznan mencadangkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM Selangor sebulan sekali hingga kes selesai.



MOHD Asyraf (dua dari kiri) diiringi anggota SPRM menghadapi pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

Peguam Saleh Ahmad yang mewakili Mohd Asyraf memohon jumlah jaminan dikurangkan kerana anak guamnya yang masih bertugas sebagai Pengurus Besar PPK Gombak, perlu menyara isteri dan empat anak.

"Anak guam saya telah membayar jaminan RM8,000 bagi dua pertuduhan yang dihadapinya di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Jadi beliau tidak mampu membayar wang jaminan RM20,000 yang dicadangkan itu," kata Saleh yang memaklumkan anak guamnya tidak mempunyai pasport.

HARIAN METRO
18/04/2023
(SELASA)



# MEI 2023

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB



WAN SHAHARUDDIN WAN LADIN

# Dakwaan kes rasuah 'hidup' jika siasatan bagus

# UTUSAN MALAYSIA 06/05/2023 (SABTU)



## Minta upah RM5j lobi kerja RM24j

# HARIAN METRO 09/05/2023 (SELASA)



# Kontrak Azam Baki dilanjut setahun

Agong perkenan Azam Baki dilantik semula sebagai KP SPRM

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

LAPORAN MUKA DEPAN

PROFIL

TAN SRI AZAM BAKI

SINAR HARIAN
11/05/2023
(KHAMIS)

# PKPIM minta SPRM terus gempur rasuah dalam kementerian



AHMAD FARHAN

**SHAH ALAM** - Usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang kini aktif membongkar, menyiasat dan mengambil tindakan kegiatan rasuah dalam setiap kementerian diyakini mampu mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan suruhanjaya itu.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Ahmad Farhan Rosli berkata, pihaknya menyokong penuh komitmen SPRM selaku badan bebas dalam menyiasat isu-isu berkaitan rasuah di negara ini.

Menurutnya, usaha tersebut perlu berterusan dan tidak bersifat politik semata-mata.

"Tidak kira melibatkan kerajaan dahulu atau sekarang, kita harap siasatan SPRM tidak bersifat politik ataupun hanya penyiasatan terpilih.

"Sekiranya ada dalam kalangan penjawat awam atau pimpinan utama negara yang melakukan jenayah rasuah walaupun ketika mereka bergelar menteri atau memegang jawatan dalam badan awam, SPRM perlu ambil serius," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu media melaporkan seorang pengarah syarikat bergelar Datuk Seri didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM15 juta bagi mendapatkan projek agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 2021, yang turut dikaitkan dengan bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Mengulas mengenai pelantikan semula Tan Sri Azam Baki sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, beliau menyifatkan ia sebagai satu kepercayaan besar diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meskipun Azam pernah terpalit dengan kontroversi sebelum ini.

Justeru katanya, siasatan dalaman SPRM juga perlu dibuat bagi memastikan tidak berlaku salah guna kuasa melibatkan pegawai SPRM sendiri.

"Kerajaan perlu memastikan proses semak dan imbang dalam SPRM ini berlaku, dan saya letakkan keyakinan di bawah kepimpinan Perdana Menteri bagi memastikan isu rasuah dalam negara ditangani," katanya.

## SINAR HARIAN
## 11/05/2023
## (KHAMIS)

# Dua bekas pegawai kanan syarikat getah direman

**PUTRAJAYA** - Dua bekas ketua bahagian sebuah syarikat industri getah swasta direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah berjumlah lebih RM100,000.

Menurut sumber, kedua-duanya dipercayai menerima suapan daripada kontraktor bagi mendapatkan projek pembelian mesin dan pembekalan barang.

Kata sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia 45 dan 80-an itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM di sini kira-kira jam 9 malam Selasa selepas hadir memberi keterangan.

Sumber berkata, masing-masing dipercayai meminta rasuah berjumlah RM50,000 dan RM63,000 bagi tujuan mendapatkan projek pembelian mesin pemotong serta barangan perindustrian getah.

"Kedua-dua suspek meminta wang suapan tersebut bagi tujuan kontraktor mendapatkan projek pembelian mesin pemotong serta barangan perindustrian getah antara tahun 2019 hingga 2020," kata sumber pada Rabu.

Sementara itu, Majistret Mohd Dinie Shazwan Shukor mengeluarkan perintah reman terhadap suspek berusia 80-an selama tiga hari bermula Rabu sehingga 12 Mei, manakala suspek berusia 45 tahun direman selama empat hari sehingga Sabtu ini.

Keputusan reman itu dibuat selepas pihak SPRM membuat permohonan tersebut di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.



**Dua suspek daripada syarikat industri getah direman di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu.**

**SINAR HARIAN**
**11/05/2023**
**(KHAMIS)**

# Rasuah RM15 juta terkait Hamzah

Pengarah syarikat didakwa minta, terima rasuah projek KDN





**SINAR HARIAN**

**11/05/2023**

**(KHAMIS)**



# Bekas CEO MARii berdepan 9 pertuduhan lagi

SHAH ALAM –

MOHAMAD MADANI

SINAR HARIAN

11/05/2023

(KHAMIS)



BICARA KES RASUAH PROJEK TEROWONG

# Laporan forensik WhatsApp

*Perbualan 2 ahli perniagaan berhubung pemberian 'Coklat RM2j' kepada bekas KM Pulau Pinang*

Bernama

**Perbicaraan bersambung 18 Julai ini.**

HARIAN METRO
11/05/2023
(KHAMIS)

# Projek agensi KDN: Pengarah syarikat didakwa minta, terima rasuah RM15j

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM15 juta bagi mendapatkan projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), kira-kira dua tahun lalu.

Tertuduh, Datuk Seri Sim Choo Thiam, 54, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Bagi pertuduhan pertama, Choo Thiam didakwa meminta suapan wang berjumlah RM15 juta daripada Pengarah Urusan Asia Coding Centre Sdn Bhd, Hep Kim Hong melalui Syed Abu Zafran Syed Ahmad pada Jun 2021.

Ia sebagai dorongan untuk seorang pegawai badan awam iaitu Datuk Seri Hamzah Zainudin yang juga Menteri Dalam Negeri (ketika itu) untuk membantu syarikat terhabit mendapatkan apa-apa projek milik agensi di bawah KDN.

Bagi tiga lagi pertuduhan, beliau didakwa menerima rasuah masing-masing berjumlah RM3.5 juta, RM5.5 juta dan RM6 juta daripada Kim Hong sebagai dorongan untuk Hamzah membantu mendapatkan projek milik agensi di bawah KDN antara 19 hingga 30 Julai 2021.

Kesemua empat pertuduhan berkenaan didakwa dilakukan di Solaris Dutamas, Jalan Dutamas 1, di sini.

Choo Tiam didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, beliau boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, manakala tertuduh diwakili peguam Law Wei Loke, Hannah Kam dan Kei Wei Lon.

Pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM1 juta berserta syarat tambahan jika mahkamah membenarkan jaminan berikutan kesalahan itu tidak boleh dijamin.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM1 juta dengan seorang penjamin tempatan serta perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di Pejabat SPRM Kuala Lumpur sekali setiap bulan.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 14 Jun depan.



CHOO Thiam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

**HARIAN METRO**
**11/05/2023**
**(KHAMIS)**



lokal

KES PENGUBAHAN WANG HARAM RM4 JUTA

# Bekas CEO MARii nafi 9 pertuduhan

HARIAN METRO
11/05/2023
(KHAMIS)



ELMIN (kiri) dan Rosmaini dituduh bersubahat dan menerima rasuah untuk menyeludup keluar Pati melalui lapangan terbang.

# Dua pegawai imigresen nafi rasuah seludup keluar Pati

Tawau: Dua pegawai imigresen yang ditahan pada 'Op Lancar' mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini, semalam atas pertuduhan bersubahat dan menerima rasuah untuk menyeludup keluar pendatang asing tanpa izin (Pati) melalui lapangan terbang.

Kedua-dua tertuduh, Rosmaini Sapar, 40, dan Elmin Salleh, 30, pegawai Imigresen Gred KP19 dan masing-masing bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Tawau serta Kaunter Lapangan Terbang Tawau (LTT), membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Jason Juga.

Tertuduh pertama, Rosmaini didakwa atas pertuduhan menerima wang berjumlah RM4,500 daripada Rahmah Mohin, 48.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Bank Muamalat Cawangan Tawau di Lot 69 & 70, Ground & 1st Floor, No G4 & G6, Kubota Square, pada 22 Mac lalu.

Suapan itu sebagai dorongan melepaskan sembilan orang Pati menggunakan kad pengenalan orang lain melepasi kaunter pemeriksaan Imigresen 1, Lapangan Terbang Tawau untuk menaiki penerbangan Myairline ke KLIA2 antara jam 8 pagi hingga 9 pagi, pada 23 Mac lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Tertuduh kedua, Elmin pula didakwa mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 16(a)(B) akta sama atas kesalahan bersubahat dengan Rosmaini secara rasuah menerima wang RM4,500.

Ia sebagai dorongan untuk melepaskan sembilan Pati menggunakan kad pengenalan orang lain melepasi kaunter pemeriksaan Imigresen 1, Lapangan Terbang Tawau.

HARIAN METRO
11/05/2023
(KHAMIS)

# Dua bekas ketua pengarah direman atas kes rasuah RM100k

**Putrajaya:** Dua bekas ketua pengarah sebuah syarikat swasta berkaitan industri getah direman bagi membantu siasatan selepas disyaki menerima rasuah lebih RM100,000 daripada kontraktor bagi mendapatkan projek pembelian mesin dan pembekalan barang.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Mohd Dinie Shazwan Shukor terhadap seorang daripadanya yang berusia 80-an selama tiga hari sehingga Jumaat.

Seorang lagi individu yang berusia 45 tahun direman sehingga 13 Mei ini.

Perintah reman itu juga dikeluarkan selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan terbabit di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, semalam.

Terdahulu, kedua dua individu berkenaan ditahan di Ibu Pejabat SPRM di sini, kira-kira jam 9 malam kelmarin selepas hadir memberi keterangan.

> “Mereka disyaki minta suapan RM83,000 dan RM50,000 daripada kontraktor”
>
> Sumber

Menurut sumber, mereka itu masing-masing dipercayai meminta daripada kontraktor wang suapan berjumlah kira-kira RM83,000 dan RM50,000 dengan tujuan kontraktor mendapatkan projek pembelian mesin pemotong serta barangan perindustrian getah antara 2019 hingga 2020.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**
**11/05/2023**
**(KHAMIS)**



Nasional

# Dua kakitangan Imigresen tak mengaku rasuah

Tertuduh didakwa lepaskan 9 PATI di Lapangan Terbang Tawau

**BERITA HARIAN**

**11/05/2023**

**(KHAMIS)**

# Bekas CEO MARii didakwa lagi

**Shah Alam:** Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas sembilan pertuduhan terbabit dengan aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM4 juta pada 2021 dan 2022.

Datuk Mohamad Madani Sahari, 59, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Madani didakwa terbabit secara tidak langsung dalam transaksi yang membabitkan hasil daripada aktiviti haram melalui akaun milik peguamnya melalui surat arahan kepada peguam itu kepada akaun milik beberapa individu dan syarikat, berjumlah RM750,000.

Bagi enam pertuduhan, dia didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama.

Bagi tiga lagi pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(b), tertuduh didakwa membuat pembayaran yuran guaman kepada peguamnya berjumlah RM250,000 dan membeli saham berjumlah RM3 juta untuk Islamic Redeemable Preference Shares Class F.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan maksimum 15 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, mana yang lebih tinggi.


Mohamad Madani

Mohamad Madani dituduh melakukan semua kesalahan itu di sebuah cawangan Bank di Seksyen 15, Shah Alam dan sebuah syarikat di Subang Business Centre, Subang Jaya di antara 10 Julai 2021 hingga 21 Februari 2022.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asraf Mohamed Akhir memohon untuk menggunapakai wang jaminan RM300,000 daripada kes yang dihadapi sebelum ini di mahkamah berkenaan (Mahkamah Sesyen Shah Alam).

Pihak pendakwaan juga memohon supaya semua pertuduhan berkaitan pengubahan wang haram serta satu kes berkaitan rasuah dihadapinya sebelum ini di mahkamah sama dipindahkan untuk dibicarakan bersama kes rasuah yang sudah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Peguam Rahmat Hazlan tidak membantah dan mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dengan sebutan semula kes pada 9 Jun.

Media sebelum ini melaporkan Mohamad Madani mengaku tidak bersalah atas tuduhan rasuah membabitkan syarikat subsidiari kepada MARii.

BERITA HARIAN
11/05/2023
(KHAMIS)



## Perbualan 2 peniaga diserah kepada Guan Eng

# Datuk Seri dituduh minta, terima RM15j dapat projek

Tertuduh dibenar ikat jamin RM1 juta, sebutan semula kes 14 Jun depan

# 2 direman siasatan kes rasuah lebih RM100,000

**BERITA HARIAN**
**11/05/2023**
**(KHAMIS)**

Suruhanjaya itu nafi dakwaan Hamzah, proses siasatan ikut peruntukan undang-undang

# Siasatan SPRM berdasarkan bukti

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PUTRAJAYA





HAMZAH

## SINAR HARIAN
## 12/05/2023
## (JUMAAT)

# Rasuah Busters gesa Azam Baki lakukan reformasi

**SHAH ALAM** - Rasuah Busters menggesa Tan Sri Azam Baki untuk melakukan reformasi dengan berkolaborasi dan menerima pandangan serta kritikan membina daripada pemegang taruh, pakar dan masyarakat sivil demi merealisasikan hasrat sebuah #MalaysiaTanpaRasuah.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia #RasuahBusters, Nurhayati Nordin berkata, perkara itu perlu dilakukan oleh Azam susulan pelantikan semula beliau sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkuat kuasa Jumaat ini.

"Rasuah Busters mengalu-alukan iltizam pembanterasan rasuah di negara ini yang disuarakan oleh Azam susulan lantikan semula beliau. Pernyataan komitmen tersebut dilihat seiring dengan hasrat dan kerja keras oleh gabungan #RasuahBusters, masyarakat sivil dan pelbagai pihak yang mahukan amalan rasuah dan ketirisan di negara ini dapat dibendung sepenuhnya.

"Ini masanya untuk Azam bersama SPRM merealisasikan tekad tersebut dalam tempoh satu tahun ke hadapan agar reformasi institusi dan legislatif yang dikemukakan dalam tuntutan-tuntutan #RasuahBusters segera dilaksanakan secara menyeluruh," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Mengulas lanjut, Nurhayati berkata, kebebasan SPRM melalui reformasi yang dicadangkan adalah penting bagi memastikan badan ini tidak dipengaruhi campur tangan eksekutif dan berupaya menjalankan mandat pendakwaan dengan telus dan efisien.

"Rasuah Busters dan gabungannya akan sentiasa memastikan segala janji dan komitmen adalah sejajar dengan tindakan agar aspirasi untuk memulihkan imej negara yang bersih daripada rasuah tercapai," tegasnya.

**SINAR HARIAN**
**12/05/2023**
**(JUMAAT)**

# Azam Baki sedia jumpa Anthony

**SALAH LAKU TAK DIENDAH**

**PUTRAJAYA** - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki akan berjumpa dengan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke bagi memberi penjelasan laporan salah laku kakitangan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) yang tidak diendahkan.

"Kita sedia beri kerjasama selain menyediakan penjelasan terperinci berhubung isu ini," kata Azam yang akan membuat temu janji dalam masa terdekat.

Sebelum ini, Azam dilaporkan berkata, ada antara agensi kerajaan tidak mengendahkan laporan salah laku membabitkan kakitangan mereka walaupun SPRM telah mengesyorkan supaya tindakan diambil.

**SINAR HARIAN**
**12/05/2023**
**(JUMAAT)**



KES TUNTUTAN PALSU PERJALANAN KE LUAR NEGARA BERJUMLAH RM1.285 JUTA BABITKAN BEKAS MB PERLIS

# KES DIPINDAH KE MAHKAMAH SESYEN KL

# HARIAN METRO 13/05/2023 (SABTU)



# Bebas tuduhan pecah amanah RM220,000

HARIAN METRO
15/05/2023
(ISNIN)



## Pendakwaan rayu keputusan mahkamah

## 'Tuduhan dibuat bermotif politik'

# Muhyiddin bebas 4 tuduhan rasuah

*Mahkamah Tinggi mendapati kesemua tuduhan tidak berasas*

# HARIAN METRO
# 16/05/2023
# (SELASA)



# PDRM terima permohonan notis merah kesan menantu Muhyiddin

## KPN ulangi akan bekerjasama dengan SPRM untuk tindakan

Muhammad Adlan

**BERITA HARIAN**

**16/05/2023**

**(SELASA)**



Pembantu kanan PBT dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, semalam. FOTO BERNAMA

# Pembantu kanan PBT direman 5 hari kes salah guna kuasa

**Kuala Terengganu:** Pembantu kanan sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini direman lima hari bagi membantu siasatan kes penyalahgunaan kuasa dengan melibatkan pengeluaran dana kebajikan kesatuan untuk kegunaan peribadi hampir RM200,000.

Perintah reman bermula semalam sehingga Sabtu ini dikeluarkan Majistret Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Sukri di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu selepas mendapat permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, suspek lelaki berusia 50-an dibawa ke Mahkamah Majistret di sini, kira-kira 9.15 pagi dengan berpakaian baju lokap SPRM.

Media kelmarin melaporkan SPRM menahan lelaki terbabit yang juga bendahari kesatuan di PBT berkenaan kerana dipercayai melakukan perbuatan berkenaan bermula 2017 hingga 2020 membabitkan lebih 30 transaksi.

Suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu kira-kira 12.30 tengah hari.

**BERITA HARIAN**
**16/05/2023**
**(SELASA)**

Program PenjanaKerjaya

# 47 pengarah syarikat direman kes tuntutan palsu RM63 juta

## Ratusan lagi firma dikenal pasti terbabit seleweng dana



BERITA HARIAN
17/05/2023
(RABU)



# SPRM tahan 47 pengarah syarikat

Kemuka tuntutan palsu Program Pengambilan Pekerja, Latihan

PUTRAJAYA

"SPRM mengenal pasti ratusan syarikat lain yang telah membuat tuntutan palsu dan akan meneruskan operasi bagi menahan semua yang terlibat."

– Ahmad Khusairi Yahaya

SPRM telah mengenal pasti ratusan syarikat lain yang telah membuat tuntutan palsu.

**SINAR HARIAN**

**17/05/2023**

**(RABU)**

# 2 pemilik syarikat direman buat tuntutan palsu lebih RM400,000

**GEORGETOWN** - Dua pemilik syarikat direman tiga hari bermula Selasa sehingga Khamis bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu terhadap Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melebihi RM400,000.

Perintah reman tersebut dibuat ke atas kedua-dua suspek yang berusia 35 dan 62 tahun oleh Majistret Mohamad Azlan Basri di Mahkamah Majistret di sini pada jam 10 pagi Selasa.

Kedua-dua suspek ditahan dalam Op Hire 2.0 yang dijalankan di seluruh negara sejak Isnin.

Mereka yang diwakili barisan peguam dari Partibhan & Co dan Anba & Associates kini direman di lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang.

SPRM akan melaksana perintah reman 47 pengarah syarikat yang ditangkap dalam Op Hire 2.0 berkaitan program insentif pengambilan pekerja dan program latihan (Penjana) di seluruh negara pada Isnin.

Kesemua ditahan berusia antara 30 hingga 70 tahun juga pengarah syarikat yang mengemukakan tuntutan, kononnya mengendalikan program pengambilan dan latihan pekerja kepada pihak Perkeso.

Difahamkan, jumlah tuntutan yang terbabit setakat ini adalah antara RM450,000 hingga RM2 juta.



Salah seorang daripada dua pemilik syarikat direman tiga hari untuk membantu siasatan kes tuntutan palsu bernilai lebih RM400,000.

**SINAR HARIAN**
**17/05/2023**
**(RABU)**

# Tiga individu direman disyaki terlibat kes tuntutan palsu Penjana 2.0




Tiga individu termasuk seorang wanita direman empat hari bermula Selasa hingga Jumaat bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu terhadap Perkeso.

**KUALA TERENGGANU** - Tiga individu termasuk seorang wanita direman empat hari bermula Selasa hingga Jumaat bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu terhadap Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Dokumen tuntutan itu melibatkan jumlah lebih RM256,296 yang dikemukakan kepada Perkeso di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (Penjana 2.0).

Perintah reman dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Norina Matudin setelah mendapat permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Dua suspek yang ditahan berjawatan pengurus, masing-masing seorang lelaki berusia 33 tahun dan wanita berusia 37 tahun, yang menjalankan perkhidmatan sumber kemahiran, manakala seorang lagi suspek adalah pemilik syarikat komputer berusia 29 tahun (lelaki).

Sumber dilaporkan berkata, kesemua suspek ditahan kira-kira jam 3 petang Isnin di Kompleks SPRM Terengganu, ketika diminta hadir untuk memberikan keterangan.

"Syarikat yang menjalankan perkhidmatan sumber kemahiran itu dipercayai telah mengemukakan tuntutan palsu kira-kira lebih RM170,000 pada tahun 2020 hingga 2021.

"Syarikat komputer itu pula mengemukakan tuntutan palsu berjumlah lebih RM85,000 pada tahun 2021 hingga 2022," kata sumber itu lagi. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**17/05/2023**
**(RABU)**



Kes tuntutan palsu dana PenjanaKerjaya

# SPRM jejak aset dibeli guna dana diseleweng

Usaha terbaharu dalam Ops Hire 2.0 babitkan penguatkuasaan meliputi seluruh negara

Eksklusif

"Kebanyakan individu yang ditahan sudah menerima dan menggunakan dana berkenaan, ada kemungkinan beli aset atau harta bernilai tinggi. Jadi, SPRM sedang buat kiraan ke mana dana hasil tuntutan palsu itu digunakan"

## BERITA HARIAN 19/05/2023 (JUMAAT)



# Empat lagi kena tahan

**BERITA HARIAN**
**19/05/2023**
**(JUMAAT)**

# SPRM siasat bekas menteri kanan, ahli perniagaan bergelar Tan Sri

LAPORAN MUKA DEPAN



## SINAR HARIAN
## 20/05/2023
## (SABTU)

# MOT ambil tindakan segera laporan SPRM

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pengangkutan (MOT) kini dalam proses mengambil tindakan segera terhadap laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai salah laku melibatkan kakitangan sebuah agensi di bawah kementerian itu, kata Menterinya, Anthony Loke.

Anthony berkata, Ketua Pesuruhjaya (KP) SPRM, Tan Sri Azam Baki telah bertemu dengannya pada Selasa lepas untuk memberikan maklumat kes-kes tatatertib yang belum diselesaikan di peringkat kementerian.

Hasil pertemuan itu, beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Jana Santhiran Muniayan untuk memastikan setiap kes tatatertib diambil tindakan segera dan dilapor balik kepada SPRM.

Ditanya jumlah kes tatatertib yang belum selesai semasa sidang akbar di sini pada Jumaat, Anthony berkata, ia adalah isu dalaman dan terdapat juga sejumlah kes yang telahpun diselesaikan namun belum dilapor kepada SPRM.

"Yang penting kita ambil tindakan daripada apa sahaja saranan SPRM. Itu komitmen saya kepada KP SPRM bahawa MOT akan beri kerjasama sepenuhnya. Kes-kes belum diambil tindakan tatatertib akan disusuli dengan kadar segera," katanya. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**20/05/2023**
**(SABTU)**

# Perkeso sahkan pegawai ditahan SPRM

KUALA LUMPUR - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) mengesahkan penahanan seorang pegawai agensi itu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Ops Hire 2.0 pada Khamis.

Perkeso dalam satu kenyataan pada Jumaat memaklumkan penahanan itu bagi membantu siasatan berhubung insentif pengambilan pekerja bawah program Pelan Jana Semula Ekonomi (Penjana).

Menurut Perkeso, pegawai terbabit disyaki terlibat menerima suapan bagi meluluskan permohonan tuntutan Program Insentif Pengambilan Pekerja di bawah Penjana.

"Sehubungan itu, pihak kami menegaskan bahawa Perkeso tidak akan mencampuri urusan tersebut dan memberi kerjasama serta menyerahkan sepenuhnya kepada pihak SPRM untuk menjalankan penyiasatan ke atas pegawai berkenaan sehingga selesai," menurut kenyataan itu.

Terdahulu, media melaporkan SPRM telah menahan seorang pegawai perkhidmatan sebuah agensi selepas disyaki terbabit menerima wang habuan ribuan ringgit daripada seorang pemilik syarikat sebagai upah meluluskan permohonan tuntutan Program Insentif Pengambilan Pekerja di bawah program Penjana bernilai kira-kira RM1.3 juta. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**20/05/2023**
**(SABTU)**

# Dakwa sekolah seleweng duit PIBG

*Ami harap pihak sekolah pulangkan semula baki RM6,000*





# Sarjan mengaku terima rasuah RM1.5k depan IPD

**RM3k**

HARIAN METRO
30/05/2023
(SELASA)

Tuduhan pecah amanah Irwan Serigar

# 'Perbicaraan kes sudah tertangguh lima tahun'

## Mahkamah tetapkan 9 Ogos pengurusan kes maklum status representasi



**BERITA HARIAN**

**30/05/2023**

**(SELASA)**

# Pengurusan kes SRC kait dana RM27j 18 Ogos

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi menetapkan pada 18 Ogos ini bagi pengurusan kes tiga tuduhan pengubahan wang haram berkaitan dana RM27 juta milik SRC International Sdn Bhd yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak.

Kes itu sebelum ini ditangguhkan sementara menunggu permohonan semakan Najib dalam kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC diputuskan Mahkamah Persekutuan, berikutan kedua-dua kes saling berkaitan dan membabitkan jejak wang yang sama.

Hakim Muniandy Kannyappan yang menetapkan tarikh itu pada prosiding semalam, turut menetapkan tarikh sama untuk memutuskan tarikh perbicaraan kes.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Ashrof Adrin Kamarul memaklumkan semakan Najib dalam kes penyelwengan dana RM42 juta milik SRC International sudah diputuskan Mahkamah Persekutuan.

Pada 3 Februari 2019, Najib mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM27 juta, yang digunakan untuk aktiviti tidak mengikut undang-undang, dalam tiga akaun AmPrivate Banking milik beliau.

Ahli Parlimen Pekan itu dituduh melakukan kesalahan itu di AmIslamic Bank Berhad, Bangunan Ambank Group, Jalan Raja Chulan, pada 8 Julai 2014.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**
**30/05/2023**
**(SELASA)**

# Bicara tuduhan rasuah RM2.8j Bung Moktar, Zizie mula Julai

**Kuala Lumpur:** Perbicaraan kes Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isteri, Datin Seri Zizie Izette Abdul Samad, atas pertuduhan rasuah RM2.8 juta ditetapkan selama sembilan hari bermula Julai ini.

Tarikh itu ialah 10 hingga 11, serta 20, 21, 24 dan 25 Julai.

Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How, tarikh itu diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Rozina Ayob, ketika sebutan kes itu semalam.

"Tarikh bicara ditetapkan selepas keputusan Mahkamah Rayuan berhubung kes sama, pada 7 Julai ini," katanya.

Media melaporkan bahawa awal pihak pendakwaan terhadap rayuan Bung Moktar dan Zizie Izette berhubung keputusan yang memerintahkan mereka membela diri atas tiga pertuduhan rasuah akan didengar di Mahkamah Rayuan pada 7 Julai ini.

Pada 3 Mei 2019, Bung Moktar didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah sebanyak RM2.2 juta dan RM262,500 sebagai dorongan mendapatkan kelulusan FELCRA untuk membuat pelaburan RM150 juta dalam unit amanah Public Mutual.

Bung Moktar yang ketika itu Pengerusi Bukan Eksekutif FELCRA didakwa menerima rasuah daripada Madhi Abdul Hamid melalui Zizie Izette di Public Bank cawangan Taman Melawati, antara jam 12.30 tengah hari dan 3 petang, 12 Jun 2013.

Bung Moktar juga didakwa menerima suapan RM337,500 daripada Norhaili Ahmad Mokhtar di bawah nama Zizie Izette atas sebab sama dan di tempat serupa pada 19 Jun 2013.

Pendakwaan terhadap Bung Moktar dikemuka mengikut Subseksyen 17(a) Akta SPRM dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Zizie Izette pula mengaku tidak bersalah atas tiga tuduhan bersubahat dengan suaminya berhubung perkara itu.

**BERITA HARIAN**
**30/05/2023**
**(SELASA)**

# Kes rasuah dipindah ke Mahkamah Sesyen KL

**Kuala Lumpur:** Dua kes rasuah membabitkan program Jana Wibawa dihadapi Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad, di Mahkamah Sesyen Shah Alam dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di sini.

Kes terbabit akan didengar di hadapan Hakim, Azura Alwi dan Siti Aminah.

Azura membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Amirah Muhammad Ali, supaya pertuduhan menerima rasuah RM2 juta yang dihadapi Adam Radlan dipindahkan untuk dibicarakan bersama dengan satu lagi pertuduhan meminta rasuah RM2 juta.

BERITA HARIAN
30/05/2023
(SELASA)



# JUN 2023

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

# Datuk Seri mohon SPRM perinci tuduhan rasuah RM15 juta

**KUALA LUMPUR** - Pengarah syarikat bergelar Datuk Seri yang didakwa atas pertuduhan rasuah RM15 juta bagi mendapatkan projek milik agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) memohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperincikan butiran dalam pertuduhan itu.

Peguam Datuk Hisyam Teh Poh Teik mewakili Datuk Seri Sim Choo Thiam memaklumkan kepada Hakim Mahkamah Sesyen Rozina Ayob bahawa pihaknya telah menyerahkan surat mengenai perkara tersebut yang bertarikh 6 Jun kepada SPRM.

"Pihak kami masih belum menerima maklum balas mengenai surat tersebut," katanya.

Semasa ditanya Rozina mengenai surat itu, Timbalan Pendakwa Raya Abd Muntaqim Abdul Aziz berkata, pihaknya tidak dimaklumkan mengenai surat tersebut.

Rozina meminta pihak pendakwaan mendapatkan perkembangan terkini mengenai surat itu dan menetapkan 28 Jun ini untuk pengurusan kes.

Pada 10 Mei lepas, Choo Thiam, 53 didakwa meminta suapan wang berjumlah RM15 juta daripada Pengarah Urusan Asia Coding Centre Sdn Bhd, Hep Kim Hong melalui Syed Abu Zafran Syed Ahmad.

Ia sebagai dorongan untuk seorang pegawai badan awam, Datuk Seri Hamzah Zainudin yang ketika itu Menteri Dalam Negeri, membantu Asia Coding Centre untuk mendapatkan apa-apa projek milik agensi-agensi di bawah KDN.

Choo Thiam juga berdepan tiga lagi pertuduhan menerima bagi dirinya suatu suapan iaitu wang tunai RM15 juta daripada individu sama sebagai dorongan untuk Hamzah melakukan perkara serupa.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat Shaam Holdings dan di kawasan letak kereta di Solaris Dutamas, di sini antara Jun 2021 dan 30 Julai 2021. - Bernama

**SINAR HARIAN**
**15/06/2023**
**(KHAMIS)**

Kes pecah amanah wang zakat

# Bekas guru besar dipenjara 5 tahun, denda RM100,000

## Tertuduh guna RM75,000, untuk diri sendiri tak agih kepada murid asnaf



Mohamed Nor Azmi dibawa ke Mahkamah Sesyen, Shah Alam. [illegible]

**Shah Alam:** [illegible] guru besar dihukum penjara lima tahun dan denda RM100,000 [illegible] Mahkamah Sesyen di sini, [illegible] pecah amanah wang sumbangan zakat berjumlah RM75,000 pada empat tahun lalu.

Hakim [illegible] Salleh menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamed Nor Azmi [illegible], selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes itu.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara [illegible] bulan sekiranya gagal membayar denda.

Berdasarkan pertuduhan, Mohamed Nor Azmi yang ketika itu bertugas sebagai guru besar sebuah sekolah rendah di Sungai Buloh didakwa melakukan pecah amanah dengan menyalahgunakan wang sumbangan [illegible] Malaysia Building Society Berhad untuk murid asnaf bagi program Pemberian Sumbangan Hari Raya 2019.

Tertuduh didakwa menggunakan wang sumbangan dan menyalurkan [illegible] RM[illegible] dan RM[illegible] untuk kegunaan dirinya sendiri dan tidak mengagihkan kepada murid asnaf sekolah berkenaan.

[illegible]

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta denda.

Mohamed Nor Azmi didakwa melakukan perbuatan itu di [illegible] sebuah bank dekat [illegible], Sungai Buloh pada 17 dan 19 Jun 2019.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), [illegible] Khairuddin dan pegawai pendakwa Mohd Afif Shahrin [illegible], manakala tertuduh diwakili peguam Nur Asikin Mohamed Yusof.

Hakim turut menolak permohonan Nur Asikin untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman ke atas anak guamnya.

BERITA HARIAN
17/06/2023
(SABTU)

# Rasuah dalam industri perkapalan babit kes kecil

**Cyberjaya:** Kebanyakan kes rasuah dalam industri perkapalan yang dilaporkan kepada Rangkaian Anti-Rasuah Maritim babitkan kes rasuah kecil dan kakitangan pangkat rendah, kata Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Norazlan Mohd Razali.

"Walaupun begitu, ia bukan alasan untuk SPRM tidak melihat perkara itu dengan serius dan tidak memberi perhatian," katanya.

Beliau berkata, SPRM menerima maklumat dan aduan membabitkan kesalahan seperti menerima dan memberi rasuah, salah guna kuasa dan kes berkenaan sedang disiasat.



NORAZLAN

Menekankan keperluan meningkatkan tadbir urus dalam industri perkapalan, Norazlan berkata, persepsi berhubung rasuah dalam industri itu adalah penting kerana ia juga memberi kesan kepada ekonomi negara.

Beliau berkata, industri maritim yang merangkumi aktiviti pelabuhan, perkapalan dan pengangkutan marin menyumbang kira-kira 40 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia dan kira-kira 90 peratus eksport Malaysia adalah melalui jalan laut.

"Penting bagi semua pemain industri untuk menjaga bukan sahaja reputasi organisasi mereka sendiri, tetapi juga negara kita, serta mengelak daripada dianggap korup untuk kesejahteraan perniagaan mereka," katanya pada simposium bertajuk *Solidarity In the Maritime Industry: Fight Against Corruption* yang dianjurkan bersama MISC Bhd. - Bernama

**HARIAN METRO**
**17/06/2023**
**(SABTU)**



# SPRM teliti unsur rasuah isu kontrak gentian optik

Dakwaan Telekom minta rundingan terus dengan syarikat dikaitkan Tun M disiasat jika ada asas

"Sebarang maklumat dan aduan yang mempunyai unsur di bawah kesalahan rasuah, maka ada asas untuk disiasat, namun kita perlukan maklumat dahulu"

**BERITA HARIAN**
**18/06/2023**
**(AHAD)**



# Siasatan bebas ke atas bekas PM

Anwar jelaskan SPRM siasat Tun M secara berkecuali

MAHATHIR

MIRZAN

MOKHZANI

MUKHRIZ

ANWAR

LAPORAN MUKA DEPAN

**SINAR HARIAN**

**20/06/2023**

**(SELASA)**



# Pembantu tadbir mengaku terima wang tunai didenda

# HARIAN METRO

# 20/06/2023

# (SELASA)

# Eksekutif akaun tidak mengaku pecah amanah lebih RM680,000



Siau Ling (dua dari kiri) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka, Ayer Keroh pada Selasa.

MELAKA - Seorang eksekutif akaun wanita dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas enam pertuduhan melakukan pecah amanah berjumlah RM680,108.13, empat tahun lalu.

Tertuduh, Tan Siau Ling, 43, merupakan Eksekutif Akaun di Syarikat Hap Yeng Seng Sdn Bhd bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di dua mahkamah berasingan di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail dan Hakim Darmafikri Abu Adam.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga tiga di hadapan Dharmafikri, tertuduh didapati melakukan pecah amanah dengan memindahkan wang daripada akaun milik syarikat itu dalam tiga akaun bank peribadinya berjumlah keseluruhan RM293,240.

Manakala tiga lagi pertuduhan di hadapan Mohd Sabri, tertuduh turut mengaku tidak bersalah melakukan pecah amanah melibatkan jumlah RM386,868.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Syarikat Hap Yeng Seng Sdn Bhd, Plaza Mahkota Melaka di sini antara 24 Julai 2019 hingga 23 Oktober 2019.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin dengan nilai keseluruhan RM55,000 dan membenarkan syarat tambahan termasuk pasport diserahkan kepada mahkamah serta perlu melapor diri sekali setiap awal bulan di balai polis berdekatan sepanjang kes berlangsung.

Mahkamah turut menetapkan 18 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam.

**SINAR HARIAN**
**21/06/2023**
**(RABU)**



# Tak mengaku buat tuntutan insurans palsu RM4,899.19

# HARIAN METRO
# 21/06/2023
# (RABU)



# Denda RM50,000 buat tuntutan palsu

KUALA LUMPUR: Seorang pengarah syarikat pembekal tenaga kerja didenda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas tuduhan mengemukakan tuntutan palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), dua tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, S. Ratah, 54, yang merupakan pemilik syarikat Star Skill Sdn. Bhd. telah menggunakan dokumen palsu iaitu Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja bertarikh 3 dan 6 Mei 2021 untuk membuat tuntutan berjumlah RM31,200 bagi 12 individu yang bukan pekerja syarikat berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan sekitar Mei 2021 di Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak, Kampung Baru di sini.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama, yang memperuntukkan hukuman penjara boleh sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Ketika mengemukakan rayuan, peguam bela, Shamani Nadeson yang mewakili tertuduh memohon agar anak guamnya dikenakan hukuman yang rendah memandangkan Ratah mempunyai masalah kesihatan.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Mohamad Fadhly Mohd. Zamry bagaimanapun memohon agar mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM50,000 sebagai pengajaran.

"Jumlah denda RM50,000 adalah wajar diberikan kepada tertuduh kerana banyak kesalahan sedemikian berlaku dan telah didakwa di Mahkamah Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain," katanya.

**UTUSAN MALAYSIA**
**22/06/2023**
**(KHAMIS)**

# Ramai kakitangan ingkar Ikrar Bebas Rasuah

SPRM kecewa dan anggap program IBR bukan sekadar bersifat *one-off* kosmetik

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki mendedahkan ramai kakitangan agensi kerajaan serta swasta yang melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) namun masih melakukan rasuah.

Azam berkata, program IBR bukanlah sekadar memenuhi majlis atau bersifat one-off kosmetik tetapi sebaliknya perlu dihayati dan dipatuhi.

"Ramai oleh buat Ikrar Bebas Rasuah (IBR) tetapi langgar ikrar. Memang ada rekod kami, mereka dari agensi kerajaan atau swasta yang pernah melafazkan ikrar ini tetapi masih lagi berlaku rasuah di organisasi berkenaan," katanya pada Majlis Pelancaran Hari Integriti di sini, pada Selasa.

Azam berkata, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi mengatasi isu tersebut dari segi penguatkuasaan hinggalah tata kelola jabatan kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Pertama dari segi penguatkuasaan undang-undang yang tegas, kedua pelaporan daripada ketua-ketua jabatan dengan tidak melindungi kakitangan mereka melakukan rasuah dan ketiga, tata kelola atau pun governance dalam jabatan kerajaan atau GLC terutamanya perlu diperkemaskan.

"Saya tekankan perkara ini kerana terdapat beberapa kes yang mana janji-janji dalam IBR dimungkiri, walaupun sudah melafazkan IBR, individu terbabit ditangkap SPRM kerana melakukan rasuah," katanya.

Beliau berkata, perkara itu sesuatu yang memalukan.

"Ia seolah-olah IBR hanya 'wayang' untuk pertunjukan sahaja, janji untuk mencegah rasuah hanya di mulut, tidak sampai ke hati sanubari," katanya.

Azam juga mengingatkan bahawa integriti adalah satu elemen penting dalam pembinaan masyarakat yang boleh menyumbang kepada kejayaan sebuah negara.

"Tanpa integriti segala usaha ke arah memajukan negara akan memberikan hasil yang mengecewakan," tegasnya.

> "Saya tekankan perkara ini kerana terdapat beberapa kes yang mana janji-janji dalam IBR dimungkiri, walaupun sudah melafazkan IBR, individu terbabit ditangkap SPRM kerana melakukan rasuah."
>
> - Azam



**SINAR HARIAN**
**23/06/2023**
**(JUMAAT)**

# Lebih daripada seorang ahli politik disiasat kes judi dalam talian – SPRM

**KUALA LUMPUR** - Lebih daripada seorang ahli politik sedang disiasat oleh Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan dakwaan kegiatan judi haram dalam talian di negara ini dinaungi ahli politik.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan terhadap kes tersebut sedang dijalankan.

"Kita sedang siasat perkara ini. Laporan (ahli politik lindungi kegiatan judi haram) baru dibuat dalam bulan lepas, jadi kita masih lagi mengumpul maklumat.

"Kita tak boleh dedahkan siapa ahli politik berkenaan, tetapi saya boleh sahkan siasatan memang sedang dijalankan, kalau terbukti, ia adalah satu kesalahan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Integriti Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di sini, pada Selasa.

Azam turut mengesahkan ada beberapa ahli politik yang disyaki menaungi kegiatan judi haram.

"Saya tak boleh kata ramai atau tidak kerana nanti dimanipulasi banyak pihak," katanya.

Ditanya sama ada ahli politik tersebut daripada pembangkang atau kerajaan, Azam berkata: "Itu pun saya tak boleh nak kata. Ahli politik itu, ahli politiklah."

Sementara itu, Azam memberitahu, kertas siasatan kes rasuah pengambilan pekerja asing melibatkan pegawai kanan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar akan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat.

Menurut beliau, kes tersebut kini dalam peringkat akhir siasatan dan pihaknya akan mengemukakan kertas siasatan tersebut kepada Timbalan Pendakwa Raya apabila ia selesai.

"Kita tidak pernah melengah-lengahkan siasatan terhadap mana-mana pihak.

"Siasatan mereka di kementerian tersebut sedang dijalankan di peringkat akhir. Apabila selesai kita akan kemukakan ke Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat untuk tindakan lanjut.

"Ia bergantung kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk kaji, kadang-kadang ada perkara perlu diperkemas, ia akan dihantar semula kepada kami," katanya.

Pada Mei lalu, media melaporkan Sivakumar telah mengesahkan bahawa lima orang pegawainya yang disiasat sudah ditamatkan kontrak.

**HARIAN METRO**
**26/06/2023**
**(ISNIN)**



BEKAS PENGERUSI FELDA DIMASUKKAN KE HOSPITAL

# Rayuan kes rasuah Isa Samad ditangguh

# HARIAN METRO
# 27/06/2023
# (SELASA)

# Sarjan tak mengaku terima suapan RM1k

**Seremban:** Seorang anggota polis dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam, atas tuduhan menerima suapan RM1,000 daripada lelaki yang dikenalinya dua tahun lalu.

Tertuduh, Sarjan Mohamad Khalmi Fadli Mohd Asali, 31, yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Port Dickson, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed.

Mengikut pertuduhan, kesalahan dilakukan di sebuah restoran di Pekan Lukut, Port Dickson, kira-kira jam 5 petang, 8 Disember 2021.

Berikutan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen [illegible] Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan Mohammad Amirul Firdaus Mohammad Ali menawarkan jaminan RM10,000 kepada tertuduh.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon jaminan yang rendah atas alasan tiada wang perbelanjaan rumah selain mempunyai dua anak yang masih kecil.

"Seorang anak saya masih sekolah manakala seorang lagi menerima rawatan [illegible] speech delay (lambat bertutur)," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan perlu melapor diri di Pejabat SPRM Port Dickson setiap bulan sehingga kes selesai.

Kes akan disebut semula 21 Julai depan untuk serahan dokumen.



**HARIAN METRO**
**28/06/2023**
**(RABU)**



# Teliti isu kontrak gentian optik RM214j

# SPRM tak lengah siasatan

*Siasatan skandal rasuah ambil pekerja asing babit pegawai KSM berada di peringkat akhir*

**HARIAN METRO**

**28/06/2023**

**(RABU)**



# Lebih seorang ahli politik disiasat

## SPRM tak boleh dedah identiti atau parti, masih lagi kumpul maklumat

### Orang politik 'payung' tauke judi online

## SPRM perlu masa teliti dakwaan salah guna kuasa babit Tun M

**BERITA HARIAN**

**28/06/2023**

**(RABU)**



Siasatan kes rasuah babit KSM peringkat akhir



**BERITA HARIAN**

**28/06/2023**

**(RABU)**

KES RASUAH DATUK SERI BABITKAN NILAI RM15 JUTA

# Bicara 10 hari Mei tahun depan



"Sebelum bicara bermula, pihak-pihak (peguam Choo Tiam dan pendakwaan) ada masa untuk membuat sebarang permohonan berkaitan kes."

HARIAN METRO

29/06/2023

(KHAMIS)

# Bicara Datuk Seri dituduh rasuah RM15j Mei tahun depan

"Pihak kami mengemuka surat kepada SPRM bertarikh 6 dan 19 Jun, bagi meminta agensi itu memberikan butiran terperinci berhubung tuduhan terbabit"



**BERITA HARIAN**
**29/06/2023**
**(KHAMIS)**

MINTA RASUAH RM800

# SPRM tahan tiga anggota penguat kuasa

**Kuala Lumpur:** Tiga anggota penguat kuasa sebuah jabatan kerajaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki meminta dan menerima rasuah RM800 daripada pemandu lori.

Sumber berkata, pemandu lori terbabit mendakwa ketiga-tiga suspek lelaki yang menaiki kenderaan jabatan kerjaaan meminta rasuah sebagai balasan bagi melepaskan pemandu lori itu daripada disaman.

Difahamkan pemandu lori itu melakukan kesalahan tidak memiliki lesen membawa barangan jam 8.30 malam kelmarin.

"Ketiga-tiga suspek berusia antara 35 hingga 41 tahun itu ditahan pegawai SPRM di sebuah hentian bas di ibu kota jam 11.30 malam hari sama," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

"SPRM menjalankan siasatan berhubung kejadian mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

**HARIAN METRO**
**30/06/2023**
**(JUMAAT)**